



شيخ الإسلام محمد بن عبد الوهاب: مصلح مظلوم ومفتري علي.

Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab:

# TOKOH Yang DIZALIMI

Mas'ud al-Nadwi

# **Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab: Tokoh Yang Dizalimi**

**Karangan: Mas'ud al-Nadwi**

**Terjemahan: Mohd Amin Yaacob**

**KREDIT -**

Disunting dari laman web - <http://hafizfirdaus.com/>

Ebook asal boleh dicapai di sini: <https://tinyurl.com/yaygmbjc>

<b><u>Kandungan</u></b>	<b>m/s</b>
<b>Pendahuluan</b>	<b>vii</b>
<b>Kata Aluan Dr Taqi Al-Din Al-Hilali</b>	<b>viii</b>
<b>Kata Aluan Dr 'Abd. Al-'Alim Al-Bastawi</b>	<b>x</b>
<b>Kata Pengantar Al-Syeikh Mas'ud Al-Nadwi</b>	<b>xii</b>
<b>Bab Pertama: Al-Syeikh Muhammad Bin 'Abd. Al-Wahhab: Kehidupan Serta Perjuangan</b>	<b>1</b>
<b>Semenanjung Tanah Arab Ketika Umat Islam Maju Muhammad Bin 'Abd. Al-Wahhab Dunia Islam Ketika Lahirnya Al-Syeikh Al-Imam Negeri Najd Sebelum Lahirnya Al-Syeikh Al-Imam Kelahiran Al-Syeikh Al-Imam Pembesaran Al-Syeikh Al-Imam Perjalanan Menuntut Ilmu Dalam Lapangan Dakwah Menetap Di Daerah 'Uyainah Pada 1157H/1744M Seruan Dakwah Mendapat Sekatan Di 'Uyainah Menetap Di Al-Dar'iyah Pada 1157-1158H Sokongan Al-Amir (Penguasa) Muhammad Bin Saud Era Peringkat Pertama Ibn Mu'ammr Menyesal Di Atas Tindakannya Dalam Lapangan Dakwah Penyebaran Seruan Dakwah Dakwah Di Luar Najd Ibn Dawwas Serta Para Penentang Lain Meninggal Dunia Kelebihan Utama Kelebihan Lain Anak-Anak Serta Cucunya</b>	



## Bab Kedua: Pemerintahan Kerajaan Semenanjung Tanah Arab

26

Pemerintah Pertama - Muhammad Bin Saud  
Penduduk Najd Dihalang Menunaikan Haji  
Pemerintah Kedua: 'Abd. Al-'Aziz Bin Muhammad Bin Saud  
Haji Pertama Selepas Larangan  
Delegasi Pertama Najd  
Keizinan Umum Dalam Menunaikan Haji  
Delegasi Kedua Najd  
Delegasi Ketiga Najd  
Perdamaian Setelah Peperangan  
Ibadat Haji Pada 1213H  
Ibadat Haji Pada 1214H  
Ibadat Haji Pada 1215H  
Serangan Terhadap Karbala Pada 1216H/1802M  
Perjanjian Damai Tamat Pada 1217H  
Memasuki Mekah  
Al-Amir 'Abd. Al-'Aziz Mati Syahid  
Pemerintah Ketiga: Saud Bin 'Abd. Al-'Aziz  
Memasuki Mekah Kali Kedua  
Haji Ketiga Saud  
Pembaikan (Al-Islah) Lain  
Penaklukan Serta Peperangan Lain  
Ras Al-Khimah  
Peperangan Dengan Mesir  
Tusun Dan Peperangan  
Saud Meninggal Dunia  
Kehidupan Sehari-hari Saud  
Pemerintah Keempat: 'Abd. Allah Bin Saud Bin 'Abd. Al-'Aziz  
Perjanjian Damai Serta Pengkhianatan  
Delegasi 'Abd. Allah Tiba Di Mesir  
Ibrahim Basha  
Penguasaan Bandar Al-Dar'iyah  
Kesudahan Menanti 'Abd. Allah Bin Saud  
Kesudahan Lain

Senarai Nama Syuhada Di Kalangan Keluarga Saud: Senarai Nama  
Syuhada' Di Kalangan Keluarga Al-Syeikh Al-Imam  
Pemusnahan Bandar Al-Dar'iyah  
Kerajaan Britain Mengutuskan Ucapan Tahniah  
Peperangan Mesir  
Pengkhianatan Serta Kezaliman Muhammad Ali


**Bab Ketiga: Hasil Penulisan Al-Syeikh Al-Imam Muhammad  
Bin 'Abd. Al-Wahhab** 55

**Bab Keempat: Hakikat Dakwah** 61

Keburukan Politik  
Madzhab Fekah Al-Syeikh Al-Imam  
Akidah Beliau  
Tauhid Serta Syarat-Syaratnya  
Memohon Kepada Selain Allah Ketika Musibah Atau Memohon  
Selain-Nya Di Samping Memohon Kepada-Nya  
Al-Istigoshah  
Al-Tawassul  
Al-Isti'azah  
Bersumpah Kepada Selain Allah  
Menziarahi Kubur

**Bab Kelima: Pertuduhan Serta Pembohongan Terhadap  
Al-Syeikh Muhammad 'Abd. Al-Wahhab Dan Pergerakan Dakwahnya** 72

Istilah Wahabi  
Penentang Pertama Al-Syeikh Al-Imam  
Penentang Utama Lain Yang Sezaman  
Pelbagai Pembohongan Terhadap Al-Syeikh Al-Imam  
Pelbagai Pembohongan Lain  
Meruntuhkan Kubah Yang Dibina Di Atas Kubur Rasulullah  
Penyaksian Tokoh Inggeris  
Pertuduhan Ajaib



Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis daripada penulis.

Penerbit: Perniagaan Jahabersa15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas, 81200 Johor Bahru, Johor Darul Takzim, Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 235 1605.

Fax: 07-2351603

<http://www.jahabersa.com.my>

[jahabers@tm.net.my](mailto:jahabers@tm.net.my)

[jahabers@starhub.net.sg](mailto:jahabers@starhub.net.sg)



Edisi ebook oleh i-Paksi Training Centre

## **Pendahuluan**

Syeikh al-Islam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab: Muslih Mazlum wa Muftaro 'alayh ditulis dalam bahasa Urdu oleh pendakwah salafi al-Syeikh Mas'ud al-Nadwi rahimahullah dan dicetak sewaktu hayatnya di Pakistan pada 1975. Ia diperolehi dari pusat pendidikan Islam al-Allamah Ibn Baz di India serta Pusat Penerbitan Dar al-Da'ie di Riyadh. Penulisan ini diterjemah ke dalam bahasa Arab oleh al-Syeikh Dr 'Abd. Alim al-Bastawi. Beliau ketika itu merupakan penuntut di fakulti pendidikan tinggi Universiti Umm al-Qura. Penterjemahan di bawah penelitian al-Syeikh Dr Taqi al-Din al-Hilali rahimahullah dan dicetak oleh Kementerian Pendidikan serta Waqaf kerajaan Arab Saudi.

Daku berpeluang membaca penulisan ini dalam bahasa Urdu lantas mendapatinya amat bermutu serta bernilai untuk diketahui kaum muslimin sekalian. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala mengurniakan ganjaran kepada al-Syeikh 'Abd. Alim al-Bastawi kerana berusaha menterjemahkan penulisan ini kepada penutur lughoh al-Dhod (bahasa Arab). Namun percetakan dalam bahasa asal (Urdu) masih giat diteruskan penerbitan Dar al-Da'ie yang berpusat di Riyadh.

Sehubungan ini tidak perlu bagiku memperjelaskan dengan mendalam kepentingan penulisan ini sekiranya diperbandingkan majoriti penulisan lain mengenai perjuangan serta rintangan yang dihadapi al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah dalam memperjuangkan dakwah al-Salafiyah di Semenanjung Tanah Arab. Mencukupi kenyataan guruku al-Syeikh Dr Taqi al-Din al-Hilali seperti berikut:

Amat sesuai bagimu mengenali perjuangan serta rintangan yang dihadapi al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah menerusi pengumpulan maklumat yang tepat dalam sebuah penulisan yang tidak melebihi 200 halaman. Segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala dengan rahmat-Nya mengurniakan taufik kepada al-Ustaz Mas'ud al-Nadwi dalam merealisasikan perkara ini. Beliau merupakan muridku yang terbilang di fakulti Nadwah al-Ulama' di India.

Beliau menambah:

Secara realiti ramai pengarang menulis mengenai sejarah dakwah al-Salafiyah. Namun jarang maklumat terkumpul menerusi sebuah penulisan yang diulas, diteliti serta menerima pengesahan. Allah Subhanahu Wa Ta'alamengurniakan rahmat-Nya ke atas muridku al-Ustaz Mas'ud al-Nadwi dalam merealisasikan perkara ini sehingga memperolehi kejayaan. Sehubungan ini terpampang di hadapan kami sejarah perjuangan al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah serta penolakan terhadap pendustaan para penentang terhadapnya. Ia berdasarkan pembuktian kukuh yang diperolehi dari umat Islam serta golongan non muslim.

Kepada para pendakwah serta penuntut ilmu daku persembahkan penulisan mengenai mujaddid Islam kurun ke 12 al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah. Beliau dengan gigih berusaha mengembalikan umat Islam kepada kefahaman akidah Islam yang sah bersumberkan al-Qur'an serta al-Sunnah Rasul-Nya pada setiap ketika.

Daku berterimakasih kepada sahabatku al-Syeikh Dr 'Abd. Alim al-Bastawi di atas usahanya menterjemahkan penulisan ini ke dalam bahasa Arab serta menghadihkannya untuk diterbitkan di bawah percetakan Dar al-Da'ie. Beliau seterusnya mewakafkan pula kepada Universiti Imam Ibn Taymiyyah serta pusat pendidikan Islam al-allamahIbn Baz di India. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala mengurniakan rahmat serta ganjaran kepadanya.

Muhammad Luqman al-Salafi

### **Kata Aluan Dr Taqi Al-Din Al-Hilali**

Al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah memperjuangkan dakwah Islam sebagaimana yang dilaksanakan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam serta para sahabat baginda. Beliau turut mengasaskan pemerintahan Islam berdasarkan al-Qur'an serta al-Sunnah sehingga mengalahkan para syaitan. Tidak ada keraguan kepentingan mengetahui persoalan ini sama ada kalangan penyokong, penentang, umat Islam serta golongan non muslim.

Tidak dinafikan ramai individu menulis mengenai sejarah dakwah al-Salafiyyah menerusi pelbagai bahasa sama ada bertujuan menyatakan pujian mahupun celaan terhadapnya. Ia sama ada perbahasan berjilid tebal, sederhana mahupun berbentuk ringkasan. Namun jarang maklumat terkumpul menerusi sebuah penulisan yang diulas, diteliti serta menerima pengesahan. Ini menyukarkan penuntut ilmu sehingga terpaksa mengkaji keseluruhan penulisan serta melakukan penelitian dalam usaha membezakan maklumat benar serta yang salah.

Namun Allah Subhanahu Wa Ta'ala mengurniakan rahmat-Nya ke atas muridku al-Ustaz Mas'ud al-Nadwi dalam merealisasikan perkara ini sehingga memperolehi kejayaan. Ini menerusi pengkajian serta penelitian mendalamnya terhadap lebih 70 penulisan melibatkan kepelbagaian topik perbahasan sama ada merujuk persoalan akidah mahupun sejarah. Terserlah menerusinya ringkasan sejarah dakwah al-Salafiyyah serta pemerintahan keluarga Sa'ud dari penubuhan sehingga ke peringkat mutakhir. Ia melibatkan perjuangan, pertembungan dengan para penentang serta peperangan. Sehubungan ini terpampang di hadapan kami sejarah perjuangan al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah serta penolakan terhadap pendustaan para penentang terhadapnya. Ia berdasarkan pembuktian kukuh serta penyaksian yang diperolehi dari umat Islam serta golongan non muslim.

Muridku al-Ustaz Mas'ud al-Nadwi menamakan penulisan ini dengan tajuk: Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab Muslih Mazlum wa Muftara 'alayh namun dalam bahasa Urdu yang daku tidak memahaminya. Beliau merupakan muridku yang terbilang di fakulti Nadwah al-Ulama' di India yang daku berpeluang mengajar di institusi pendidikan Islam tersebut pada 1349H sehingga 1352H.

Tidak pernah kulihat kesungguhan serta ketekunan mempelajari ilmu sebagaimana terserlah ke atas dirinya menerusi ketinggian akhlak serta tidak takut celaan para pencela. Al-



Ustaz Mas'ud al-Nadwi berterusan menekuni ilmu sehingga ke Baghdad bersama rakannya al-Ustaz 'Asim al-Haddad. Di sana beliau menuntut ilmu kepadaku di masjid serta di kediamanku sehingga bertambah meningkat kecermerlangan. Daku tidak mendapati kekurangan di sisinya kecuali sikap fanatik diperingkat permulaan terhadap madzhab Hanafi. Dalam konteks ini beliau berbeza pendapat denganku walaupun sangat menghormatiku. Ketika berada di Baghdad, seorang ulama' Hanafi berkata kepadanya: "Bagaimana dikau bersahabat dengan lelaki ini (merujuk diriku) sedangkan dia mencela madzhab Abu Hanifah rahimahullah serta mengkritik guru kita al-Kawthari?" Mas'ud al-Nadwi menjawab: "Daku lebih mengetahui guruku serta al-Kawthari dari kamu."

Namun Allah Subhanahu Wa Ta'ala tetap mengangkat kedudukan al-Ustaz Mas'ud al-Nadwi walaupun kelemahan (pada peringkat permulaan) yang ada pada dirinya. Beliau merupakan salah seorang pemimpin kepada pertubuhan Islam yang diasaskan al-Ustaz al-Maududi. Beliau serta al-Maududi pernah ditangkap serta dipenjarakan selama beberapa tahun sehingga tidak berpeluang menghasilkan sebarang bentuk penulisan. Namun al-Ustaz Mas'ud al-Nadwi mengambil peluang ini menekuni kitab Nail al-Awtar karangan Imam al-Syaukani rahimahullah. Jelas di sisinya bahawa Allah Subhanahu Wa Ta'ala, para Salaf al-Soleh termasuk Imam Abu Hanifah rahimahullah tidak meredhai sikap fanatik bermazhab. Beliau lantas memisahkan diri dari sikap ini lantas berpegang teguh kepada al-Qur'an serta al-Sunnah sehingga meninggal dunia.

Merujuk kenyataan ulama' Hanafi tersebut bahawa daku mencela mazhab Abu Hanifah, ia hanyalah suatu pertuduhan tanpa sebarang bukti. Daku tidak menyalahi pandangan Imam Abu Hanifah rahimahullah sehingga pencelaan harus ditujukan ke atas dirinya. Hakikatnya perselisihan yang membawa pertelingkahan serta permusuhan hanya dalam permasalahan akidah bukan perkara cabang. Pegangan akidah Abu Hanifah rahimahullah menyamai pegangan akidah generasi salaf di kalangan para sahabat, tabi'in serta imam empat mazhab. Dalam konteks ini daku tidak mencela pegangan beliau ini selama-lamanya. Sebaliknya perselisihan dalam permasalahan cabang maka diketahui umum tokoh madzhab Hanafi sendiri contohnya Imam Muhammad serta Imam Abu Yusuf menyalahi serta mengkritik pandangan Imam Abu Hanifah dalam beberapa permasalahan.

Sekiranya penghargaan diperuntukkan kepada muridku Mas'ud al-Nadwi di atas penulisannya maka penghargaan turut melibatkan muridku 'Abd. Alim al-Bastawi. Beliau seorang graduan di Universiti Islam Umm al-Qura serta Pendidikan Tinggi Universiti al-Malik 'Abd. al-'Aziz, Mekah. Ini menerusi usaha beliau menterjemahkan penulisan dengan baik ke dalam bahasa Arab setelah membaca di hadapanku dari permulaan hingga akhir. Sehubungan ini daku mengesyorkan kepada presiden Universiti yang mulia al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz bin Baz agar membacanya serta mengizinkan dicetak serta disebar untuk manfaat umat Islam sekalian.

Al-Allamah al-Adib Muhammad Taqi al-Din al-Hilali  
1394 H

## **Kata Aluan Dr 'Abd. Al-'Alim Al-Bastawi**

(Penterjemah dari bahasa Urdu ke bahasa Arab)

Di antara kurniaan Allah Subhanahu Wa Ta'ala kepada manusia ialah Dia tidak membiarkan mereka dalam kegelapan serta tanpa petunjuk dan kitab yang menerangi. Sebaliknya Dia mengutuskan para Rasul 'alayhimussolatuwassalam dari jenis manusia yang berperanan membawa kebenaran serta menyelamatkan diri dari kesesatan. Rasul yang terakhir ialah junjungan kita Muhammad sallallahu 'alayhi wa sallam yang membawa ajaran Islam yang lengkap hingga akhir kiamat. Baginda wafat setelah meninggalkan kepada umatnya landasan yang amat terang (al-mahajjah al-baido') yang tidak melampauinya melainkan golongan yang menerima kebinasaan.

Bagi menjamin terpeliharanya Islam sehingga kiamat, Allah Subhanahu Wa Ta'ala menyediakan para ulama' di setiap kurun yang berpegang teguh dengan sunnah Rasul-Nya. Mereka memimpin manusia kepada petunjuk al-Sunnah al-Nabawiyah setelah manusia lalai serta jahil terhadapnya. Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya. (Surah al-Hijr: 9)

Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam bersabda yang bermaksud: Sesungguhnya Allah mengutuskan kepada umat ini di setiap kurun seseorang yang memperbaharui urusan agamanya.[1]

Sehingga kini para ulama' serta pendakwah yang hak dengan gigih berterusan memelihara akidah serta syariat Islam. Mereka menentang penyelewengan para pendusta serta mengingatkan golongan yang lalai. Di kalangan mereka ialah al-Mujaddid al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab al-Tamimi rahimahullah. Beliau dilahirkan pada zaman kesesatan serta kejahatan bermaharajalela sementara golongan kebenaran merasa takut serta lemah untuk mengatasinya. Al-Syeikh al-Imam dengan bantuan Allah Subhanahu Wa Ta'ala bangun menentang kesesatan ini menerusi petunjuk al-Qur'an serta al-Sunnah. Namun dari masa ke semasa umat Islam melupai risalah serta menentang perjuangannya disebabkan kejahilan serta penyelewengan yang mereka lakukan.

Al-Syeikh al-Imam menghadapi rintangan serta musibah yang besar dalam merealisasikan perjuangan suci ini. Namun beliau dengan sabar serta penuh kegigihan menghadapinya sehingga ternyata hakikat kebenaran. Kesannya ramai kaum muslimin di serata dunia Islam kembali kepada landasan sebenar yang dibawa Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Sehubungan ini mereka keluar dari kehinaan dengan tersebar cahaya petunjuk serta tertegak syariat dan pemerintahan Islam sama ada menerusi tindakan serta pengamalan.

Menyedari kebaikan pergerakan al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab, umat Islam perlu mengetahuinya serta melakukan penilaian sepatutnya dan berusaha

menyebarkannya kepada sekalian manusia. Usaha perlu dilakukan bagi mempertahankan perjuangan ini dari pendustaan sebahagian golongan yang terpedaya dengan kedudukan, hartabenda sama ada kalangan ilmuan mahupun golongan jahil.

Persoalan ini memberi motivasi kepadaku mempelajari perjalanan hidup serta perjuangan al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab yang secara realiti melaksanakan dakwah serta perbaikan (al-Islah). Daku mengkaji pelbagai penulisan mengenai beliau namun penulisan al-Syeikh Mas'ud al-Nadwi mengatasi selainnya. Ini disebabkan beberapa faktor seperti berikut:

1. Penulis tidak terpengaruh dengan organisasi serta pertubuhan dakwah ataupun menunjukkan sikap fanatik terhadap sesuatu golongan.
2. Sumber rujukan berasaskan hasil penulisan golongan penentang serta penyokong dakwah al-Syeikh al-Imam. Ini membolehkan penulis melakukan penelitian serta mengetahui kedudukan sebenar tanpa sebarang prejudis. Perkara ini jarang didapati menerusi penulisan lain.
3. Penulis turut merujuk hasil penulisan sejarawan serta penjelajah Eropah. Menerusinya beliau berpeluang mengetahui sikap sebenar golongan ini terhadap perjuangan al-Syeikh al-Imam. Perkara ini jarang didapati menerusi penulisan lain.

Merujuk penulisan al-Syeikh Mas'ud al-Nadwi, terserlah kepada pembaca perjalanan hidup al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab serta perjuangan dakwahnya merupakan perjalanan serta perjuangan dakwah Islam yang hakiki. Ia merupakan seruan mengembalikan kaum muslimin kepada ketinggian serta kemuliaan sebagaimana yang terdapat pada zaman Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam, para sahabat serta tabi'in. Selain itu ia merupakan seruan dakwah para anbiya' 'alayhimussolatuwassalam sekalian. Al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab tidak mencipta perkara baru serta tidak mengeluarkan dirinya dari akidah Islam yang disepakati para tokoh serta pemimpin Islam keseluruhannya.

Memang benar, wujud pelbagai kekeliruan sekitar dakwah ini serta terhadap pemimpinnya. Ia dilakukan golongan yang menuruti hawa nafsu serta para penyesat agama. Kekeliruan serta pendustaan ini telah menyesatkan sebahagian kaum muslimin di pelbagai lapangan dan tempat. Namun segala puji bagi Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Keseluruhan pendustaan serta kekeliruan berjaya di atasi dari masa ke semasa sehingga dakwah al-Salafiyah tersebar di seluruh pelusuk dunia.

Daku menyeru kaum muslimin agar mempelajari dakwah al-Salafiyah serta mempertahankannya terutama pada saat umat Islam berada pada kedudukan kritikal dari pelbagai sudut. Namun kejahilan, perselisihan serta penyelewengan telah membantu musuh melakukan tipudaya sama ada disedari mahupun tidak. Marilah kita bangkit dari kelemahan serta mengembalikan pemikiran kepada cahaya al-Qur'an serta al-Sunnah dan menyeru sekalian manusia kepadanya. Tiada kejayaan serta kesatuan kepada umat Islam melainkan menerusi kedua perkara ini.

Peringatan:

1. Kajian penulis berdasarkan sumber rujukan Arab serta Inggeris. Sehubungan ini rujukan dilakukan terhadap sumber rujukan Arab sebagaimana dinyatakan penulis. Namun daku tidak berkesempatan merujuk majoriti sumber rujukan berbahasa Inggeris. Oleh yang demikian penterjemahan hanya berdasarkan sebagaimana dikemukakan penulis dalam penulisannya.
2. Penulis mengemukakan pelbagai ulasan yang diterjemahkan sebagaimana asal. Daku turut mengemukakan beberapa ulasan apabila dirasakan perlu yang ditandakan dengan ungkapan “penterjemah” dipenghujungnya. Ia bagi membezakan ulasan penulis dengan penterjemah.
3. Nombor halaman serta tarikh dikemukakan sebagaimana termaktub dalam penulisan. Namun daku menghadapi kesukaran merujuk kembali keseluruhan sumber rujukan penulis disebabkan keterbatasan bahan kajian. Pembetulan dari pembaca dialu-alukan sekiranya wujud sebarang kesilapan.

Akhir kata daku menyatakan penghargaan kepada para guru yang membantu dalam menyiapkan naskah penterjemahan ini. Antaranya Dr Muhammad Taqi al-Din al-Hilali yang memperuntukkan waktu melakukan semakan serta penelitian. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala mengurniakan ganjaran ke atas sekalian kaum muslimin.

### **Kata Pengantar Al-Syeikh Mas'ud Al-Nadwi**

(Penulis)

Maha Mulia kehendak Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Penulis berhasrat menulis mengenai pergerakan pembaharuan serta kepimpinan yang diasaskan al-Sayyid Ahmad Syahid rahimahullah serta keadaan pengikutnya namun yang dihasilkan merupakan sejarah hidup al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah.

Persoalan ini bermula apabila dua penuntut universiti Dar al-Ulum Nadwah al-Ulama berhasrat pada tahun 1935M menyusun sejarah pergerakan pembaharuan (al-Tajdid) serta kepimpinan (al-Imamah) yang diasaskan kedua syuhada' iaitu Ahmad al-Barawelli serta Isma'il al-Dahlawi. Kedua mereka ini melaksanakan tanggungjawab yang diberi di mana al-Ustaz al-Sayyid Abul Hassan 'Ali al-Nadwi menulis mengenai riwayat hidup al-Syahid Ahmad al-Barawelli pada 1939 ketika beliau bertugas sebagai guru ilmu tafsir serta kesusasteraan Arab di Universiti Dar al-Ulum Nadwah al-Ulama. Penulisan ini berjaya disiapkan serta dicetak sebanyak dua kali dalam masa yang singkat.

Penuntut kedua (penulis) menghadapi rintangan dari setiap sudut. Ini disebabkan kelesuan para ilmuwan serta kesukaran mendapatkan sokongan pelbagai pihak. Namun persoalan pembaharuan serta kepimpinan ini berterusan menjadi bahan perbincangan pelbagai pihak. Antaranya majalah al-Diya' menerusi topik utama al-Harkah al-Wahabiyah al-Siyasiah "Pergerakan Politik Wahabi"[2] dan majalah al-Hilal yang berpusat di Batnah dengan artikel bertajuk al-Wahabiyah: Harakah Diniyyah wa Siasiyah "Wahabi: Pergerakan Keagamaan Serta Politik".

Namun sepanjang penelitian terhadap pelbagai jenis penulisan ternyata banyak kenyataan mengelirukan serta pertuduhan yang penulis tidak dapat bersabar terhadapnya. Majoriti kesalahan fakta yang dikemukakan para rakan serta musuh melibatkan kenyataan yang mengatakan pergerakan pembaharuan serta kepimpinan al-Syahid Ahmad merupakan cabang kepada pergerakan Wahabi di negeri Najd. Tiada keraguan di mana sumber serta matlamat kedua pergerakan ini mempunyai titik persamaan dari sudut berpegang teguh kepada al-Qur'an serta al-Sunnah manakala pengasas kedua pergerakan ini merupakan pejuang Islam yang gigih menyampaikan kebenaran.

Namun secara realiti, kedua pergerakan ini tidak mempunyai perhubungan antara satu sama lain sama ada dekat mahupun jauh. Keduanya mempunyai kriteria tersendiri walaupun berpegang teguh kepada dua sumber tersebut. Dengan kata lain, kedua pergerakan ini mempunyai persamaan dari sudut pegangan (akidah) namun berbeza dari aspek perkara cabang.

Sebagaimana kenyataan terdahulu, penulis menemui pelbagai kekeliruan serta pendustaan mengenai pergerakan pembaharuan yang dilakukan penduduk negeri Najd. Sehubungan ini penulisan terpaksa dibahagikan kepada dua bahagian. Jilid pertama diperuntukkan bagi menjelaskan pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab sementara jilid kedua mengenai pergerakan pembaharuan serta kepimpinan al-Syahid al-Sayyid Ahmad (1831-1871m).

Apabila menulis mengenai sejarah pergerakan Wahabi di Najd serta pergerakan pembaharuan (al-Tajdid) serta kepimpinan (al-Imamah) di India penulis sama sekali tidak bermaksud bahawa kebenaran hanya wujud atau terhad dengan mengikuti kedua pergerakan ini. Oleh yang demikian penulis tidak melabelkan kedua pergerakan tersebut dengan madzhab atau aliran khusus sepertimana pergerakan pemikiran lain. Sokongan tetap diberikan terhadap segala sesuatu yang bersesuaian dengan Islam serta kaum muslimin. Dalam konteks ini kebenaran hakiki ialah mengikuti al-Qur'an serta al-Sunnah. Petunjuk serta hidayah bukan dikuasai sesuatu aliran fekah, organisasi atau negara sahaja sama ada di Najd, India mahupun tempat lain. Pengajaran Allah serta Rasul-Nya jelas dalam perkara ini. Di mana kejayaan serta petunjuk berada kepada sesiapa sahaja yang mengikuti Allah serta Rasul-Nya.

Ketika menulis mengenai kedua pergerakan ini, pemilihan berasaskan kepada dua tokoh pembaharuan paling terkemuka abad ke 12 serta 13. Ini tidak bermaksud tokoh pembaharuan pada peringkat tersebut hanya kedua individu yang dinyatakan. Wujud tokoh berwibawa lain seperti Syah wali Allah al-Dahlawi (1114-1176H) di India serta Muhammad bin Ali al-Sanusi di



Tarablus (1202H/1787m). Selain itu, penulis sama sekali tidak mengatakan pergerakan pembaharuan di Najd serta di India bebas dari sebarang kesalahan. Hanyasanya mereka merupakan pergerakan yang ikhlas memperjuangkan agama Allah berdasarkan sempadan kemanusiaan yang ada pada diri mereka. Oleh itu penuntut ilmu seharusnya berhati-hati dengan maklumat yang diterima dari para musuh, tuan-tuan syeikh yang jahil serta golongan sufi.

Penulis berusaha sekadar termampu menghindarkan diri mengemukakan pandangan peribadi. Sehubungan ini rujukan diperolehi berasaskan sumber yang sahih serta diperakui. Untuk pengetahuan pembaca, penulisan ini bermula pada bulan Syawal 1359H (November 1940M) serta siap sepenuhnya pada bulan November 1941M. Ia mengambil masa untuk disiapkan disebabkan usaha pembaikan, pembetulan serta penambahan maklumat yang dilakukan dengan penuh penelitian berasaskan kepelbagaian sumber rujukan.

Penulis menyampaikan penghargaan kepada pihak yang membantu serta menyumbangkan bahan kajian. Antaranya Dr 'Adhim al-Din di Batnah, Professor Hassan Askari di Batnah, Ustaz 'Abd. al-Rahman al-Kasyghiri di Calcutta, Ustaz Muhammad Daud al-Ghaznawi di Lahore, Dr al-Syeikh Muhammad 'Inayatullah di Lahore, Dr Muhammad Humaidullah di Hyderabad, Ustaz Syarif al-Din serta anak-anaknya di Bombay, Ustaz 'Abd. al-Majid al-Jariri di Banares, Professor Muhammad Akbar al-Nadwi di Universiti Calcutta, al-Hakim al-Hafiz Yusuf Hassan Khan di Batnah. Tanpa bantuan mereka, agak sukar memperolehi majoriti sumber rujukan yang amat bernilai serta hampir pupus.

Dalam konteks ini, penghargaan khas ditujukan kepada seorang ulama' Najd yang mengutuskan ucapan tahniah serta menziarahi penulis di Bombay. Beliau ialah al-Syeikh Muhammad Imran yang menetap di Riyadh yang mendapat pendidikan berteraskan pengajian al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab serta para ulama Najd. Tuan syeikh ini memiliki pengetahuan mendalam mengenai biografi ulama' Najd kontemporari. Banyak maklumat yang diperolehi penulis daripada beliau ini.

Peringatan:

1. Penulis berusaha sekadar termampu menyatakan tahun hijrah serta masihi.
2. Penggunaan ungkapan "Syeikh al-Islam" atau "al-Syeikh" tanpa nama khas merujuk kepada al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab. Ini dilakukan walaupun menjadi kebiasaan merujuk gelaran itu kepada Imam Ibn Taymiyyah rahimahullah.
3. Sebahagian petikan Arab serta Inggeris tidak diterjemahkan secara harfiyyah. Namun penelitian tetap dilakukan supaya terjemahan tidak tersasar dari pengertian asal.
4. Kemungkinan wujud kesalahan sebutan dalam penterjemahan Inggeris. Sekiranya terjadi demikian pembetulan pembaca sangat dialu-alukan.

Mas'ud al-Nadwi

Batnah: 8 Jamad al-Ula 1361H

# Bab Pertama

---

## **Al-Syeikh Muhammad Bin 'Abd. Al-Wahhab: Kehidupan Serta Perjuangan**

## **Bab Pertama**

### **Al-Syeikh Muhammad Bin 'Abd. Al-Wahhab: Kehidupan Serta Perjuangan**

#### **Semenanjung Tanah Arab Ketika Umat Islam Maju**

Negeri Hijaz kehilangan fungsi kepemimpinan sejak pemerintahan Bani Umayyah. Penguasa Damasyik menjadikannya sebahagian dari wilayah untuk ditadbir serta kota yang didiami golongan bangsawan. Sementara itu Abu Muslim al-Khurasani merampas kepemimpinan bangsa Arab pada 132H. Kerajaan 'Abbasiyyah turut mengamalkan polisi ini sehingga akhirnya ia merupakan kerajaan yang dipimpin golongan 'ajam (bukan Arab) dari masa ke semasa. Pengaruh Turki mula bertapak ketika pemerintahan khalifah al-Mu'tasim (218-227H/833-882M) sehingga menguasai pemerintahan. Namun masyarakat Arab tidak terlibat dalam perubahan ini.

Ketika kaum muslimin berada di zaman kemewahan pusat ilmu muncul di Baghdad serta Cordova, Sepanyol. Sehubungan ini cahaya serta petunjuk menyelubungi Universiti al-Azhar, al-Zaituniyyah serta Qarawiyyin. Kerajaan Turki membebaskan Constantinople dari empayar Byzantin manakala Sulaiman yang Agung / the Great (926-974H/1520-1566M) meluaskan lagi wilayah pemerintahan Turki. Tentera Moghul menguasai India namun unta-unta di Tanah Arab dengan lenanya tidur di padang pasir.

Kerajaan Turki Uthmaniyyah menguasai Hijaz selama beberapa abad serta memperuntukkan sebahagian besar sumber pendapatan Mesir untuk mentadbir Mekah dan Madinah. Namun bahasa Turki dijadikan bahasa rasmi di pejabat serta urusan pentadbiran. Allahu Akbar! Kerajaan khalifah muslimin menguasai tempat turunnya wahyu namun mempergunakan bahasa yang tidak ada kaitan dengan bahasa al-Qur'an. Betapa ajaib dunia ini serta lemahnya para penguasa serta kepemimpinan sehingga menjadikan bahasa Turki bahasa rasmi apabila bangsa Turki menguasai pemerintahan. Sementara itu sebahagian masyarakat Arab menyibukkan diri mereka dengan penjagaan kubur serta aktiviti meminta sedekah dan merompak, persis sebagaimana zaman jahiliyyah terdahulu.

#### **Muhammad Bin 'Abd. al-Wahhab**

Ketika umat Islam meninggalkan Kitab Allah serta Sunnah Rasul-Nya lantas mengambil pelbagai jenis sembah selain Allah Subhanahu Wa Ta'ala, mereka menyeru serta bermohon kepada al-Badawi serta al-Rifaie di Mesir, 'Abd. al-Qadir al-Jailani di Iraq serta India, Ibn 'Abbas di Mekah serta Taif dan Ibn 'Ulwan di Yaman<sup>1</sup>. Sebahagiannya mengambil berkat serta bermohon kepada pokok serta batu-batan. Apabila gejala ini berleluasa di Tanah Arab, muncul cahaya petunjuk serta kebenaran kalimah tauhid di lembah yang kering kontang lantas menyinari alam.al-Syeikh

---

<sup>1</sup> al- Son'ani, Tathir al-l'tiqad min Adran al-Ilhad, hlm.2-5

al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab berhasrat menyebarkan cahaya suci ini menerusi perjuangan yang berterusan.

### **Dunia Islam Ketika Lahirnya Al-Syeikh Al-Imam**

Hakikatnya dunia Islam berada pada krisis pemikiran serta moral ketika penghujung abad ke 8 hijrah. Pintu ijtihad serta pemikiran tertutup sejak sekian lama. Aktiviti serta pengamalan umat Islam menjadi semakin mundur dari masa ke semasa. Keadaan ini semakin dahsyat pada kurun ke 12 hijrah sehinggakan golongan kafir merasa hairan apabila membandingkan keadaan kaum muslimin ketika itu dengan generasi awal Islam di zaman para sahabat radiyallahu 'anhum. Lothrop Stoddard, seorang penulis Amerika mengulas:

Ajaran Tauhid Nabi Muhammad yang murni diselaputi perkara khurafat serta alam kesufian. Masjid dalam keadaan usang serta kosong dari peribadatan. Kebanyakan golongan jahil memakai tangkal azimat yang digantung di tengkuk mereka. Golongan ini menyukai cerita fantasi yang disampaikan fakir miskin serta kumpulan darwish yang berkelana dari satu tempat ke tempat lain. Selain itu mereka gemar menziarahi makam para wali lalu memohon hajat serta syafaat di sisi kubur. Pengajaran al-Qur'an diketepikan.

Lantas golongan ini berterusan meminum arak, menghisap ganja serta terlibat dalam aktiviti pelacuran dan perbuatan keji lainnya. Mekah serta Madinah sepertimana bandar Islam lainnya turut dicemari aktiviti yang tidak sepatutnya. Penunaian haji sebagaimana yang disyariatkan telah disalahgunakan. Boleh dikatakan roh serta semangat Islam meninggalkan sebahagian umatnya. Sekiranya Nabi Muhammad kembali ke dunia ini sudah tentu beliau akan mengutuk umatnya di kalangan mereka yang layak menerima kutukan dengan istilah murtad serta penyembah berhala.<sup>2</sup>

Kenyataan di atas dikemukakan seorang penulis non-muslim. Namun tidakkah apa yang dinyatakannya terhadap umat Islam ketika itu merupakan suatu kebenaran? Berkata seorang pujangga terkenal Islam al-Amir Syakib Arsalan:

Sejarawan serta pengkaji yang mahir mengenai permasalahan yang menimpa umat Islam abad ke 17-18 mendapat banyak manfaat menerusi kajian penulisan Lothrop Stoddard, seorang penulis Amerika.<sup>3</sup>

David George Hogarth, seorang penulis barat turut mengulas:

Umat Islam mengalami kemunduran pada abad ke 18 masihi. Khalifah Uthmaniyyah kehilangan pengaruh serta kekuatan. Ini sehinggakan wilayah yang jauh dari pusat pemerintahan tidak mengiktiraf kekuasaannya. Negeri Yaman mengamalkan pemerintahan sendiri sejak beberapa abad manakala syarif (penguasa) Mekah bercita-cita melepaskan diri dari kekuasaan

---

<sup>2</sup> *Hadhar al-'Alam al-Islami*. Naskah terjemahan oleh Newhart, hlm.34

<sup>3</sup> *Hadhar al-'Alam al-Islami*, hlm.34

Turki. Kota Mekah yang merupakan pusat kerohanian bertukar sebagai tempat kemewahan serta kelazatan kebendaan. Tentera non-muslim menguasai sebahagian besar jajahan Turki.

Apa yang menarik sikap kemarahan serta kebencian yang wujud mutakhir ini terhadap penjajahan negara Perancis, Inggeris hilang taringnya pada zaman tersebut. Sekiranya umat Islam kehilangan keberanian bagaimana mungkin mereka menyampaikan seruan Islam?<sup>4</sup>

Ringkasan dari ungkapan di atas menunjukkan umat Islam ketika itu mengalami zaman kemunduran. Dengan ini amat mustahil mereka menghadapi arus kebangkitan sebagaimana yang di alami benua Afrika serta China abad ke 19 masihi.<sup>5</sup>

### Negeri Najd Sebelum Lahirnya Al-Syeikh Al-Imam

Najd merupakan negeri pendalaman kecil di Semenanjung Tanah Arab. Ia turut mengalami penyelewengan akidah sepertimana negeri lainnya. Di daerah Jubailah (di wadi Hanifah) kubur Zaid bin al-Khattab radiyallahu 'anhmenjadi tempat permohonan hajat. Di bandar al-Dar'iyah terdapat kubur sebahagian para sahabat radiyallahu 'anhum. Ia dijadikan pusat pengabdian golongan awam yang jahil. Di wadi Gubairah, makam Darar bin al-Azur dijadikan tempat perbuatan bid'ah serta khurafat. Golongan muda gemar mengunjungi sebatang pohon tua di Bulaidah al-Fida'. Kaum wanita turut mengunjunginya bagi memohon dikurniakan anak. Berhampiran tanah perkuburan al-Dar'iyah wujud sebuah gua yang dijadikan tempat melakukan perkara keji serta memalukan.<sup>6</sup> Keseluruhan perbuatan ini dilakukan atas nama agama. Golongan ilmuan yang memahami syariat serta hadith tidak memiliki kekuatan diri bagi melaksanakan amal makruf serta mencegah kemungkaran.

Kedudukan politik Najd bertambah buruk dari masa ke semasa. Perang saudara tercetus di seluruh daerah serta bandar negeri Najd. Dari sudut pemerintahan, Bani Khalid menguasai utara Najd (di Jabal Syammar) serta al-Ahsa. Ini sehinggakan daerah 'Uyainah mengiktiraf kekuasaan Bani Khalid. Kabilah Anzah menguasai bandar al-Dar'iyah. Daerah Manfuhah berdekatan al-Dar'iyah ditadbir Dawwas. Sehubungan ini Najd merupakan sebuah negeri yang terdiri dari pelbagai daerah yang ditadbir oleh para penguasa.<sup>7</sup>

---

<sup>4</sup> Hogarth, *Penetration of Arabia*

<sup>5</sup> Hogarth, *Penetration of Arabia*. Ia ditulis pada tahun 1904m

<sup>6</sup> Untuk memperdalam kajian mengenai perbuatan bid'ah serta perkara keji yang dilakukan penduduk Najd ketika itu sila rujuk penulisan seperti berikut:

1. Raudhah al-Afkar wa al-Afham li Mirtad hal al-Imam wa Ta'addad Ghazwat zawi al-Islam karangan al-Syeikh Husein bin Ghannam, 1225H, hlm.7-16.
2. 'Unwan al-Majd fi Tarikh Najd, karangan 'Uthman bin Bisyr al-Najdi, 1288H, hlm.6.
3. al-Hidayah al-Saniyyah wa al-Tuhfah al-Wahabiyyah al-Najdiyyah, karangan Sulaiman bin Sahman, hlm.9-47, 161-163.
4. Arabia, karangan Philip, hlm.4-5

Dalam konteks ini Philip serta Ibn Sahman banyak merujuk kitab Ibn Ghannam.

<sup>7</sup> Agak sukar untuk memahami geografi serta bentuk mukabumi negara Arab khususnya negeri Najd. Ini disebabkan ia tidak dibahagikan kepada wilayah sebagaimana yang terdapat di negara kita. Selain itu ketika itu tidak wujud kesatuan dalam pemerintahan. Secara ringkas negeri Najd terbahagi kepada tiga daerah besar:

1. Daerah utara barat dikenali sebagai Syammar. Bandar utamanya ialah al-Syahirah dan al-Qasr.
2. Daerah utara timur dikenali sebagai al-Qasim. Bandar utamanya ialah 'Unaizah dan Buraidah.
3. Daerah selatan dikenali sebagai al-'Arid. Bandar utamanya ialah Riyadh yang merupakan ibukota Saudi Arabia ketika ini. Daerah al-'Arid turut dikenali sebagai Jabal al-Yamamah. Sejak asal nama ini serta daerah sekitarnya dikenali sebagai Wadi Hanifah atau



## Kelahiran Al-Syeikh Al-Imam

Ketika suasana kegelapan serta kejahatan mendominasi umat, lahir Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab rahimahullah. Beliau dilahirkan di kediaman ilmuan 'Uyainah<sup>8</sup> yang terkenal pada tahun 1115H/1703M.<sup>9</sup> Datuk beliau Sulaiman bin 'Ali bin Musyarrif merupakan ulama' terkemuka pada zamannya sehingga menjadi tempat rujukan. Beliau menulis sebuah kitab terkenal mengenai manasik (haji). Menurut penulis kitab al-Sohib al-Wabilah, majoriti golongan Hanbali menjadikan kitab ini sebagai rujukan dalam bidang manasik (haji).<sup>10</sup> Bapa saudaranya Ibrahim bin Sulaiman seorang alim yang dikenali ramai. Anaknyanya 'Abd. al-Rahman (m.1206H) merupakan seorang ilmuan fekah serta ahli kesusasteraan Arab. Bapa al-Syeikh al-Imam iaitu 'Abd. al-Wahhab bin Sulaiman (m.1153H) memiliki pengetahuan fekah yang luas. Beliau seorang kadi di 'Uyainah serta Huraimila'. Sulaiman bin 'Abd. al-Wahhab (m.1208H) serta anaknyanya 'Abd. al-'Aziz (m.1263H) merupakan ilmuan terkenal. 'Abd. al-'Aziz menetap di Huraimila' ketika berlakunya serangan Mesir pada tahun 1236H. Setelah Huraimila' berjaya ditawan, beliau dipenjarakan sehingga pelbagai musibah terpaksa dihadapi seperti rampasan hartabenda dan pembakaran perpustakaan miliknya.<sup>11</sup>

## Pembesaran Al-Syeikh Al-Imam

Al-Syeikh al-Imam sejak kecil dikenali sebagai seorang yang cerdas serta memiliki ingatan dan hafalan yang kuat. Beliau menghafaz al-Qur'an sebelum mencapai usia sepuluh tahun. Beliau kemudian mempelajari kitab fekah madzhab Hanbali, hadith serta tafsir daripada bapanya. 'Abd. al-Wahhab memuji kelebihan anaknyanya sehinggakan beliau turut mengambil manfaat dari keluasan ilmu serta melantik beliau sebagai imam walaupun masih muda. Setelah berlalu beberapa tempoh masa, al-Syeikh al-Imam menunaikan haji di Mekah serta menziarahi Madinah selama dua bulan. Setelah selesai ibadat haji beliau kembali ke 'Uyainah menyibukkan dirinya menuntut ilmu daripada bapanya sehingga berjaya menulis 20 halaman pada setiap sesi pembelajaran.<sup>12</sup>

---

al-Yamamah. Musqat iaitu bandar di Yamamah merupakan tempat kelahiran al-Syeikh al-Islam sementara bandar al-Dar'iyah merupakan pusat kegiatan dakwahnya. Kedua tempat ini merupakan nadi atau kawasan terpenting di Najd. Bagi mengetahui secara mendalam sila rujuk Ensiklopedia Da'irah al-Ma'arif al-Islamiyyah perkataan "Arabia", Jil. 1, hlm.371, atau "Najd", Jil. 3, hlm.893-896.

Tidak diketahui secara pasti kedudukan bandar al-Qasr. Sementara al-Qasim terletak di utara barat Najd. (penterjemah)

<sup>8</sup> 'Uyainah disebut dengan didomahkan huruf 'ain. Ia turut dikenali dengan Bar al-Syeikh

<sup>9</sup> Ibn Ghannam, Jil. 1, hlm.30, Ibn Bisyr, Jil. 1, hlm.138. Rujukan mutakhir ialah Ahmad Zaini Dahlan menerusi kitabnya al-Durar al-Saniyyah, hlm 138 dan Khulasah al-Kalam, hlm.229. Amir Syakib Arsalan dalam Hadhar al-'Alam al-Islami, Jil. 4, hlm.161. Namun wujud beberapa kesalahan dalam karangan Dahlan serta Amir Syakib Arsalan. Kesalahan fakta turut didapati menerusi penulisan Hughes dalam Dictionary of Islam, hlm.659, Leopold dalam Pilgrimage to Najd, hlm.125, Zwemmer dalam The Cradlo of Islam Arabia dan selainnya. Mereka menyatakan kesalahan fakta mengenai kelahiran al-Syeikh al-Imam iaitu 1691m serta 1697m.

<sup>10</sup> Salasilah keturunan al-Syeikh al-Imam secara lengkap: Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab bin Sulaiman bin 'Ali bin Muhammad bin Ahmad bin Rasyid bin Barid bin Musyarrif....hingga akhirnya. Sila rujuk kenyataan mengenai sebahagian tokoh yang berasal dari keturunan al-Syeikh al-Imam dalam kitab al-Sahhab al-Wabilah 'ala Doroih al-Hanabilah seperti berikut:

1. Sulaiman bin 'Ali bin Musyarrif, hlm.103
2. Ibrahim bin Sulaiman bin 'Ali , hlm.8-9
3. 'Abd. al-Wahhab bin Sulaiman bin 'Ali, Sulaiman bin 'Abd. al-Wahhab serta 'Abd. al-'Aziz bin Sulaiman, hlm.17, 173.
4. 'Abd. al-Wahhab bin 'Abd. Allah bin 'Abd. al-Wahhab bin Musyarrif, hlm.173.

<sup>11</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.236

<sup>12</sup> Ibn al-Ghannam, Jil. 1, hlm.30

## Perjalanan Menuntut Ilmu

Allah Subhanahu Wa Ta'ala mengurniakan al-Syeikh al-Imam jiwa serta perasaan yang sensitif terhadap persekitaran. Sehubungan ini beliau merasa amat sedih serta kecewa melihat penyelewengan yang dilakukan di perkampungan serta bandar negeri Najd. Sebahagian ulama' turut terlibat dalam aktiviti keji yang dilakukan golongan awam. Dalam usaha mempersiapkan diri menghadapi suasana ini beliau dengan penuh kesungguhan menuntut ilmu dari bapanya serta berhasrat memperdalam ilmu pengetahuan di Hijaz apabila menunaikan haji di Mekah serta menziarahi Masjid al-Nabawi di Madinah untuk kali kedua ketika mencapai usia 20 tahun.<sup>13</sup>

Di Madinah al-Syeikh al-Imam menuntut ilmu kepada al-Syeikh 'Abd. Allah bin Ibrahim bin Saif, salah seorang ulama' terkenal di Majma'ah Najd yang berhijrah ke Madinah.<sup>14</sup> Kesungguhan serta keikhlasan tuan syeikh ini dalam menangani permasalahan yang berlaku di Najd ternyata menerusi dialog antara beliau dengan al-Syeikh al-Imam seperti berikut:

Al-Syeikh 'Abd. Allah: "Adakah engkau ingin daku memperlihatkan kepadamu senjata yang daku persiapkan untuk Majma'ah? (suatu tempat di Najd)."

Al-Syeikh al-Imam: "Ya."

Al-Syeikh 'Abd. Allah lantas membawa al-Syeikh al-Imam ke dalam kediamannya yang dipenuhi kitab-kitab sambil berkata: "Inilah senjata yang daku persiapkan untuknya."<sup>15</sup>

Menerusi nasihat gurunya, al-Syeikh al-Imam seterusnya menuntut ilmu kepada al-Syeikh Muhammad Hayat al-Sindi (m.1165H) tokoh ulama' hadith di Madinah. Beliau berguru serta menetap di sampingnya dalam tempoh masa yang lama.<sup>16</sup> Wujud keterangan mengatakan al-Syeikh al-Imam menuntut ilmu kepada al-Syeikh Ali al-Daghistani, tokoh ulama' Syam (m.1199H) [kenyataan yang diragukan]<sup>17</sup>. Selain itu kesesuaian tarikh serta keadaan yang berlaku tidak memungkinkan al-Syeikh al-Imam menuntut ilmu kepada al-Syeikh Sulaiman al-Kurdi al-Madani, seorang tokoh ulama' hadith (m.1194H). Kenyataan penulisan sejarah kontemporari menyokong pernyataan ini.<sup>18</sup>

Al-Ustaz al-Sayyid Sulaiman al-Nadwi menyebutkan bahawa Syah Wali Allah al-Dahlawi (m.1176H) serta al-Syeikh al-Imam menuntut ilmu dari tempat yang sama iaitu di al-Masjid al-Nabawi.<sup>19</sup> Namun beliau tidak menyebutkan nama guru yang mengajar di situ. Labib al-Batnuni

---

<sup>13</sup> Tahun 1135H.

<sup>14</sup> al-Syeikh 'Abd. Allah bin Ibrahim bin Saif merupakan ulama yang terkenal pada zamannya. Beliau menuntut ilmu di Syam dari tokoh ulama' Hanbali al-Syeikh Abu al-Mawahib al-Hanbali (m.1126H). Anak lelakinya Ibrahim bin 'Abd. Allah (m.1185H) merupakan ulama yang dikenali di mana kitabnya al-'Azb al-Faid fi Syarh al-Fiyah al-Faraid merupakan antara kitab-kitab yang terkenal. (al-Sahhab al-Wabilah, hlm.11-12).

<sup>15</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.7.

<sup>16</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.25, Salak al-Durar, Jil. 4, hlm.34.

<sup>17</sup> al-Syeikh Ali al-Daghistani (lahir 1125H) mempunyai kedudukan tinggi di sisi ulama Damsyik. Beliau menuntut ilmu di Madinah kepada al-Syeikh Muhammad Hayat al-Sindi serta pulang ke negerinya pada tahun 1150H. (Salak al-Durar, Jil. 3, hlm.215). Dalam konteks ini beliau masih berusia terlalu muda ketika al-Syeikh al-Imam berada di Madinah sehingga mustahil al-Syeikh al-Imam menuntut ilmu kepadanya. Tokoh kontempelori seperti Muhibud al-Din al-Khatib (majalah al-Zahra, bulan rejab, hlm.45) serta Muhammad Hamid al-Fiqhi (Athar al-Dakwah al-Wahabiyyahfi al-Islah al-Dini, hlm.47) turut berpendapat sedemikian.

<sup>18</sup> Ibn Ghannam serta Ibn Bisyr tidak menyebut bahawa al-Syeikh al-Imam pernah menuntut ilmu kepada al-Syeikh Sulaiman Kurdi, ia hanya kenyataan Ahmad Zaini Dahlan menerusi al-Durar al-Saniyyah, hlm.35-42. Diketahui umum kitab ini serta hasil penulisan Dahlan lain seperti Khulasoh al-Kalam mengandungi banyak kesalahan fakta serta penyelewengan.

<sup>19</sup> Madzhab Salatin Najd, November tahun ke 24

turut menyatakan al-Syeikh al-Imam menuntut ilmu di kota Mekah. Namun kenyataan ini tidak diperkukuhkan menerusi pembuktian yang sah.

Al-Syeikh al-Imam seterusnya menuntut ilmu ke Basrah. Beliau berguru kepada al-Syeikh Muhammad al-Majmu'ie dalam bidang hadith serta bahasa Arab. Ibn Bisyr meriwayatkan dari gurunya 'Uthman bin Mansur al-Nasiri bahawa anak-anak al-Syeikh al-Majmu'ie termasuk dalam lingkungan para ilmunan.<sup>20</sup> al-Syeikh al-Imam berhasrat melanjutkan pembelajaran ke Syam<sup>21</sup> namun disebabkan kekurangan bekalan beliau meneruskan perjalanan ke Huraimila' (Najd) menerusi al-Ahsa' yang merupakan tempat perpindahan ayahnya dari Uyainah pada 1139H/1726M.

### **Dalam Lapangan Dakwah**

Al-Syeikh al-Imam sejak kecil memberi perhatian dalam melaksanakan amal kebaikan serta mencegah kemungkaran. Menerusi pembelajaran terhadap kitab fekah serta hadith beliau merasa amat dukacita melihat perbuatan bid'ah dilakukan penduduk 'Uyainah. Lantas beliau berusaha mengatasi amalan yang menyalahi akidah. Al-Syeikh Muhammad Hayat al-Sindi serta al-Syeikh 'Abd. Allah bin Ibrahim bin Saif al-Najdi merupakan antara tokoh yang banyak memberikan nasihat serta galakan kepadanya dalam melaksanakan perkara ini.

Suatu ketika beliau melihat suatu golongan bermohon (al-Istigoshah) serta meminta perlindungan (al-Isti'azah) kepada makam Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Secara kebetulan muncul gurunya al-Syeikh Muhammad Hayat al-Sindi lantas beliau mengemukakan pertanyaan: "Apa pendapat tuan mengenai perbuatan mereka?" Tuan syeikh menjawab dengan menyatakan firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

إِنَّ هَؤُلَاءِ مُتَّبِعُونَ مِمَّا هُمْ فِيهِ وَبَاطِلٌ مِمَّا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Sesungguhnya mereka akan dihancurkan apa yang mereka berada di dalamnya (dari perbuatan syirik), dan tetaplah salahnya apa yang mereka kerjakan itu. (Surah al-A'raf: 139)<sup>22</sup>

Ketika di Basrah al-Syeikh al-Imam mula melaksanakan tanggungjawab membasmi kemungkaran tanpa merasa takut melainkan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Beliau menghadapi kesukaran besar tatkala melaksanakan perkara ini sehingga terpaksa meninggalkan Basrah. Al-Syeikh Muhammad al-Majmu'ie turut menghadapi situasi yang sama disebabkan perhubungan rapat serta sokongan ke atas tindakan muridnya. Kemuncak dari peristiwa ini al-Syeikh al-Imam dihalau ke al-Zubair<sup>23</sup> dalam keadaan cuaca yang panas serta dengan berjalan kaki

---

<sup>20</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.8.

<sup>21</sup> Margoliouth melakukan pembohongan apabila mengatakan: Ibn 'Abd. al-Wahhab berkahwin dengan seorang wanita di Baghdad. Wanita itu meninggal dunia namun menyerahkan 2000 dirham kepadanya. Setelah itu beliau menuntut ilmu di Kurdistan, Hamadan, Qum dan menetap di Isfahan. Kesalahan turut dilakukan penulis Barat lainnya seperti Bridges (A Brief History of Wahabi, hlm.7), Hughes (hlm.659), Zwemmer (hlm.192) dan Belgrave (Jil. 4, hlm.393). Hakikatnya al-Syeikh al-Imam tidak menuntut ilmu di Baghdad, Syam, Mesir mahupun tempat lain yang dinyatakan di atas.

<sup>22</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.7.

<sup>23</sup> Ia merupakan perkampungan besar berdekatan Basrah. al-Zubair bersempena nama sahabat al-Zubair bin al-'Awwam radiyallahu 'anh. Penduduknya terkenal berpegang teguh kepada al-Sunnah sehingga kini.

sehingga hampir mati disebabkan kehausan. Secara kebetulan Abu Hamidan, seorang lelaki yang salih membantu serta membawanya ke al-Zubair.<sup>24</sup>

Setelah menetap beberapa ketika di al-Zubair, al-Syeikh al-Imam pulang ke Huraimila' bagi meneruskan aktiviti membasmi kemungkarannya serta menyebarkan tauhid serta akhlak Islam. Secara realiti Huraimila' merupakan tempat di mana perjuangan dakwah beliau diasaskan. Beliau berhasrat agar wujudnya sentimen pembaikan serta kasih sayang golongan badwi sebagai penggantian terhadap tradisi mencuri, merompak serta pelbagai jenis aktiviti tidak bermoral. Apa yang dikehendaknya ialah pembaikan terhadap akidah golongan jahil supaya berpegang teguh dengan akidah yang hak menggantikan penyembahan palsu. Tindakan ini memerlukan keimanan yang ikhlas serta penuh kesungguhan. Dalam konteks ini al-Syeikh al-Imam mempamerkan sikap penuh kesabaran menghadapi segala rintangan serta kesukaran dalam menyeru kepada tauhid serta meninggalkan penyembahan serta beristigoshah (memohon hajat) kepada selain Allah seperti terhadap para salihin, kubur dan makam.

Al-Syeikh al-Imam melaksanakan tanggungjawab membasmi perbuatan bid'ah kepada kubur ini secara praktikal. Dalam konteks ini golongan penguasa serta kaum kerabat beliau ada yang mempamerkan sikap prejudis terhadap tindakannya. Namun al-Syeikh al-Imam berterusan dengan tindakannya dengan penuh kesabaran serta semangat yang cecal sehingga tersebar seruan dakwah di Huraimila', 'Uyainah, al-Dar'iyah, Riyadh serta selainnya. Namun ia bergerak perlahan diperingkat permulaan disebabkan sikap tidak menyebelahi mana-mana pihak (neutral) yang ditunjukkan ayahnya.<sup>25</sup> Hanya setelah 'Abd. al-Wahhab meninggal dunia pada 1153H/1740M, seruan beliau tersebar dengan meluas. Ini sehinggakan sebahagian penduduk Huraimila' serta selainnya menjadi pengikut serta pembantu beliau yang setia. Selain itu majlis pengajian yang diasaskan mendapat sambutan hebat masyarakat setempat serta daerah lain. Di Huraimila' al-Syeikh al-Imam menghasilkan penulisan Kitab al-Tauhid.<sup>26</sup>

### **Menetap Di Daerah 'Uyainah Pada 1157H/1744M**

Al-Syeikh al-Imam merasakan sukar melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan sekiranya di kelilingi pertelingkahan serta peperangan saudara. Keadaan ini wujud disebabkan setiap wilayah Najd mempunyai penguasa (amir)<sup>27</sup> tersendiri. Di Huraimila' wujud dua kabilah saling bercakaran bagi menguasai kepimpinan.<sup>28</sup> Lantas al-Syeikh al-Imam bertekad menyatupadukan negeri Najd di bawah satu kepimpinan serta penguasa.<sup>29</sup> Beliau mengesyorkan perkara ini kepada Uthman bin

---

<sup>24</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.8.

<sup>25</sup> Muhammad Hamid al-Faqi, hlm.15.

<sup>26</sup> Raudhah al-Afkar, Jil. 1, hlm.36.

<sup>27</sup> Bagi mudah memahami situasi yang berlaku perlu difahami bahawa pentadbiran Negeri Najd ketika khilafah 'Uthmaniyah dibahagikan kepada empat pembahagian: wilayah, daerah, bandar dan perkampungan. Menurut al-Alusi al-'Aridh termasuk dalam lingkungan daerah. Ia dikenali sebagai Nahiyah al-'Aridh (daerah al-'Aridh).

<sup>28</sup> Dalam konteks ini wujud beberapa pihak yang ingin membunuh al-Syeikh al-Imam. Ini dinukilkan dari 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.9. Hasil penulisan lain yang mengungkapkan perkara ini keseluruhannya merujuk kepada kitab 'Unwan al-Majd ini.

<sup>29</sup> Diketahui umum bahawa dalam usaha menyebarkan dakwah serta pemikiran, kekuatan kebendaan turut merupakan perkara penting disamping kekuatan kerohanian serta pembuktiaan. Sekiranya sesuatu pergerakan tidak mempunyai kekuatan kebendaan yang mampu mempertahankannya dari marabahaya ia akan dikuasai oleh anasir jahat sehingga hancur lebur pergerakan itu akhirnya. Pernyataan ini dibuktikan menerusi firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang bermaksud:

Mu'ammara, penguasa daerah 'Uyainah. Apabila Ibn Mu'ammara bersetuju dengan cadangan ini al-Syeikh al-Imam menuju ke 'Uyainah dengan mendapat sambutan penghormatan dari penguasanya. Al-Syeikh al-Imam turut dijodohkan dengan Jauharah binti 'Abd. Allah bin Mu'ammara ibu saudara kepada Ibn Mu'ammara sehingga secara zahir terikat perhubungan kekeluargaan antaranya dengan Ibn Mu'ammara. Namun al-Syeikh al-Imam berkeyakinan hubungan kekeluargaan serta kabilah hanyalah jalan (wasilah) bagi mencapai maksud dan bukannya matlamat (ghayah). Beliau memperjelaskan kepada penguasa 'Uyainah seruan dakwahnya dengan menghuraikan makna tauhid serta menuntut pertolongan serta bantuan darinya bagi merealisasikan perkara ini. Al-Syeikh al-Imam menyatakan pendirian berikut secara ikhlas:

Daku berharap sekiranya dikau berdiri teguh menyokong pelaksanaan kalimah Lailahailallah, Allah Subhanahu Wa Ta'alaakan mempertahankan kedudukanmu serta mengurniakan kepadamu Najd serta penguasaan ke atas golongan Badwi.<sup>30</sup>

Namun sesuatu yang menyedihkan di mana perkara ini tidak dapat dilaksanakan, disebabkan sikap tidak konsisten (di peringkat akhir) yang ditunjukkan Ibn Mu'ammara sehinggakan kelebihan ini berpindah dari 'Uyainah ke daerah al-Dar'iyah.

Di peringkat permulaan penguasa 'Uyainah berjanji memberikan sokongan serta bantuan kepada al-Syeikh al-Imam bagi melaksanakan kebaikan serta mencegah kemungkaran. Penduduk 'Uyainah turut menyatakan sokongan dari masa ke semasa. Sehubungan ini al-Syeikh al-Imam mengambil tindakan memusnahkan beberapa pohon yang menjadi tumpuan perlakuan bid'ah sehingga mencapai kejayaan.<sup>31</sup> Di Jubailah wujud kubur yang dikatakan milik Zaid bin al-Khattab radiyallahu 'anh yang mati syahid di Yamamah.<sup>32</sup> Kubur ini mempunyai kubah di sekelilingnya

---

Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-Rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata, dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab Suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan dan kami telah menciptakan besi dengan keadaannya mengandungi kekuatan yang handal serta berbagai faedah lagi bagi manusia. (Dijadikan besi dengan keadaan yang demikian, supaya manusia menggunakan faedah-faedah itu dalam kehidupan mereka sehari-hari) dan supaya ternyata pengetahuan Allah tentang orang yang (mengggunakan kekuatan handalnya itu untuk) menegak dan mempertahankan ugama Allah serta menolong Rasul-RasulNya, padahal balasan baiknya tidak kelihatan (kepadanya); sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa. (al-Hadid: 35)

Dan pohonkanlah (wahai Muhammad, dengan berdoa): "Wahai Tuhanku! Masukkanlah daku ke dalam urusan ugamaku dengan kemasukan yang benar lagi mulia, serta keluarkanlah daku daripadanya dengan cara keluar yang benar lagi mulia; dan berikanlah kepadaku dari sisiMu hujah keterangan serta kekuasaan yang menolongku, (al-Isra':80)

al-Qatadah berkata:

Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam tidak berupaya melaksanakan risalah melainkan dengan kekuasaan (sulton). Dengan itu baginda memohon kekuasaan yang bertindak sebagai pembantu kepada al-Qur'an, had-had, perintah serta kewajipan yang ditetapkan Allah serta bagi menegakkan al-Din Allah. Kekuasaan merupakan suatu rahmat dari Allah yang diletakkan-Nya di hadapan para hamba-Nya. Sekiranya tidak kerana demikian, manusia akan menguasai antara satu sama lain sementara golongan kuat akan menindas yang lemah. [Tafsir Ibn Kathir, Jil. 2, hlm.64].

<sup>30</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.9.

<sup>31</sup> Wujud beberapa buah pohon di Najd yang dijadikan tempat pengabdian selain Allah. Ustaz Ahmad 'Abd. al-Ghafur 'Attar menukilkan dari Ibn Ghannam:

Di Bulaidah al-Fida' terdapat sebuah pohon kurma jantan yang dinamakan al-Fuhhal. Golongan wanita serta lelaki akan menziarahinya bagi melakukan pelbagai jenis kemungkaran yang tidak diterima agama serta akal yang sihat. Mereka beribadat kepada pohon itu dengan peribadatan yang tidak boleh dilakukan melainkan kepada Allah. Lelaki yang kesempatan hidup serta menderita sakit akan memohon rezeki kepadanya serta penyembuhan penyakit.

Wanita yang masih belum berkahwin akan bertawassul kepadanya dengan penuh ketundukan sambil berkata: "Wahai Fuhul kurniakan kepadaku rezeki seorang suami." Selain itu mereka turut menghormati pohon al-Tarfiyyah. Sekiranya seorang wanita mendapat anak lelaki dia akan mengikat sehelai benang atau menggantung tikar di pohon itu sambil menyembelih binatang bagi memohon panjang umur terhadap anak lelakinya. [Ahmad 'Abd. al-Ghafur 'Attar, Muhammad 'Abd. al-Wahhab, hlm.20-21]

<sup>32</sup> Zaid bin al-Khattab merupakan saudara kepada 'Umar bin al-Khattab radiyallahu 'anh. Beliau termasuk golongan syuhada' yang terlibat dalam peperangan al-Yamamah bagi memerangi Musailamah al-Kazzab pada tahun 12H. Kubah Zaid ini merupakan salah satu



namun berjaya diruntuhkan setelah menghadapi beberapa rintangan. Ibn Bisyr menyebutkan peristiwa meruntuhkan makam ini seperti berikut:

Al-Syeikh al-Imam: “Kami menyeru engkau (Ibn Mu’ammār) supaya membantu dalam meruntuhkan kubah yang didirikan di atas landasan kebatilan sehingga menjauhkan manusia dari petunjuk.”

Ibn Mu’ammār: “Runtuhkanlah ia.”

Al-Syeikh al-Imam: “Daku takut penduduk Jubailah akan menentang usaha kami ini. Agak sukar bagiku melaksanakannya tanpa dikau bersamaku.”

Sehubungan ini Ibn Mu’ammār memberikan bantuan dengan menghantar 600 tenteranya. Apabila tiba di tempat yang dimaksudkan ternyata penduduk Jubailah bersedia untuk menghalang mereka. Apabila melihat kekuatan tentera Ibn Mu’ammār yang bersedia melancarkan peperangan mereka mengundurkan diri. Ketika Ibn Mu’ammār menghampiri makam tersebut dia berkata kepada al-Syeikh al-Imam:

“Kami tidak berupaya melaksanakannya.”

al-Syeikh al-Imam menjawab: “Bawakan kepadaku sebilah kapak.”

Beliau seterusnya menghancurkan makam itu sehingga hampir sama rata dengan bumi. Tindakan al-Syeikh al-Imam tanpa diikuti sebarang kejadian buruk berjaya meyakinkan sebahagian golongan jahil bahawa kubur serta makam sama sekali tidak dapat memberikan sebarang bantuan serta manfaat.<sup>33</sup> Suatu yang menyedihkan apabila sebahagian ilmunan serta penguasa turut bergelumang dengan perbuatan bid’ah. Namun seruan serta jihad al-Syeikh Muhammad bin ‘Abd. al-Wahhab berjaya mengangkat bendera kebenaran serta pendidikan Islam yang sebenar setelah sekian lama dunia Islam bergelut dengan kegelapan serta kesesatan.

Al-Syeikh al-Imam memerintahkan Ibn Mu’ammār supaya menghidupkan solat berjemaah di masjid serta menggantikan pungutan cukai dengan amalan zakat. Di ‘Uyainah al-Syeikh al-Imam mula menulis risalah perutusan kepada penguasa serta ulama lainnya yang berkekalan sehingga beliau meninggal dunia.<sup>34</sup>

### **Seruan Dakwah Mendapat Sekatan Di ‘Uyainah**

Perjuangan serta usaha pembaikan (al-Islah) hampir mencapai kejayaan sepenuhnya di ‘Uyainah. Antara yang dapat dilihat seperti berikut:

Suatu ketika seorang wanita datang menemui al-Syeikh al-Imam bagi menyatakan pengakuan kerana melakukan perbuatan zina serta ingin membersihkan dirinya dari dosa tersebut. Beliau memastikan terlebih dahulu pengakuan dibuat dengan kerelaan, tanpa dipaksa,

---

pusat perbuatan bid’ah serta penyembahan berhala di Najd. Di situ dilakukan perbuatan istigoshah (memohon hajat), bernazar, menyembelih binatang dan sebagainya lagi. (penterjemah)

<sup>33</sup> ‘Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.9-10.

<sup>34</sup> Raudhah al-Afkar, Jil. 1, hlm.200.

bukan dirogol serta sihat akal fikiran. Setelah memenuhi syarat yang dimaksudkan, wanita itu dihukum dengan hukuman rejam. Individu pertama melemparkan batu ialah Ibn Mu'ammār, penguasa 'Uyainah.<sup>35</sup>

Kejadian ini tidak disenangi penduduk sebahagian tempat serta wilayah, khususnya yang terlibat dengan aktiviti jenayah serta tidak bermoral. Golongan ini menyatakan bantahan serta perasaan tidak puas hati dengan menghantar pengaduan kepada Sulaiman bin 'Ura'ir al-Humaidi iaitu penguasa al-Ahsa serta Qatif. Tindakan ini memberi kesan kepada dirinya sehingga beliau mengutus surat kepada Ibn Mu'ammār dengan berkata:

Si Mutawwi'<sup>36</sup> (merujuk al-Syeikh al-Imam) yang di bawah naungan engkau ini melakukan sekian - sekian perbuatan. Maka bunuhlah dia. Sekiranya dikau tidak melakukan demikian, kami akan memotong hasil cukaimu di al-Ahsa.<sup>37</sup>

Ibn Mu'ammār menerima hasil cukai tahunan mencecah 20,000 dirham. Disebabkan sikap tamak haloba serta tertarik dengan habuan keduniaan beliau tidak mengkotakan janjinya bagi melaksanakan dakwah serta kebenaran. Seolah-olah seruan dakwah masih belum terpacat di dalam jiwanya. Ibn Mu'ammār menyampaikan kenyataan Sulaiman bin 'Ura'ir kepada al-Syeikh al-Imam. Namun beliau cuba meyakinkannya supaya meneruskan perjuangan dengan berkata:

Seruan yang daku tegakkan serta menyeru manusia kepadanya ialah kalimah Lailahaillallah, rukun Islam serta melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Sekiranya dikau berpegang teguh serta membantu melaksanakannya AllahSubhanahu Wa Ta'ala akan mengurniakan kemenangan kepadamu dalam menghadapi musuh. Janganlah kerisauan serta ketakutan terhadap Sulaiman menguasai dirimu.<sup>38</sup>

Al-Syeikh al-Imam dengan penuh kesungguhan cuba mententeramkan perasaan Ibn Mu'ammār. Namun apabila jiwa dipenuhi ketakutan serta tamak haloba terhadap habuan keduniaan maka sebarang nasihat tidak memberi kesan. Sehubungan ini Ibn Mu'ammār menyatakan kepada al-Syeikh al-Imam:

Sulaiman memerintahkan kami membunuh engkau. Kami tidak mampu menyalahi perintah serta melancarkan peperangan terhadapnya. Namun bukan merupakan amalan serta kebiasaan kami melaksanakannya ketika engkau berada di dalam perlindungan kami. Maka keluarlah dikau dari negeri kami.<sup>39</sup>

Ibn Mu'ammār memerintahkan al-Syeikh al-Imam supaya keluar dari daerahnya dengan segera. Beliau ditemani seorang pengawal bernama Faridan al-Zafiri. Beliau mengharungi padang pasir dengan berjalan kaki sedangkan al-Zafiri mengikutinya di belakang sambil menunggang kuda. Ibn Bisyr meriwayatkan bahawa Ibn Mu'ammār memerintahkan kepada al-Zafiri supaya

---

<sup>35</sup> Raudhah al-Afkar, Jil. 2, hlm.23, 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.10.

<sup>36</sup> al-Mutawwi' merupakan individu yang berilmu serta terkenal mentaati Allah.

<sup>37</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.10.

<sup>38</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.10.

<sup>39</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.10.

membunuh al-Syeikh al-Imam. Dalam perjalanan, al-Syeikh al-Imam sentiasa berzikir dengan membaca al-Qur'an. Antara ungkapan yang sentiasa meniti di bibir ialah firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang berbunyi:

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا

وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ ۚ وَمَنْ يَتَّوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ

*Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya).(al-Talaq, 2-3)*

Suatu ketika apabila al-Zafiri cuba melaksanakan arahan Ibn Mu'ammār, tiba-tiba datang suatu kekuatan ghaib ke atas dirinya sehingga beliau amat ketakutan serta membatalkan hasrat membunuh al-Syeikh al-Imam. Akhirnya kedua-duanya selamat sampai ke daerah al-Dar'iyah.<sup>40</sup>

### Menetap Di Daerah Al-Dar'iyah Pada 1157-1158H

Al-Syeikh al-Imam meneruskan perjalanan ke al-Dar'iyah setelah berjaya mengatasi rintangan serta sekatan Ibn Mu'ammār terhadapnya. Beliau tiba di sana pada waktu Asar dan menetap di peringkat permulaan di kediaman 'Abd. Allah bin 'Abd. al-Rahman al-Suwailim al-'Arini. Beliau kemudian berpindah ke kediaman Ahmad bin Suwailim salah seorang murid kepada 'Abd. al-Rahman. Apabila berita kedatangannya sampai kepada pengetahuan penguasa (al-Amir) al-Dar'iyah Muhammad bin Saud, beliau serta kedua saudaranya Masyari serta Sunyan turut menziarahi al-Syeikh al-Imam serta mengikat janji setia untuk memberikan bantuan serta sokongan.<sup>41</sup> Kenyataan ini merupakan ringkasan sebagaimana dinyatakan Ibn Ghannam. Adapun Ibn Bisyr menyatakan secara lengkap peristiwa ini seperti berikut:

Al-Syeikh al-Imam menuju ke al-Dar'iyah serta tiba di sana pada waktu Asar. Beliau menetap seketika di kediaman Muhammad bin Suwailim al-'Arini. Namun al-'Arini merasa ketakutan kesan yang akan dihadapinya kerana mengizinkan tetamu ini menetap di kediamannya tanpa pengetahuan penguasa al-Dar'iyah Muhammad bin Saud. Al-Syeikh al-Imam lantas

<sup>40</sup> Berdasarkan riwayat ini ternyata Ibn Mu'ammār merupakan penentang ataupun tidak ikhlas dalam memperjuangkan dakwah al-Syeikh al-Imam. Beliau terpengaruh dengan pangkat serta habuan keduniaan. Namun riwayat ini hanya berdasarkan kepada penulisan Ibn Bisyr manakala penulis lain tidak menyebutkan perkara ini. Menurut ustaz Ahmad 'Abd. al-Ghafur 'Attar, Ibn Bisyr akhirnya menarik kembali kenyataannya. Berdasarkan kitab 'Unwan al-Majd karangan beliau Jil. 1, hlm.15 yang dicetak di percetakan al-Syindar di Baghdad tahun 1328H yang disemak oleh al-Syeikh 'Abd. Allah bin Mani' terdapat keterangan seperti berikut: Ketahuilah! Semoga Allah merahmati kamu sekalian. Di dalam edisi pertama penulisan daku menyatakan beberapa perkara mengenai Ibn Mu'ammār serta pengawalannya. Antaranya peristiwa di mana beliau memerintahkan supaya al-Syeikh al-Imam dibunuh dalam perjalanan. Kemudian daku dapati tidaklah kesemuanya benar. Oleh itu daku membuangnya dalam edisi seterusnya. [Ahmad 'Abd. al-Ghafur 'Attar, Muhammad 'Abd. al-Wahhab, cetakan keempat, 1392H/1972M, hlm.58] Setelah menyedari Ibn Bisyr menarik kembali periwiyatan kisah ini maka terserlah bahawa Ibn Mu'ammār tidak berupaya mempertahankan al-Syeikh al-Imam serta seruan dakwahnya. Oleh itu beliau berhasrat agar al-Syeikh al-Imam berpindah ke negeri yang aman. Wallahu a'lam.(penterjemah)

<sup>41</sup> Raudhah al-Afkar, Jil. 2, hlm.4.

berkata: "Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan mengurniakan kepada kami serta kamu ketenangan serta jalan keluar."<sup>42</sup>

### **Sokongan Al-Amir (Penguasa) Muhammad Bin Saud**

Al-Syeikh al-Imam menetap di kediaman Ibn Suwailim serta menjadikannya pusat seruan dakwah buat sementara. Golongan awam serta para ilmuwan berterusan menziarahi serta menceduk ilmu daripadanya. Al-Syeikh al-Imam berhasrat mengadakan perhubungan dengan penguasa al-Dar'iyah lalu memberitahu saudaranya Masyari serta Sunyan. Kedua mereka menyampaikan perkara ini kepada Maudo binti Abi Wahtan, seorang wanita salih serta isteri kepada penguasa al-Dar'iyah. Maudo tertarik kepada seruan dakwah al-Syeikh al-Imam lantas memberitahu suaminya sambil berkata:

Lelaki yang datang kepadamu ini merupakan ganjaran dari Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Muliakanlah dia serta berikan sokongan serta bantuan kepadanya.<sup>43</sup>

Al-Amir Muhammad bin Saud terkenal sebagai seorang yang berakhlak mulia. Kenyataan isteri memberi kesan mendalam kepada jiwanya. Beliau bersegera mengadakan pertemuan yang berlangsung dalam suasana kasih sayang serta penghormatan. Al-Syeikh al-Imam menyatakan kepadanya perkara asas seruan dakwahnya, maksud kalimah *Lailahaillallah*, melaksanakan kebaikan dan mencegah kemungkaran serta seruan jihad. Muhammad bin Saud seterusnya menyampaikan ucapan ringkas seperti berikut:

"Wahai tuan syeikh! Ini merupakan Din Allah serta Rasul yang tidak ada sebarang keraguan. Daku berjanji kepada tuan untuk membela agama Allah serta Rasul-Nya dan melaksanakan jihad kepada sesiapa yang menyalahi tauhid. Namun daku mengemukakan kepada tuan dua syarat:

Pertama, Sekiranya kami membantu tuan serta melaksanakan jihad di jalan Allah lantas Dia mengurniakan kemenangan kepada kita maka kami takut tuan akan meninggalkan negeri kami serta menuju ke tempat lain.

Kedua, Daku mengutip cukai tahunan musim menuai dari penduduk al-Dar'iyah. Daku takut tuan tidak membenarkan kutipan terhadapnya."

Al-Syeikh al-Imam menjawab:

"Adapun syarat yang pertama: hurlurkanlah tanganmu. Kita bersama-sama dalam senang mahupun susah. Darah dengan darah, kemusnahan dengan kemusnahan.

---

<sup>42</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.11

<sup>43</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.11

Adapun syarat kedua: semoga Allah mengurniakan kepadamu harta rampasan apa yang baik utukmu yang akan menggantikan pungutan cukaimu itu.”

Al-Amir Muhammad bin Saud melaksanakan janji setia dengan al-Syeikh al-Imam untuk melaksanakan perkara kebaikan serta mencegah kemungkaran berpandukan kepada al-Qur'an serta al-Sunnah. Perjanjian ini dilaksanakan pada 1157H atau 1158H.<sup>44</sup> Peristiwa ini menyebabkan ramai kalangan pengikut serta penyokong al-Syeikh al-Imam berpindah dari 'Uyainah ke al-Dar'iyah. Termasuk di kalangan mereka sebahagian keluarga Ibn Mu'ammār, penguasa 'Uyainah.

### **Era Peringkat Pertama**

Ketika al-Syeikh al-Imam menetap di al-Dar'iyah, penduduknya mula berpegang teguh dengan al-Qur'an serta al-Sunnah walaupun sebelumnya mereka terbelenggu dengan perbuatan bid'ah dalam tempoh yang lama. Kedatangan beliau ke al-Dar'iyah yang diikuti dengan perjanjian antara dirinya dengan penguasa menyebabkan al-Dar'iyah bertukar menjadi daerah yang mengamalkan cara hidup Islam yang penuh dengan kebaikan. Ibn Ghannam menyebutkan sebahagian nama individu yang berjuang dengan penuh kesungguhan bagi merealisasikan perjuangan dakwah al-Salafiyah diperingkat permulaan. Antaranya ialah Masyari, Sunyan dan Farhan. Ketiga mereka merupakan saudara kepada Muhammad bin Saud.<sup>45</sup> Di kalangan ilmuwan ialah Ahmad bin Suwailim serta 'Isa bin Qasim. Di kalangan bangsawan serta mempunyai pengaruh ialah Muhammad al-Hazimi, 'Abd. Allah bin Dagisir, Sulaiman bin al-Wasiqiri dan Muhammad bin Husin. Philip, seorang sejarawan barat mengulas:

Mereka merupakan wira golongan Wahabi (diperingkat permulaan). Mereka dihormati serta dipandang tinggi sehingga ke hari ini.<sup>46</sup>

### **Ibn Mu'ammār Menyesal Di Atas Tindakannya**

Ketika mendengar bahawa dakwah al-Syeikh al-Imam mendapat sambutan hebat di kalangan masyarakat dari masa ke semasa, Ibn Mu'ammār merasa gementar serta menyesal di atas tindakannya menghalau al-Syeikh al-Imam dari daerahnya. Beliau menziarahinya lalu memohon kemaafan serta mengesyorkan beliau kembali ke 'Uyainah. Al-Syeikh al-Imam dengan jelas menjawab:

Ini bukan urusanku untuk mengabulkannya. Silakan bertanya kepada Muhammad bin Saud. Sekiranya beliau ingin daku mengikutimu daku akan lakukan. Sekiranya beliau ingin daku berada bersamanya daku akan menuruti kehendaknya.<sup>47</sup>

---

<sup>44</sup> Ibn Ghannam menyebutkan peristiwa ini berlaku pada tahun 1157H. (kitabnya Raudhah al-Afkar, Jil. 2, hlm.4). Ibn Bisyr menyebutkan tarikh perpindahan al-Syeikh al-Imam ke al-Dar'iyah pada tahun 1158H. (kitabnya 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.11-12).

<sup>45</sup> Keluarga Muhammad bin Saud banyak menghadapi kesusahan serta rintangan dalam memperjuangkan dakwah al-Syeikh al-Imam ketika hayatnya. Yang terkemuka menghadapi tribulasi ini ialah Sunyan bin Saud (m.1186H) dan al-Masyari bin Saud (m.1189H). [Raudhah al-Afkar, Jil. 1, hlm.94, 105, 'Unwan al-Majd, Jil. 2, hlm.10].

<sup>46</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.13.

<sup>47</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.13, 15.



Ibn Mu'ammār lantas menyatakan permohonan kepada Muhammad bin Saud namun beliau tidak rela mengabdikan permintaan walaupun dikurniakan hadiah seberapa banyak sekalipun.

### **Dalam Lapangan Dakwah**

Al-Dar'iyah merupakan sebuah daerah kecil. Sebelum kedatangan al-Syeikh al-Imam ia merupakan tempat yang dipenuhi aktiviti golongan awam yang jahil. Al-Syeikh al-Imam melaksanakan program pengajian Islam di masjid berpandukan al-Qur'an serta al-Sunnah dari siang hingga ke malam. Antara perkara yang diberikan perhatian ialah seruan kepada tauhid serta pengabdian secara ikhlas kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala sehingga ia tertanam kukuh ke dalam sanubari manusia. Menerusi keutamaan majlis ilmu serta peringatan (al-tazkir) yang disampaikan ini maka hancurlah amalan tradisi yang diamalkan datuk nenek. Masyarakat mula menyedari amalan khurafat yang mereka lakukan menerusi kacamata al-Qur'an serta al-Sunnah.

Masyarakat berpusu-pusu datang ke al-Dar'iyah dari pelbagai lapangan dan tempat bagi mengikuti pengajian ilmu yang disampaikan al-Syeikh al-Imam. Sebahagian yang hadir terdiri dari golongan miskin yang terpaksa bekerja pada waktu malam bagi menampung kehidupan. Di siang hari mereka menumpukan perhatian menghadiri pengajian al-Qur'an serta hadith yang disampaikan al-Syeikh al-Imam. Disebabkan terlalu ramai yang menghadirinya al-Syeikh al-Imam sentiasa dalam keadaan berhutang bagi menampung keperluan sebahagian muridnya. Namun seruan dakwah berjalan dengan lancar serta tersebar dengan meluas dengan kedatangan masyarakat dari segenap tempat dari semasa ke semasa.<sup>48</sup>

### **Penyebaran Seruan Dakwah**

Pengikut serta pendokong dakwah al-Syeikh al-Imam mula menyebarkan dakwah al-Salafiyyah di luar daerah al-Dar'iyah. Mereka menyeru para penguasa Najd serta penduduk sekitarnya supaya menerima perjuangan suci ini. Dalam konteks ini mereka terpaksa menghadapi penentangan serta tohmahan dan pendustaan yang dilakukan golongan musuh. Namun hakikat kebenaran kekal mengatasi segala rintangan disepanjang masa. Penguasa 'Uyainah mengikat janji setia buat kali kedua (1158/1159H) serta bersedia melaksanakan hukum syariat. Tindakan ini diikuti penduduk Huraimila'.

Al-Amir Muhammad bin Saud dikurniakan Allah Subhanahu Wa Ta'ala ganjaran pungutan zakat serta khumus. Beliau meletakkan keseluruhannya di hadapan al-Syeikh al-Imam untuk digunakan sebagaimana yang sepatutnya. Al-Syeikh al-Imam tanpa sebarang keraguan menyerahkan kembali keseluruhannya untuk dipergunakan di jalan Allah. Dalam konteks ini al-Amir Muhammad bin Saud serta penggantinya 'Abd. al-'Aziz bin Muhammad bin Saud (m.1179H/1865M) sentiasa mengadakan perundingan dengan al-Syeikh al-Imam mengenai

---

<sup>48</sup> 'Unwan al-Majid, Jil. 1, hlm.15.

ganjaran serta sumbangan yang diperolehi serta tidak membelanjakannya melainkan mendapat keizinan darinya terlebih dahulu. Namun al-Syeikh al-Imam tidak pernah menyimpan walau sedikitpun harta yang diperolehi sebaliknya menafkahkan keseluruhan pada jalan Allah. Ibn Bisyr menulis:

Al-Syeikh al-Imam sentiasa berhutang bagi membantu golongan yang susah serta berhajat. Dikatakan bahawa ketika kota Riyadh berjaya ditawan di bawah tanggungannya ialah 4000 penduduk Najd. Namun ia berjaya dilunaskan menerusi harta rampasan perang (ghana'im).<sup>49</sup>

Setelah kota Riyadh berjaya ditawan, al-Syeikh al-Imam menyerahkan urusan negeri serta perbendaharaan kepada al-Amir 'Abd. al-'Aziz. Beliau memberikan perhatian sepenuhnya dalam mengajar serta menyampaikan ilmu. Namun 'Abd. al-'Aziz sentiasa menemuinya bagi meminta pandangan, nasihat serta menerima keputusan yang ditetapkan.

### **Dakwah Di Luar Najd**

Seruan dakwah al-Syeikh al-Imam pada peringkat permulaan tertumpu di daerah Najd. Namun ia bukan satu-satunya tempat yang memerlukan kepada pembaikan sebaliknya melibatkan keseluruhan dunia Islam. Dalam konteks ini menjadi kebiasaan permulaan kepada usaha pembaikan dimulakan di tempat ia diasaskan. Sehubungan ini al-'Uyainah, Huraimila', al-Dar'iyah serta al-'Aridh merupakan pusat permulaan kepada dakwah al-Syeikh al-Imam. Apabila seruan dakwah mula menunjukkan kejayaan, beliau seterusnya meluaskan skop perjuangannya. Perutusan dihantar kepada ilmuan di luar negeri Najd supaya menyahut seruan dakwah serta menyatakan sokongan. Namun diperingkat permulaan hanya segelintir yang menerimanya. Majoriti di kalangan mereka menyatakan penentangan serta melemparkan tuduhan ke atasnya sebagai ahli sihir, jahil, penipu dan sebagainya.

Di kalangan mereka yang menyahut seruan al-Syeikh al-Imam ialah al-Imam al-Mujtahid al-Amir Muhammad bin Ismail al-Son'ani (m.1182M). Apabila jelas kepadanya hakikat perjuangan al-Syeikh al-Imam, Imam al-Son'ani dengan segera menulis sebuah syair yang mendapat penerimaan baik dari para ulama'. Menerusinya beliau menyatakan pujian terhadap al-Syeikh al-Imam, mengkritik pembuat bid'ah serta penolakan keras terhadap fahaman wahdatul wujud.<sup>50</sup> Antara ungkapan syair berbunyi seperti berikut:

Datang berita gembira (iaitu al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab)  
Yang mengembalikan syariat Islam  
Beliau singkap kebodohan si jahil serta muftadi' maka beliau bersamaku

---

<sup>49</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.15.

<sup>50</sup> Imam al-San'ani merupakan tokoh ulama' serta mujtahid di zamannya. Beliau dilahirkan di Kahlan pada hari malam Jumaat 15 Jamadilakhir 1099H/1687M. Beliau meninggal dunia pada malam Selasa 30 Sya'ban 1182H/ 1769M. Penulisan ringkasnya dalam ilmu tauhid ialah Tathir al-'Itiqad 'an Adran al-Ilhad. Penulis akan mengulas penulisan ini kemudian nanti. Bagi mengetahui hasil penulisannya sila rujuk Brockleman, Jil. 2, hlm.556, al-Badr al-Toli', Jil. 2, hlm.133-139 dan 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.53-56.

Beliau kembalikan tiang-tiang agama dan menghancurkan makam keramat yang  
menyebabkan manusia menjadi sesat  
Mereka membuat kembali berhala seperti suwa, yaghuts, wad dan ini seburuk-  
buruk perbuatan  
Mereka memohon kepada berhala ini ketika susah seperti meminta kepada Allah  
Yang Maha Esa  
Berapa banyak yang tawaf di kubur sambil mencium dan mengusap dinding dengan  
tangan mereka

Faktor utama al-San'ani merasa amat sukacita disebabkan sangkaannya beliau bersendirian dalam menyatakan kebenaran. Al-Syeikh al-Imam turut bergembira di atas syair Imam al-San'ani sebagaimana jelas menerusi sebahagian hasil penulisannya.<sup>51</sup>

Antara ilmuan yang menyatakan penentangan terhadap al-Syeikh al-Imam ialah saudaranya Sulaiman bin 'Abd. al-Wahhab (m.1208H). Beliau merupakan seorang kadi di Huraimila' menggantikan tempat bapanya. Sulaiman menulis beberapa penulisan antaranya al-Sawaiq al-Ilahiyyah fi al-Radd 'ala al-Wahabiyyah bagi menyatakan penentangan terhadap al-Syeikh al-Imam. Namun risalah ini dipenuhi pendustaan sebagaimana dinyatakan Ibn Ghannam. Sehubungan ini al-Syeikh al-Imam menghasilkan beberapa penulisan sebagai jawapan terhadap saudaranya. Apa yang menarik, Allah Subhanahu Wa Ta'ala mengurniakan petunjuk kepada Sulaiman sehingga di peringkat akhir hayat beliau bertaubat serta kembali menyatakan sokongan terhadap saudaranya.<sup>52</sup> Beliau menemui al-Syeikh al-Imam di al-Dar'iyah pada tahun 1190H di mana ketibaannya disambut dengan sukacita serta penuh penghormatan.

### **Ibn Dawwas Serta Para Penentang Lainnya**

Dahham bin Dawwas<sup>53</sup> merupakan penguasa (al-Amir) bagi kota Riyadh. Beliau dikenali sebagai tokoh yang banyak mendatangkan penderitaan serta kesusahan terhadap golongan al-

---

<sup>51</sup> Ibn Ghannam, Jil. 2, hlm.104, 56, 58.

Jelas menerusi syair Imam al-San'ani betapa serius beliau berpegang teguh, memperjuangkan serta mempertahankan akidah Islam yang sahih. Selain itu beliau menyatakan pujian terhadap pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam. Dalam konteks ini sebahagian golongan penentang melakukan pendustaan apabila mengatakan Imam al-Son'ani menarik kembali syair yang digubahnya ini. Hakikatnya terkandung dalam syair ini serta penjelasan terhadap isi kandungannya beberapa perkara di mana tidak mungkin selain Imam al-Son'ani yang menulisnya. Antaranya kenyataan berkenaan golongan murtad di zaman Abu Bakr radiyallahu 'anh disebabkan enggan membayar zakat, mengenai Mukhtar bin Abi Ubaid al-Thaqafi serta sikap Ju'ad bin Dirham yang mengingkari ijma'. Golongan penentang menolak syair ini disebabkan mereka mendakwa penulisnya banyak merujuk kepada pandangan Imam Ibn Taymiyyah serta muridnya Ibn al-Qayyim. Namun apabila diteliti didapati penulis syair ini mengemukakan pandangan yang menyalahi beberapa pandangan Ibn Taymiyyah serta muridnya. Sekiranya benar sekalipun Imam al-Son'ani menarik kembali syair ini ia tetap tidak mendatangkan kemudaratan kepada al-Syeikh al-Imam mahupun pergerakan dakwahnya walau sedikitpun. Ini disebabkan ia merupakan seruan dakwah yang berdasarkan kepada al-Qur'an serta al-Sunnah sepenuhnya. Ia merupakan dakwah para anbiya' 'alayhimussolatuwassalam keseluruhannya. Sekiranya seruan dakwah berasaskan kepada dua sumber ini ia tidak berhajat kepada pengesahan ulama'. Sebaliknya para ulama' yang semestinya menyokong serta memperjuangkannya. Bagi mengetahui secara lengkap perkara ini sila rujuk Tabri'ah al-Syaikhain al-Imamiyyin min Tazwir ahl-Kizb wa al-Mayan yang ditulis al-Syeikh Ibn Sahman rahimahullah. al-Ustaz al-Fadhil Abu Bakr Zahir al-Syawish, pengetua al-Maktab al-Islami di Beirut mentahkikkan syair Imam al-San'ani ini serta mencetaknya. Semoga Allah mengurniakan ganjaran kepadanya.

<sup>52</sup> Ibn Ghannam, Jil. 2, hlm.108.

<sup>53</sup> Dahham merupakan seorang penjahat yang berhati kejam serta berakhlak buruk. Suatu ketika beliau memarahi seorang wanita sehingga memerintahkan mulutnya dijahit. Beliau mengarahkan seorang lelaki yang tidak disukainya supaya memotong secebis daging yang ada pada dirinya lalu dipaksa supaya memakannya secara perlahan-lahan. Apabila lelaki itu tidak mampu meneruskan perbuatannya ia telah dipukul dengan kejam. Beliau turut memotong lidah seorang lelaki dengan tangannya sendiri apabila lelaki itu melaunkan azan pada waktu subuh. Dahham merupakan penguasa kepada kota Riyadh setelah menguasainya secara tipudaya.

Muwahhidin (al-Salafiyah). Hanya disebabkan berpegang teguh kepada seruan tauhid yang diperjuangkan al-Syeikh al-Imam mereka diperlakukan sebegini. Permusuhan ketat Ibn Dawwas terhadap al-Syeikh al-Imam serta Muhammad bin Saud bermula pada tahun ketiga (1159H) al-Syeikh al-Imam menetap di al-Dar'iyah. Penentangan ketara Ibn Dawwas memaksa al-Syeikh al-Imam menasihati pengikutnya supaya bersedia dengan kekuatan senjata bagi mempertahankan diri. Dalam konteks ini berlaku pertembungan serta peperangan antara kedua pihak yang berlarutan hampir 30 tahun (1159-1187H).

Di penghujung tahun 1187H, Ibn Dawwas mendapat berita 'Abd. al-'Aziz bin Muhammad bin Saud bersiap sedia melancarkan serangan ke atas kota Riyadh yang merupakan bandar terpenting di Najd. Ibn Dawwas dengan segera melarikan diri sementara Riyadh berjaya dikuasai serta ditadbir sepenuhnya oleh 'Abd. al-'Aziz.<sup>54</sup>

Sepanjang tempoh ini, daerah berdekatan turut melancarkan serangan ke atas beberapa pusat pergerakan al-Salafiyah. Antara individu yang berpaling tadah serta memberikan sokongan serta bantuan kepada pihak musuh ialah Ibn Mu'ammār, penguasa 'Uyainah.<sup>55</sup> Namun apabila menyedari kekuatan al-Syeikh al-Imam serta pengikutnya di kalangan penduduk Najd semakin meningkat dari masa ke semasa pihak, musuh mula menggunakan taktik kotor serta tidak bermoral. Sebagai contoh, Sulaiman bin Muhammad bin Suhaim menyebarkan pelbagai jenis pertuduhan serta pembohongan terhadap al-Syeikh al-Imam. Perutusan di hantar ke Mekah, Madinah, al-Khalij, al-Ahsa' serta selainnya. Al-Syeikh al-Imam menghasilkan beberapa penulisan bagi menjawab segala tohmahan Ibn Suhaim. Penulis akan menyatakan jenis pertuduhan serta pembohongan Ibn Suhaim serta rakan-rakannya menerusi perbincangan dalam bab seterusnya.<sup>56</sup>

## **Meninggal Dunia**

Al-Syeikh al-Imam menghembuskan nafas terakhir pada bulan Syawal atau Dzulkaedah 1206H (Jun/Julai 1792M) setelah sibuk melaksanakan tugas dakwah selama 50 tahun.<sup>57</sup>

---

Bagi mengetahui perkara ini secara mendalam sila rujuk Raudhah al-Afkar, Jil. 1, hlm.89-90 yang ditahkik oleh Dr. Nasir al-Din al-Asad. (penterjemah).

<sup>54</sup> Philip, Arabia, hlm.13-25.

<sup>55</sup> Individu lain yang merupakan musuh ketat kepada pergerakah dakwah al-Syeikh al-Imam ialah 'Ura'ir bin Dujain, penguasa al-Ahsa'. Beliau mengarahkan supaya dibunuh keseluruhan pengikut al-Syeikh al-Imam yang berjaya ditawan. Pada tahun 1178H, Ibn Dujain mengumpul pasukan tentera yang terdiri dari beberapa daerah serta perkampungan bertujuan menawan bandar al-Dar'iyah. Walaupun kepungan serta serangan dilakukan dari masa ke semasa namun al-Dar'iyah tidak berjaya ditawan. Ini disebabkan pertahanan yang kukuh serta kekuatan jiwa pasukan pertahanannya yang berasaskan pegangan akidah yang jitu. Peristiwa ini berlangsung selama 20 hari. Namun Allah Subhanahu Wa Ta'ala meletakkan perasaan takut ke atas pasukan musuh sehingga akhirnya mereka bubar serta melarikan diri. (penterjemah)

<sup>56</sup> Ibn Ghannam, Jil.1, hlm.27,28,67,142. Golongan penentang dakwah al-Syeikh al-Imam dibahagikan kepada tiga kategori:

1. Golongan yang mendakwa berilmu yang hakikatnya melupai perjanjian Allah serta petunjuk yang ditinggalkan Rasulullah sallallahu 'alayh wa sallam. Mereka melihat kebenaran sebagai suatu kebatilan serta sebaliknya. Mereka turut mengubah akidah yang sahih dengan mencampuradukkannya dengan perbuatan bid'ah serta pengabdian kepada patung berhala.
2. Golongan ilmuwan yang baik keadaannya namun terpengaruh serta terpedaya dengan segala tuduhan serta pembohongan musuh sehingga mereka menyatakan penentangan terhadap al-Syeikh al-Imam.
3. Para penguasa serta pemimpin yang mentadbir daerah serta kawasan perkampungan di Najd serta selainnya. (penterjemah)

<sup>57</sup> Ibn Ghannam, Jil. 2, hlm.74 dan Ibn Bisyr, Jil. 1, hlm.95. Dalam konteks ini terdapat di kalangan sejarawan Eropah serta timur melakukan kesalahan fakta mengenai tarikh kematian al-Syeikh al-Imam. Antaranya Brockleman (Jil.2, hlm.350), Margoliouth (Dairah al-Maarif al-Islamiyyah, Jil. 4, hlm.1086) dan Labib al-Batnuni (al-Rihlah al-Hijaziyyah, hlm.9).

## Kelebihan Utama

Sejarah Islam sentiasa mengungkapkannya kemunculan individu tertentu yang kehilangan pengaruh dalam waktu yang singkat. Ini bertitik tolak dari kepalsuan dakwaan seperti mengaku sebagai Imam Mahdi atau al-Masih. Sebaliknya pengajaran al-Syeikh al-Imam serta pengikutnya bebas dari unsur sedemikian. Dalam konteks ini muncul pelbagai pihak yang mendakwa sebagai ilmuan<sup>58</sup> menyandarkan pelbagai pertuduhan palsu mirip sepertimana di atas. Namun pegangan serta keyakinan pemimpin serta pengikut al-Syeikh al-Imam berlandaskan kebenaran.

Oleh itu segala pertuduhan sama sekali tidak memberi kesan walau betapa hebat serangan yang dilakukan musuh. Dalam konteks ini mereka mengalami kegagalan dalam percubaan mencari kecacatan dalam hasil penulisan al-Syeikh al-Imam. Ini disebabkan penulisan beliau amat jelas berdasarkan al-Qur'an serta al-Sunnah sebagaimana ternyata menerusi kitab al-Tauhid. Pembaca tidak akan menemui kenyataan mengelirukan atau kisah misteri mahupun penggunaan istilah kesufian serta falsafah Yunani.

## Kelebihan Lain

Al-Syeikh al-Imam dikurniakan Allah Subhanahu Wa Ta'ala kelebihan dapat melihat kesan kegigihan perjuangan semasa hayatnya.<sup>59</sup> Ia sama ada dari aspek keduniaan mahupun

<sup>58</sup> Sila rujuk kenyataan Zaini Dahlan menerusi penulisannya al-Durar al-Saniyyah, hlm.46

<sup>59</sup> Menurut Ibn Bisyr, al-Syeikh al-Imam sentiasa mengucapkan syukur kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang mengurniakan ilmu, keutamaan dan kejayaan dalam memperbetulkan keyakinan kaum muslimin. Beliau sentiasa mengingati firman Allah Subhanahu Ta'ala yang bermaksud:

Wahai Tuhanku, ilhamkanlah daku supaya tetap bersyukur akan nikmatmu yang engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapakku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai; dan jadikanlah sifat-sifat kebaikan meresap masuk ke dalam jiwa zuriat keturunanku. Sesungguhnya aku bertaubat kepadamu, dan sesungguhnya aku dari orang-orang Islam (yang tunduk patuh kepadamu). (al-Ahqaf:15)

Beliau turut menyatakan kesyukuran menerusi ungkapan syair yang berbunyi:

Daku mengucapkan syukur kepadamu Ya Allah!...di atas pemberian nikmat  
Dikau menghidupkanku dengan Islam serta anugerah  
Betapa mulianya al-Qur'an menerangi penglihatan  
Serta keutamaan Ibn Hanbal di atasnya landasan pegangan

Ungkapan di atas tidak bermaksud al-Syeikh al-Imam berpegang kepada pandangan Imam Ahmad bin Hanbal berdasarkan taqlid semata-mata. Dalam konteks ini Imam Ahmad merupakan tokoh yang berpegang teguh di atas landasan ahl al-Sunnah wa al-Jamaah di saat menghadapi pelbagai tribulasi zamannya. Ini sebagaimana yang dinyatakan para ilmuan. Hakikatnya pegangan Imam Ahmad merupakan pegangan imam empat madzhab serta umat Islam. Segala puji bagi Allah, di mana imam empat madzhab tidak pernah berselisih dalam persoalan akidah. Ini disebabkan mereka berpegang teguh kepada akidah para sahabat serta tabi'in yang berdasarkan kepada pengajaran Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Adapun perselisihan hanya dalam permasalahan cabang.

Dalam konteks ini imam empat madzhab menasihati pengikut mereka supaya mengambil pembuktian (dalil) berdasarkan al-Qur'an serta al-Sunnah. Kenyataan mereka hendaklah dilemparkan ke dinding (dibuang sejauh-jauhnya) sekiranya sekiranya ada yang menyalahi apa yang ditetapkan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Imam Abu Hanifah berkata: "Sekiranya sahlah sesuatu hadith, maka ia merupakan madzhabku." Beliau menambah: "Tidak harus bagi seseorang mengambil kata-kata kami tanpa mengetahui daripada mana kami mengambilnya."

Beliau berkata lagi: "Diharamkan ke atas sesiapa yang tidak mengetahui dalil pandanganku lalu ia mengeluarkan fatwa dengan berlandaskan kepada pandanganku itu." Seterusnya: "Sekiranya daku mengatakan sesuatu yang menyalahi Kitab Allah serta Sunnah Rasul-Nya, maka tinggalkanlah kenyataanku itu."

Imam Malik berkata: "Daku hanyalah seorang manusia yang tidak terlepas dari kesalahan. Maka selidikilah pandanganku. Apa sahaja yang berbetulan dengan al-Qur'an serta al-Sunnah maka ambillah. Apa sahaja yang bercanggah dengan keduanya maka tinggalkanlah." Beliau menambah: "Tidak seorangpun sesudah Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam melainkan diambil serta ditinggalkan kata-katanya kecuali sabdaan baginda."

Imam Syafi'e berkata: "Tidak harus seseorang itu mengutamakan kata-kata orang lain di atas sabdaan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam." Imam Ahmad berkata: "Janganlah engkau bertaklid kepadaku. Janganlah engkau bertaklid kepada Malik, Syafi'e, al-Auza'ie atau al-Thauri. Namun rujuklah daripada sumber ambilan mereka."

Suatu yang menyedihkan apabila golongan mutakhir tidak berittiba' atau mengikuti cara yang dinyatakan imam empat madzhab. Mereka mendakwa menjadi pengikut namun melakukan perbuatan yang menyalahi pandangan mereka. Lebih dahsyat lagi apabila golongan ini menyandarkan perbuatan mereka kepada imam empat mazhab tersebut walaupun hakikatnya mereka berlepas diri dari

keagamaan. Negeri Najd berjaya ditawan sepenuhnya. Penguasa serta keseluruhan penduduk bersedia melaksanakan jihad dengan jiwa raga serta hartabenda dan sanggup menghadapi sebarang rintangan serta tribulasi. Kejayaan dikecapi dari masa ke semasa. Sekiranya beliau ingin merebut peluang mengurniakan sesuatu kepada anak-anaknya sama ada kuasa mahupun kekayaan sudah pasti ia dapat dilakukan. Namun al-Syeikh al-Imam tidak melakukan perkara sedemikian.

Al-Amir Muhammad bin Saud serta penggantinya 'Abd. al-'Aziz sentiasa meminta nasihat, bimbingan serta keputusan daripadanya. Selain itu keseluruhan hasil serta perolehan negara diletakkan di bawah pengawasan al-Syeikh al-Imam. Namun tuan syeikh yang salih ini sentiasa menyibukkan diri melaksanakan dakwah al-Salafiyah. Beliau hanya mencampuri urusan pemerintahan sekiranya perlu berbuat demikian. Apabila dirasakan kekuatan sudah mencukupi, al-Syeikh al-Imam menjauhkan diri sepenuhnya dari urusan pemerintahan negara serta pengawasan terhadap perbendaharaan. Kesan dari sikap zuhudnya ini diwarisi anak-anak serta keturunannya yang sentiasa menyibukkan diri dalam aktiviti keagamaan sehingga ke hari ini. Dari masa ke semasa tidak pernah berlaku pertentangan antara mereka dengan keluarga Saud dalam urusan membabitkan kuasa pemerintahan.

### **Anak-Anak Serta Cucunya**

Al-Syeikh al-Imam mempunyai bilangan murid yang ramai sehingga agak sukar untuk dinyatakan keseluruhan. Sehubungan ini penulis hanya menyatakan murid beliau di kalangan keturunannya. Mereka terkenal sebagai individu yang alim, warak serta berpegang teguh kepada sunnah Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Selain itu mereka sentiasa menyibukkan diri dalam mengajar serta melaksanakan kerja dakwah berpandukan kaedah yang ditunjuki al-Syeikh al-Imam. Dalam konteks ini al-Syeikh al-Imam dikurniakan usia yang panjang sehinggakan sebahagian anaknya meninggal dunia ketika beliau masih hidup. Namun di kalangan mereka yang hidup setelah beliau meninggal dunia ialah: Husin, 'Abd. Allah, Ali dan Ibrahim.<sup>60</sup>

Ibn Bisyr mengulas mengenai anak-anak al-Syeikh al-Imam dengan berkata:

---

dakwa golongan ini. Berpegang teguhlah kepada al-Qur'an serta al-Sunnah wahai kaum muslimin! Ingatlah firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya. (al-Nisa': 59)

<sup>60</sup> Menurut Ustaz Amin Said (hlm.182), anak-anak al-Syeikh al-Imam yang meninggal dunia ketika beliau masih hidup ialah: 'Abd. al-'Aziz dan Hassan. Hassan merupakan ayah kepada al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan penulis kitab Fath al-Majid fi Syarh Kitab al-Tauhid dan Qurrah al-'Uyun al-Muwahhidin fi Tahqiq Dakwah al-Anbiya' wa al-Mursalin serta selainnya. Tuan syeikh ini mempunyai ramai anak serta keturunan. Antara keturunannya yang terkenal ialah Mufti kerajaan Arab Saudi al-Syeikh Muhammad bin Ibrahim bin 'Abd. al-Latif serta anaknya al-Syeikh Ibrahim bin Muhammad, seorang menteri kehakiman. Penulis tidak mempunyai maklumat mengenai 'Abd. al-Aziz. Namun al-Syeikh Ibrahim bin Muhammad, pengarah sebuah badan ilmiah iaitu Idarah al-Buhuth al-Ilmiah wa al-Dakwah wa al-Irsyad di Riyadh mengesyorkan supaya merujuk kepada al-Syeikh Ismail al-Ansari. Menurut tuan syeikh ini beliau tidak mempunyai maklumat mengenai 'Abd. al-'Aziz melainkan apa yang dinyatakan al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan kepada Jam'an bin Nasir mengenai biografi tuan-tuan guru beliau. Antaranya berbunyi: "Daku menghadiri majlis ilmu yang disampaikan al-Syeikh al-Imam. Beliau mengajar Sahih al-Bukhari sementara anaknya 'Abd. al-Aziz mengajar Surah al-Baqarah berdasarkan Tafsir Ibn Kathir." [Majmu'ah al-Rasail al-Najdiyyah, hlm.20]. Menurut al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan, 'Abd. al-'Aziz termasuk kalangan tokoh ulama' Najd.

Daku melihat keempat-empat tokoh ulama ini mengadakan majlis ilmu di al-Dar'iyah yang dihadiri para penuntut dari segenap lapangan dan tempat.<sup>61</sup>

### **Husin Bin Muhammad Bin Abd. Al-Wahhab**

Beliau merupakan pengganti (khalifah) kepada al-Syeikh al-Imam. Seorang kadi serta imam di masjid al-Dar'iyah. Meninggal dunia pada 1224H.<sup>62</sup> Husin mempunyai beberapa orang anak yang turut merupakan ilmuan terkenal. Menurut Ibn Bisyr mereka ialah: Ali, Hamid, Hassan, 'Abd. al-Rahman dan 'Abd. al-Malik.

Ali merupakan anak Husin yang sulung serta paling alim. Oleh itu dia dilantik sebagai hakim serta kekal menjawat jawatan itu semasa pemerintahan beberapa penguasa. Mereka ialah: Saud bin 'Abd. al-'Aziz (1218H-1229H / 1803-1804), 'Abd. Allah bin Saud (mati di salib 1234H / 1818M), Turki (mati dibunuh 1248H / 1834M) dan Faisal bin Turki (m.1282M).

Hamid meninggal dunia sewaktu Husin masih hidup. Hassan merupakan seorang hakim di Riyadh semasa pemerintahan Turki bin 'Abd. Allah. Beliau mahir dalam ilmu fekah namun meninggal dunia pada 1245H ketika berusia muda. 'Abd. al-Rahman menjadi hakim ketika pemerintahan Turki serta Faisal. Beliau mahir dalam ilmu fekah, tafsir serta tatabahasa Arab. 'Abd. al-Malik bin Husin merupakan seorang hakim ketika pemerintahan Faisal.

Anak-anak Husin iaitu Hassan, 'Abd. al-Rahman dan 'Abd. al-Malik menuntut ilmu kepada al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab. Di kalangan cucu Husin yang menuntut ilmu kepada al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab ialah Husin bin Hamd bin Husin bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab (kadi bandar Hariq ketika pemerintahan Faisal), Husin bin Ali bin Husin bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab (kadi Riyadh ketika pemerintahan Faisal) dan 'Abd. Allah bin Hassan bin Husin bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

### **'Abd Allah Bin Muhammad Bin `Abd Al-Wahhab**

Beliau merupakan anak kedua al-Syeikh al-Imam. Terkenal sebagai ulama' yang menghasilkan penulisan bernilai serta pengganti (khalifah) kepada al-Syeikh al-Imam setelah Husin meninggal dunia. Kealiman beliau diakui abangnya Husin. 'Abd. Allah menyertai al-Amir Saud bin 'Abd. al-'Aziz ketika kota Mekah ditawan pada 1218H/1803M. Risalah perutusan al-Amir Saud bin 'Abd. al-'Aziz mengenai pegangan serta perjuangan golongan Wahabi disusun oleh 'Abd. Allah. Beliau berjuang dengan gigih mempertahankan al-Dar'iyah ketika diserang tentera Mesir yang dipimpin Ibrahim Basha pada 1232H. Ibn Bisyr mengulas:

---

<sup>61</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.92

<sup>62</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.143.



'Abd. Allah bin al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab turut menghunuskan senjata serta berjuang dengan gigih menghadapi serangan musuh...hingga akhir.<sup>63</sup>

Dalam pertempuran mempertahankan al-Dar'yyah', Abd. Allah mengalami kecederaan parah, di tawan serta di bawa ke Mesir dan meninggal dunia di sana.

Kedua anak 'Abd. Allah iaitu Sulaiman serta Ali terkorban dalam pertempuran di al-Dar'iyah. Sulaiman merupakan seorang ilmuan serta kadi di al-Dar'iyah. Beliau mengajar Sahih al-Bukhari dalam majlis ilmu al-Amir Saud bin 'Abd. al-'Aziz.

'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab mengajar Tafsir al-Tabari serta Ibn Kathir. Antara tokoh ilmuan yang menghadirinya ialah Ibn Bisyr<sup>64</sup>. Beliau menggunakan pendekatan serta ungkapan yang jelas dalam menyampaikan ilmu. Selain itu 'Abd. Allah merupakan individu yang gigih melaksanakan perkara kebaikan serta mencegah kemungkaran. Ini sehinggakan Ahmad Zaini Dahlan mengelarkan beliau seorang yang fanatik dalam melaksanakan kedua perkara ini melebihi ayahnya iaitu al-Syeikh al-Imam.<sup>65</sup>

'Abd. Allah turut menghuraikan Kitab al-Tawhid yang ditulis ayahnya namun sebagaimana menurut Ibn Bisyr, beliau tidak berkesempatan menyelesaikan penulisan.<sup>66</sup> Selain ayahnya, 'Abd. Allah menuntut ilmu kepada al-Syeikh Ahmad bin Nasir bin Mu'ammara (m.1325H) serta al-Syeikh Husin bin Ghannam (m.1225H).

Selain menghuraikan Kitab al-Tawhid, 'Abd. Allah turut menghasilkan kitab bertajuk al-Tawdih an Tawhid al-Khallaq fi Jawab Ahl al-Iraq. Ia dicetak pada 1319H. Menurut Brockleman (Jil 2, hlm.532), penulisan lain yang beliau hasilkan ialah Awthaq 'Ara al-Iman dan al-Masa'il.

Penulis tidak berpeluang melihat kedua penulisan ini. Namun al-Syeikh Sulaiman bin 'Abd. Allah mensisipkan beberapa permasalahan berguna yang ditulis ayahnya menerusi kitab berjilid tebal Majmu'ah al-Tawhid al-Makkiyah yang dicetak 1243H. Berkemungkinan besar sisipan ini merupakan kitab al-Masa'il yang dikatakan Brockleman.

Anak 'Abd. Allah bernama Ali mati syahid pada 1232H dalam pertempuran di sebuah tempat berdekatan al-Dar'iyah. Beliau terkenal sebagai ilmuan yang mahir dalam ilmu hadith serta tafsir. Ali turut menghasilkan penulisan bagi menghuraikan Kitab al-Tawhid yang dihasilkan datuknya.<sup>67</sup> Anak ketiga 'Abd. Allah ialah 'Abd. al-Rahman. Beliau seorang ilmuan yang terkenal.

---

<sup>63</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.206

<sup>64</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.170, 176, 209-210

<sup>65</sup> Hakikatnya kedua mereka berlepas diri dari mengamalkan sikap fanatik. Sebaliknya mereka hanya berpegang teguh dengan al-Qur'an serta al-Sunnah serta menyeru kepada keduanya.

<sup>66</sup> Kitab al-Tauhid lengkap dihuraikan oleh al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab. Ini sebagaimana yang tertera di bahagian permulaan kitab Fath al-Majid (penulis). Ia dicetak beberapa kali. Kitab ini mempunyai perkaitan rapat dengan kitab yang turut menghuraikan isi kandungan Kitab al-Tawhid iaitu Taisir al-'Aziz al-Hamid. Namun Fath al-Majid mengandungi beberapa huraian serta penjelasan tambahan terhadap Kitab al-Tauhid yang tidak terdapat dalam Taisir al-'Aziz al-Hamid. Oleh itu ia merupakan kitab yang berdiri sendiri serta berbeza dengan Taisir al-'Aziz al-Hamid. (penterjemah)

<sup>67</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.93, 205.

### **Ali Bin Muhammad Bin 'Abd. Al-Wahhab**

Beliau merupakan seorang ilmuan yang zuhud serta penuh kewarakan. Memiliki kepakaran dalam ilmu fekah serta tafsir. Keseluruhan anaknya meninggal ketika kecil kecuali Muhammad bin Ali bin al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab.

### **Ibrahim Bin Muhammad Bin 'Abd. Al-Wahhab**

Beliau merupakan anak al-Syeikh al-Islam yang keempat. Ibrahim merupakan seorang ilmuan serta hakim yang terkenal. Antara muridnya ialah Ibn Bisyr. Beliau mempelajari Kitab al-Tawhid dari Ibrahim sejak kecil.

Antara murid terkenal al-Syeikh al-Imam di kalangan cucunya ialah 'Abd. al-Rahman bin Hassan bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab. Beliau termasuk kalangan ulama' Najd yang terkemuka. Ayahnya meninggal dunia ketika al-Syeikh al-Imam masih hidup. Beliau menuntut ilmu dengan datuknya ketika kecil kemudian menyambung pelajaran kepada murid datuknya yang terkenal seperti Ahmad bin Nasir bin Uthman bin Mu'ammara (m.1225H) dan 'Abd. al-'Aziz bin 'Abd. Allah al-Husin al-Nasiri (m.1237H). al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan dilantik menjadi hakim di al-Dar'iyah ketika pemerintahan al-Amir Saud bin 'Abd. al'Aziz (m.1229H) serta al-Amir 'Abd. Allah bin Saud (mati disalib 1234H). Beliau merupakan salah seorang dari empat ulama' keturunan al-Syeikh al-Imam yang terkenal kerana keluasan ilmu serta menjadi hakim di al-Dar'iyah.<sup>68</sup>

'Abd. al-Rahman bin Hassan diusir ke negeri Mesir ketika al-Dar'iyah ditawan Ibrahim Basha. Ketika suasana kembali aman, beliau kembali ke Najd pada 1241H. Dalam konteks ini perkembangan ilmu pengetahuan terlaksana dengan baik buat kali kedua sehingga memberi manfaat kepada pelbagai lapisan masyarakat termasuk kalangan keluarga al-Syeikh al-Imam.<sup>69</sup>

'Abd. al-Rahman bin Hassan dilantik sebagai hakim ketika pemerintahan Turki bin 'Abd. Allah (m.1249H / 1834M) serta Faisal bin Turki (m.1282H) dan menjadi tempat rujukan masyarakat sama ada pemerintah mahupun golongan awam. Beliau turut menyampaikan ilmu secara khusus kepada al-Amir Turki bin 'Abd. Allah bin Muhammad bin Saud (m.1249H) serta al-Amir Faisal bin Turki. Penumpuan dilakukan kepada mengajar Tafsir Ibn Jarir al-Tabari.

Kemasyuran keempat tokoh ulama' ini tersebar luas ketika al-Dar'iyah berjaya ditawan musuh. Namun apabila keadaan kembali seperti biasa, dua di kalangan mereka meninggal dunia sehingga hanya 'Abd. al-Rahman bin Hassan serta Ali bin Husin dijadikan tempat rujukan masyarakat ketika pemerintahan Turki serta Faisal.<sup>70</sup> Namun ketika penghujung pemerintahan Faisal bin Turki (m.1256H), hanya 'Abd. al-Rahman bin Hassan merupakan individu yang menjadi

---

<sup>68</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.93. Keempat tokoh ulama' di kalangan keluarga al-Syeikh al-Imam yang dimaksudkan ialah: 'Abd. Allah bin al-Syeikh al-Imam, Ali bin Husin bin al-Syekh al-Imam, 'Abd. al-Rahman bin Hassan bin al-Syeikh al-Imam serta Sulaiman bin 'Abd. Allah bin al-Syeikh al-Imam.

<sup>69</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 2, hlm.20, 25, 26.

<sup>70</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 2, hlm.56, 73, 88.

sebutan. Setelah beliau meninggal dunia, ketokohan beliau terserlah kepada anaknya 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman yang dilantik menggantikan ayahnya sebagai pendidik serta hakim. Dalam konteks ini, al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan merupakan tokoh yang lebih layak ditujukan penghormatan serta keutamaan ketika penghujung pemerintahan Faisal bin Turki.

Ibn Bisyr menulis kitab terkenalnya pada 1270H ketika al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan masih hidup. W. Gifford Palgrave, seorang sejarawan barat berpeluang menziarahi al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan serta anaknya 'Abd. al-Latif di Riyadh ketika melakukan penjelajahan ke Semenanjung Tanah Arab pada 1279H / 1862M.<sup>71</sup> Namun Palgrave terkeliru apabila menyangka tuan syeikh ini sebagai 'Abd. Allah bin al-Syeikh al-Imam. 'Abd. al-Rahman bin Hassan meninggal dunia pada 1285H setelah dikurniakan usia yang panjang.

Menurut Ibn Bisyr, al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan merupakan tokoh yang melengkapkan huraian Kitab al-Tawhid yang tidak sempat disiapkan Sulaiman bin 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab (m.1233H). Kitab ini berjaya dicetak beberapa kali dengan tajuk Fath al-Majid fi Syarh kitab al-Tawhid.<sup>72</sup>

Selain Fath al-Majid, al-Syeikh 'Abd. Rahman bin Hassan menulis kitab yang dicetak bertajuk Qurrah al-'Uyun al-Muwahhidin fi Tahqiq Da'wah al-Anbiya' wa al-Mursalin. Ia merupakan huraian lanjut (Hasyiah) terhadap Kitab al-Tawhid. Tuan syeikh ini turut menghasilkan beberapa penulisan kecil yang termaktub dalam Majmu'ah al-Tawhid al-Makkiyah seperti berikut:

1. Risalah fi Jawab al-Jahmiyah, hlm.23-169
2. Risalah fi Hukm Muwalah ahl al-Ishraq, 157-169
3. Bayan al-Hujjah fi al-Radd 'ala Sahib al-Lajjah, hlm.205-252

Anak beliau Muhammad bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan terbunuh ketika serangan dilakukan Ibrahim Basya ke atas al-Dar'iyah.<sup>73</sup> Apabila beliau meninggal dunia tempatnya digantikan anaknya 'Abd. al-Latif bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan. 'Abd al-Latif turut bersama ayahnya ke Mesir ketika al-Dar'iyah ditawan serta kembali ke Najd pada 1264H. Beliau membantu ayahnya dalam mendidik serta menyampaikan dakwah kepada masyarakat.

Sepertimana ayahnya, 'Abd al-Latif turut menyampaikan ilmu secara khusus kepada al-Amir Faisal bin Turki serta terlibat dalam bidang kehakiman. Ibn Bisyr memuji pengajaran tafsir yang disampaikan beliau.<sup>74</sup> Palgrave berpeluang menemuinya ketika menziarahi ayahnya pada 1279H/1862M. Ketika itu beliau berusia 40 tahun. 'Abd-al-Latif merupakan seorang kadi di Riyadh.<sup>75</sup> Penulisan terkenal 'Abd. al-Latif ialah Minhaj al-Taqqis wa al-Ta'sis fi al-Radd 'ala al-Mubattil Daud bin Sulaiman bin Jurjis. Himpunan penulisan lain dicetak dengan disisipkan ke

---

<sup>71</sup> Narrative of years journey through central and eastern Arabia, 1-379.

<sup>72</sup> Kitab Fath al-Majid yang ditulis al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan merupakan penjelasan terhadap kitab al-Tawhid yang bersifat bebas. Manakala kitab al-Syeikh Sulaiman bin 'Abd. Allah yang dicetak berjudul Taisir al-'Aziz al-Hamid. Ia dicetak menerusi beberapa percetakan antaranya menerusi percetakan al-Maktab al-Islami di Beirut. al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan melengkapkan beberapa bahagian kecil kitab ini dengan diberi nama Fath al-Majid. (penterjemah)

<sup>73</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 2, hlm.23. 26.

<sup>74</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 2, hlm.121-122.

<sup>75</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 2, hlm.23. 26.

dalam kitab al-Hidyah al-Saniyyah (hlm.28-40). Tidak diketahui secara pasti tarikh beliau meninggal dunia namun menurut al-Syeikh 'Imran bin Muhammad bin 'Imran bin Sukkan, seorang ulama' Najd yang menetap di Riyadh kemungkinan besar 'Abd. al-Latif meninggal dunia pada 1304H.

Anak bongsu al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan ialah Ishaq bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan. Penulis tidak mendapati keterangan mengenainya menerusi penulisan biografi tokoh-tokoh. Namun menerusi pembacaan terhadap kitab-kitab terkemuka di perpustakaan milik keluarga, wujud keterangan mengenai beliau di bahagian pengenalan manuskrip kitab Siyanah al-Insan 'an Waswasah al-Syeikh Dahlan. Ternyata menerusinya keutamaan serta keluasan ilmu Ishaq bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan. Penulis merasa hairan bagaimana manuskrip ini boleh berada di perpustakaan. Namun apabila dilakukan penelitian ternyata datuk di sebelah ibu penulis iaitu al-Syeikh 'Abd. al-Somad, seorang ulama' hadith (m.1318H) mempunyai hubungan rapat dengan beliau. Dalam konteks ini Ishaq bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan pernah menetap di India serta menuntut ilmu kepada tokoh ulama' seperti al-Syeikh al-Sayyid Nazir Husin al-Dahlawi (m.1320H)<sup>76</sup>, Sodiq Hassan Khan (m.1308H)<sup>77</sup> dan al-Syeikh Muhammad Bashir al-Sahsawani al-Faruqi (m.1336H).<sup>78</sup>

---

<sup>76</sup> al-Syeikh al-Sayyid Nazir Husin al-Dahlawi merupakan seorang ulama besar serta mujaddid India yang berpegang teguh kepada al-Qur'an serta al-Sunnah. Nasab keturunannya sampai kepada Ali radiyallahu 'anh. Beliau lahir di perkampungan Baltahwa di wilayah Bihar pada 1220H. Ketika kecil beliau menyukai menunggang kuda serta berenang. Beliau mempelajari asas Islam dari ayahnya. Ketika menetap di Batnah, iaitu kota ilmu bagi wilayah Bihar beliau bergaul dengan para pemimpin pergerakan pembaharuan serta pembaikan antaranya al-Syahid Ahmad bin 'Urfan serta al-allamah Muhammad Isma'il. Di sana beliau menuntut ilmu dengan gigih.

Setelah tamat belajar, beliau bercita-cita meneruskan pembelajaran di Delhi bersama rakannya namun hasratnya terkandas selama beberapa tahun disebabkan masalah kewangan. Apabila tiba di Delhi beliau menuntut ilmu kepada beberapa ulama' dan akhirnya menyambung pembelajaran kepada al-Syeikh Ishaq al-Dahlawi yang merupakan pengganti (khalifah) kepada al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz wali Allah al-Dahlawi. al-Syeikh al-Sayyid Nazir Husin berada di sisi tuan syeikh ini selama 13 tahun dan dengan penuh kesungguhan menceduk ilmu daripadanya. Apabila gurunya berhijrah ke Mekah pada 1258H, beliau menggantikan tempat gurunya dengan mengajar pelbagai jenis ilmu. Pengkhususannya dalam tafsir al-Qur'an serta hadith. Dengan penuh ketekunan al-Syeikh al-Sayyid Nazir Husin mengajar ilmu syariat sehingga digelar sebagai "Syeikh segala Syeikh (Syeikh al-Kul)". Muridnya mencecah ribuan termasuk tokoh ulama' serta pemimpin pergerakan Islam seperti al-muhaddith 'Abd. al-Rahman al-Mubarakfuri penulis kepada kitab Tuhfah al-Ahwazi, al-Syeikh Syamsul Haq Abadi penulis kitab 'Aun al-Ma'bud, al-Syeikh Muhammad Basyir al-Sahsawani penulis Siyanah al-Insan an Waswasah al-Syeikh Dahlan, al-Syeikh Sana' Allah al-Amr Tusri dan selainnya.

Keluasan ilmunya tersebar sehingga ke timur tengah. Ini terbukti antara muridnya dari Najd ialah al-Syeikh Ishaq bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan, al-Syeikh Ali bin al-Qadi, al-Syeikh 'Abd. Allah bin Sa'ad bin 'Abd. al-'Aziz Mudish, al-Syeikh Sa'ad bin 'Atiq serta selainnya. Muridnya dari Sudan ialah al-Syeikh 'Abd. Allah bin Idris al-Husaini. Ramai kalangan ulama' dari Bukhara, Samarkand, Ghaznah, Kandahar, Habsyah serta selainnya yang menceduk ilmu dari beliau.

Tiada sebarang keraguan bahawa al-Syeikh al-Sayyid Nazir Husin al-Dahlawi rahimahullah merupakan mujaddid di benua India serta selainnya. Begitu ramai tokoh ulama, penulis serta pengasas pusat pengajian Islam yang berpegang teguh kepada al-Qur'an serta al-Sunnah serta berusaha menyebarkan kedua sumber Islam ini di pelbagai lapangan dan tempat merupakan murid beliau. Namun suatu yang menyedihkan apabila tuan syeikh yang agung ini akhirnya dipenjarakan dalam tempoh yang lama di Rawalpindi pada 1264H kerana dituduh sebagai Wahabi.

Setelah tamat tempoh penahanan, beliau berangkat ke Mekah bagi menunaikan Haji pada 1300H. Beliau menetap di sana dengan menghadapi pertuduhan serta fitnah sebagai Wahabi, Khawarij yang menghalalkan memakan khinzir serta pelbagai pertuduhan keji lainnya sehingga penguasa Mekah ketika itu yang bernama al-Basya terpengaruh dengan pembohongan ini. Namun apabila mengetahui kedudukan sebenar, al-Basya dengan penuh penghormatan memuliakan tuan syeikh ini sehingga para musuh gagal meneruskan niat jahat mereka.

Beliau meninggal dunia pada hari Isnin bulan Rejab 1320H/Oktober 1902M ketika berusia 100 tahun. al-Syeikh al-Sayyid Nazir Husin al-Dahlawi tidak banyak menghasilkan penulisan kerana sibuk mengajar serta memperbaiki kedudukan masyarakat. Namun penulisan beliau yang seharusnya diberikan perhatian ialah Mi'yar al-Haq. Isi kandungannya mengenai kepentingan sunnah Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam serta seruan kepada mengikuti al-Qur'an serta al-Sunnah dan meninggalkan pertelingkahan serta sikap fanatik yang memecahbelahkan kaum muslimin. Beliau turut mengeluarkan pelbagai fatwa yang dicetak beberapa jilid. (penterjemah)

<sup>77</sup> Sodiq Hassan Khan merupakan seorang tokoh ulama' serta penguasa yang digelar sebagai "Muhyi" iaitu tokoh yang menghidupkan kembali al-Sunnah al-Nabawiyah serta menyebarkannya ke negara Arab serta selainnya. Nasab keturunannya sampai kepada Fatimah al-Zahra radiyallahu 'anha. Ini sebagaimana yang dinyatakannya dalam kitabnya Iqaz al-Manan bi Ilqa' al-Mihan. Ayahnya merupakan murid kepada al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz al-Dahlawi yang merupakan tokoh ulama' serta murid kepada al-Syahid al-Sayyid Ahmad bin 'Urfan pemimpin gerakan tajdid (pembaharuan) di India.

Beliau dilahirkan pada 1248H di bandar Qanuj. Ayahnya meninggal dunia ketika beliau berusia 5 tahun. Beliau menuntut ilmu di pelbagai tempat dan daripada ramai tokoh ulama. Antara gurunya ialah Mufti Sadr al-Din al-Dahlawi. Beliau memperolehi

ijazah dalam ilmu hadith dari beberapa ulama seperti al-Syeikh Zain al-Abidin bin Muhsin bin Muhammad al-Sab'ie al-Ansari, al-Syeikh 'Abd. al-Haq Banares yang merupakan murid kepada Imam al-Syaukani, al-Syeikh Yahya bin Ahmad bin Hassan al-Hazimi dan al-Syeikh Husin 'Arab.

Setelah tamat pengajian serta melakukan beberapa pekerjaan beliau menetap di bandar Bhopal pada 1276H. Beliau berkahwin dengan raja perempuan Bhopal bernama "Syahjan Bikum". Allah Subhanahu Wa Ta'ala membukakan kepada Sodiq Hassan Khan jalan kebaikan sehingga beliau memperhambakan diri kepada ilmu khusus yang berkait dengan sunnah Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam. Beliau membeli banyak kitab-kitab yang berkait dengan ilmu hadith serta selainnya yang amat bernilai lalu mencetak serta menyebarkan kepada umat Islam seluruh dunia. Antaranya ialah kitab Fath al-Bari bi Syarh Sohih al-Bukhari, Tafsir Ibn Kathir, Nail al-Awthar dan sebagainya. Sodiq Hassan Khan mempunyai wakil di seluruh dunia Islam bagi menyebarkan ilmu Islam yang dicetak dengan bantuannya. Wakil beliau ialah Ahmad Afandi al-'Ashi dan al-Syeikh Ahmad al-Baabi al-Halabi (Kaherah), Habib Afandi 'Azruzi (Iskandariyah), Bisharat Afandi (Beirut), Tahir Afandi Mushat (Jeddah), Said Ahmad bin Nasir (Istanbul), 'Abd. Allah Hassan Ali Rejab Bek (Aden), Isa bin Qurtus (Basrah), 'Abd. al-Qadir Bek Ishmat (Baghdad), Sayyid Muhammad 'Arabi (Tunisia) dan sebagainya.

Selain terlibat dalam pendidikan Islam Sadiq Hassan Khan terlibat dalam pentadbiran sebagai penguasa negeri Bhopal. Selama 14 tahun beliau mentadbir dengan penuh keadilan namun akhirnya dilucutkan jawatan disebabkan hasutan dari golongan penentang sunnah serta tauhid. Golongan ini menyampaikan tuduhan kepada kerajaan Ingeris bahawa Sodiq Hassan Khan menghasut umat Islam supaya melancarkan jihad serta menyebarkan fahaman Wahabi. Tuan syeikh yang mulia ini meninggal dunia pada 29 Jamadilakhir 1307H dengan meninggalkan kepada umat lebih 100 buah penulisan dalam bidang hadith, tafsir, fekah dan tauhid.. Antara karya terkenal beliau seperti berikut:

1. Fath al-Bayan fi Maqasid al-Qur'an
2. 'Aun al-Bari fi Hal Adillah al-Bukhari
3. al-Siraj al-Wihaj fi Syarh Mukhtasar Muslim bin al-Hujjaj al-Mundziri
4. Nail al-Muram fi Syarh Ayat al-Ahkam
5. al-Raudhoh al-Andiyah
6. al-Taj al-Mukallal
7. al-Abjad al-'Ulum
8. al-Din al-Khalis

Sila rujuk Tarajim 'Ulama Hadith Hind, hlm.240, Wa Hindustan Mayn Ahl Hadith Kai 'Ilmi Khidmat (Urdu), hlm.26. Dua buah kitab ini merupakan karangan Abu Yahya Imam Khan Nushharwi (penterjemah)

<sup>78</sup> al-Syeikh Muhammad Bashir al-Sahsawani al-Faruqi berasal dari keturunan Umar Ibn al-Khattab radiyallahu 'anh. Dilahirkan pada 1250H. Beliau menuntut ilmu dengan tokoh-tokoh terkenal antaranya Syeikh al-Kamil al-Imam Nazir Husin al-Dahlawi rahimahullah. Beliau dilantik sebagai guru bahasa Arab serta parsi di sebuah Universiti di Accra. Pada 1295H al-Sahsawani dilantik Sodiq Hassan Khan sebagai penyelia keseluruhan madrasah agama di Bhopal, India. Apabila Sodiq Hassan Khan meninggal dunia beliau membuat keputusan meninggalkan Bhopal namun atas nasihat raja perempuan Bhopal beliau membatalkan hasratnya lantas terus menetap di Bhopal. al-Sahsawani mengajar di Istana Bhopal setiap minggu sehingga raja tersebut meninggal dunia pada 1319H. Beliau kemudian pulang ke Delhi dan dilantik sebagai pembantu serta pengganti kepada al-Imam Nazir Husin dalam menyampaikan ilmu.

al-Sahsawani meninggal dunia di Delhi pada 1326H. Beliau terkenal sebagai tokoh ulama' yang berpegang teguh kepada al-Qur'an serta al-Sunnah. Antara hasil penulisannya beliau ialah al-Qaul al-Muhaqqiq al-Muhkam fi Hukum Ziarah al-Habib al-Akram, al-Qaul al-Mansur dan Itmam al-Hujjaj 'ala Man Awjabaal-Ziarah KalHujjah. Kitab terakhir ini merupakan hasil perbincangannya dengan al-Syeikh Abi al-Hasanat 'Abd. al-Hayy al-Laknawi.

Apa yang menarik, ketika menunaikan haji di Mekah al-Sahsawani mengadakan dialog dengan Mufti Ahmad Zaini Dahlan mengenai permasalahan bid'ah serta perkara yang berkait dengan akidah Islam yang diperjuangkan al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab. Setelah kembali dari menunaikan haji beliau menulis kitab terkenalnya Siyanah al-Insan 'An Waswasah al-Syeikh Dahlan. [sila rujuk Tarajim 'Ulama Hadith Hind, hlm.219 karangan Abu Yahya Imam Khan Nushharwi serta kitab Siyanah al-Insan 'An Waswasah al-Syeikh Dahlan bahagian pengenalan]

# Bab Kedua

---

## Pemerintahan Kerajaan Semenanjung Tanah Arab

## **Bab Kedua**

### **Pemerintahan Kerajaan Semenanjung Tanah Arab**

Secara realiti proses pembaikan (al-Islah) dari sudut pegangan serta akhlak yang berlaku di negeri Najd serta persekitarannya ketika hayat al-Syeikh al-Imam dan selepas kematian beliau berpunca dari pergerakan dakwah serta keperibadian dirinya. Beliau bernasib baik kerana dibantu para penguasa seperti Muhammad bin Saud, 'Abd. al-'Aziz bin Muhammad bin Saud dan Saud bin 'Abd. al-'Aziz dalam merealisasikan perjuangan. Keluarga Saud (Aali Sa'ud) dikenali sebagai golongan yang berpegang teguh dengan perjuangan al-Syeikh al-Imam. Sehubungan ini penulis mengemukakan sejarah keluarga ini secara ringkas serta perkaitan mereka dengan pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam.

#### **Pemerintah Pertama: Muhammad bin Saud <sup>1</sup>**

Ketika pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam berkembang dengan pesat al-Amir Muhammad bin Saud (m.1179H / 1765M) menghantar satu delegasi ke al-Haramain (Mekah). Ia bertujuan memohon keizinan terhadap penduduk Najd menunaikan kewajipan haji serta mengadakan dialog dengan ulama' Mekah mengenai beberapa permasalahan. Namun usaha ini mendapat tindakbalas negatif dari penguasa Mekah ketika itu. Penahanan dilakukan terhadap delegasi Najd sehingga sebahagian mereka dipenjarakan.

#### **Penduduk Najd Dihalang Menunaikan Haji**

Ahmad Zaini Dahlan turut meriwayatkan peristiwa ini. Namun penulis mendapati penulisannya<sup>2</sup> tidak berdasarkan fakta yang sahih serta peristiwa yang direkod secara tidak benar dan amanah. Oleh yang demikian rujukan terpaksa disandarkan kepada penulisan Ibn Bisyr yang mengulas seperti berikut:

Pada tahun 1162H, Syarif (penguasa) Mekah Saud bin Sa'id menahan delegasi Najd serta menjatuhkan hukuman bunuh terhadap sebahagian mereka.<sup>3</sup>

Disebabkan berpegang teguh kepada pergerakan dakwah al-Syekh al-Imam, penduduk Najd dilarang menunaikan haji ke Mekah serta menziarahi kota ini secara bebas selama beberapa tahun. Pengecualian dilakukan terhadap delegasi ulama' Najd yang diizinkan menziarahi Baitullah

---

<sup>1</sup> Sejarah politik Najd di luar perbincangan penulis. Bagi mengetahui perkara ini secara mendalam sila lihat hasil penulisan seperti berikut:

1. 'Unwan al-Majd karangan Ibn Bisyr
2. 'Ajaib al-Athar karangan al-Jabarti
3. Tarikh Najd karangan al-Alusi
4. Hadar al-'Alam al-Islami beserta ulasan Syakib Arsalan, Jil 4, hlm.161, 172
5. Da'irah al-Ma'arif al-Islamiyyah (rencana mengenai Ibn Saud)
6. al-'Arabiyya karangan Philip
7. Hasil penulisan Amin al-Rihani dalam bahasa Inggeris serta Arab

<sup>2</sup> al-Durar al-Saniyyah, hlm.44. Kitab lain karangan Dahlan ialah Khulasah al-Kalam fi Amra' al-Balad al-Haram

<sup>3</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.23



pada 1183H, 1185H dan 1197H. Keadaan ini berubah selepas 'Abd. al-'Aziz berjaya menguasai kota Mekah secara aman pada 1218H/1803M.

### **Pemerintah Kedua: 'Abd. Al-'Aziz Bin Muhammad Bin Saud**

Al-Amir Muhammad bin Saud meninggal dunia ketika pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam masih diperingkat awal. Beliau digantikan anaknya 'Abd. al-'Aziz bin Muhammad bin Saud. Menurut Margoliouth, satu delegasi dihantar ke Mekah pada 1179H/1766M menemui Syarif<sup>4</sup> (penguasa)nya. Dalam pertemuan ini para ulama' Mekah menetapkan bahawa pegangan akidah penduduk Najd tidak menyalahi ketetapan Imam ahl a-Sunnah iaitu Ahmad bin Hanbal rahimahullah. Namun Ibn Ghannam, Ibn Bisyr serta Philip tidak menyebutkan tarikh penghantaran delegasi pada 1179H / 1766M. Tarikh yang dinyatakan Margoliouth tidak diperakui disebabkan beliau tidak menyatakan sumber perolehan maklumat. Kenyataan Ahmad Zaini Dahlan (al-Durar al-Saniyyah, hlm.44) turut dipertikaikan kerana tidak berdasarkan kepada sebarang fakta.

### **Haji Pertama Selepas Larangan**

Pada 1183H berlaku pertempuran antara golongan al-Muwahhidin dengan rombongan Mekah sehingga tertangkapnya Mansur, penguasa Mekah. Namun al-Amir 'Abd. al-'Aziz membebaskan beliau tanpa dikenakan sebarang bayaran pembebasan (fidyah). Kesan dari peristiwa ini menyebabkan penguasa Mekah mengizinkan pengikut al-Syeikh al-Imam menunaikan Haji di Mekah. Ibn Ghannam mengulas:

Penangkapan penguasa Mekah menyebabkan ibadat haji dibenarkan dilaksanakan dengan aman.<sup>5</sup>

Walaupun kebenaran tidak tertakluk kepada beberapa tahun mendatang, peristiwa ini berjaya membuka lembaran baru dalam mengadakan perbincangan serta dialog.

---

<sup>4</sup> Sejarawan Inggeris serta Eropah menggelarkan penguasa Mekah sebagai "Grand Syarif" = Syarif al-Kabir manakala pembesar Mekah yang lain sebagai "Syarif" sahaja. Sebaliknya dalam masyarakat Arab, perkataan syarif merupakan gelaran secara umum kepada keluarga Hassan dan Husin radiyallahu 'anhuma. Dalam konteks ini gelaran "syarif Mekah" dikhaskan kepada penguasa Mekah sahaja. Bagi mengetahui sejarah para syarif ini pembaca boleh merujuk kitab Dahlan Khulasah al-Kalam walaupun kebanyakan isinya tidak berdasarkan fakta yang sahih. Labib al-Batnuni turut menyatakan secara ringkas sejarah syarif Mekah dalam kitab al-Rihlah al-Hijaziyah, hlm.81-83. Selain itu rujukan boleh dilakukan dengan melihat penulisan Hart Travels in Arabia, Jil. 1, hlm.405, 444 serta penulisan Garth bertajuk History of Arabia. Berdasarkan penulisan di atas senarai nama syarif Mekah seperti berikut:

1. Mas'ud bin Sa'id, 1146H
2. Musa'id bin Sa'id, 1165H
3. Ja'far bin Sa'id, 1172H
4. Musa'id bin Sa'id, 1173H
5. 'Abd. Allah bin Sa'id, 1184H
6. Ahmad bin Sa'id, 1184H
7. 'Abd. Allah bin Hassan, 1184H
8. Ahmad bin Sa'id, 1184H
9. Suror bin Musa'id, 1186H
10. 'Abd. al-Mu'in bin Musa'id, 1202H
11. Ghalib bin Musa'id, 1202H
12. Yahya bin Suror, 1228H

<sup>5</sup> Raudhah al-Afkar, Jil. 2, hlm.91

## **Delegasi Pertama Najd**

Ibn Ghannam berkata:

Pada 1185H/1779M, al-Syeikh al-Imam serta 'Abd. al-'Aziz menghantar sejumlah besar hadiah kepada penguasa Mekah Ahmad bin Sa'id. Natijah dari tindakan ini, penguasa Mekah menghantar perutusan meminta diutuskan seorang ilmuan bagi memperjelaskan hakikat dakwah al-Syeikh al-Imam serta mengadakan dialog dengan ulama' Mekah. Al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz al-Husin diutus dengan membawa perutusan dari al-Syeikh al-Imam.

Antara yang hadir dalam sesi dialog ialah Yahya bin Salih al-Hanafi, 'Abd. al-Wahhab bin Hassan al-Turki mufti daerah Sultan, 'Abd. al-Ghani bin Hilal. Perbincangan berlegar sekitar tiga permasalahan seperti berikut:

Pertama: Persoalan hukum kafir ke atas kaum muslimin yang melakukan perkara menyalahi akidah. Kedua: Meruntuhkan kubah di atas kubur. Ketiga: Peningkaran memohon syafaat kepada golongan salih yang sudah mati. Para ulama' berpuashati dengan pembuktiaan yang dikemukakan al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz al-Husin lantas mereka mengeluarkan kenyataan: "Ini merupakan pegangan imam Ahmad bin Hanbal."

Tuan syeikh ini meninggalkan sesi dialog dengan menerima pujian serta penghormatan.<sup>6</sup>

Ibn Bisyr mengemukakan kisah ini secara ringkas.<sup>7</sup> Philip turut menyatakannya namun majoriti kenyataan beliau berdasarkan kitab Ibn Ghannam Raudhah al-Afkar. Philip tersilap apabila menyatakan tarikh penduduk Najd diizinkan menunaikan Haji iaitu 1183H / 1769M serta tarikh perutusan delegasi iaitu 1185H / 1771M. Kenyataan beliau menyalahi apa yang termaktub dalam kitab Ibn Ghannam.

Syeikh 'Abd. al-'Aziz bin 'Abd. Allah al-Husin termasuk kalangan murid al-Syeikh al-Imam yang terkenal alim serta jujur (thiqah). Beliau diutus sebagai ketua delegasi ke Mekah sebanyak dua kali serta dilantik sebagai hakim setelah al-Syeikh al-Imam meninggal dunia. Beliau menjawat portfolio ini ketika pemerintahan al-Amir 'Abd. al-'Aziz (m.1218H / 1803M), Saud bin 'Abd. al-'Aziz (1229H / 1814M) dan 'Abd. Allah bin Saud (mati disalib 1234H / 1819M). Ketika Ibrahim Basya menawan al-Dar'iyah pada 1234H beliau diperlakukan dengan keji<sup>8</sup> sehingga menjejaskan fizikalnya. Segala puji bagi Allah, tuan syeikh ini tidak dibunuh sebagaimana yang lain. Beliau meninggal dunia pada 21 Rejab tahun 1237H / April 1822M.<sup>9</sup>

## **Keizinan Umum Dalam Menunaikan Haji**

Ibn Ghannam mengulas:

---

<sup>6</sup> Raudhah al-Afkar, Jil. 2, hlm.91-92.

<sup>7</sup> Raudhah al-Afkar, Jil. 2, hlm.89

<sup>8</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.191

<sup>9</sup> Bagi mengetahui kisah ini secara mendalam sila rujuk 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.91, 94, 232-233

Pada 1197H / 1785M 'Abd. al-'Aziz menghantar sejumlah besar hadiah seperti kuda tunggangan, unta dan selainnya kepada Suror penguasa Mekah. Kesan dari tindakan ini menyebabkan penduduk Najd diizinkan menunaikan ibadat haji setelah larangan dikenakan selama beberapa tahun. Jumlah mereka yang menyertai rombongan ini sekitar 300 orang.<sup>10</sup>

Ibn Bisyr tidak menyatakan kisah ini. Philip menyebutkannya dengan menyatakan tarikh berlakunya peristiwa ini pada 1197H / 1785M. Sehubungan ini Philip berkata:

Suatu yang jarang diulas di mana tindakan penguasa Mekah mengizinkan penduduk Najd menunaikan haji buat kali kedua merupakan perkara penting dalam sejarah Arab di waktu itu. Ia berkait peranan Suror membebaskan pentadbiran Hijaz dari pengaruh khalifah Turki. Bagi menunjukkan kekuasaannya Suror melancarkan serangan ke atas sempadan 'Asir serta Najd dan menyekat penduduk Najd dari menunaikan haji.

Namun golongan Wahabi tidak memperdulikan gertakan penguasa Mekah ini. Sebaliknya tindakan Suror mengakibatkan beliau menghadapi kesukaran dari aspek yang berlainan. Ia merujuk pertelingkahan antara jemaah haji Iraq serta Iran. Suror tidak berupaya memberi perlindungan kepada mereka. Ini menyebabkan penguasa Iraq mencegah rakyatnya dari melakukan perjalanan. Kerajaan Iran mendakwa penguasa Iraq bertanggungjawab terhadap kesukaran yang dihadapi jemaah haji mereka di padang pasir.

Kesan dari pertelingkahan kedua pihak ini menyebabkan sumber hasil penduduk Hijaz tersekat sehingga menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan peniaga. Apabila merasakan permasalahan ini tidak dapat diselesaikan Suror terpaksa menjalinkan hubungan baik dengan penguasa Najd. Penghantaran hadiah seperti kuda dan unta pada musim kemarau ini merupakan titik permulaan kepada hubungan baik.<sup>11</sup>

### **Delegasi Kedua Najd**

Suror meninggal dunia pada 1202H. 'Abd. al-Mu'in serta Ghalib menggantikan tempatnya sebagai penguasa Mekah. Ketika Ghalib dilantik sebagai penguasa berlaku peperangan hebat antara penduduk Najd, Hijaz serta Mesir. Wujud bukti kukuh mengatakan Ghalib menghantar perutusan kepada 'Abd. al-'Aziz supaya mengutuskan seorang ilmuan yang dapat memperjelaskan hakikat dakwah al-Syeikh al-Imam. 'Abd. al-'Aziz merasa amat gembira lantas menghantar al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz al-Husin (ketua delegasi pertama) yang turut membawa bersamanya perutusan al-Syeikh al-Imam kepada Ghalib.

Menerusinya beliau mengemukakan pembuktian jelas mengenai dakwah al-Salafiyah serta peringatan terhadap keputusan delegasi pertama di mana para ulama' Mekah bersetuju dengan perjuangan al-Syeikh al-Imam. Ghalib menyambut baik kedatangan al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz al-Husin serta menerima penjelasan yang disampaikan. Namun beliau menarik kembali sokongan atas desakan ulama' yang berkepentingan. Golongan ini menyatakan sekiranya Ghalib

---

<sup>10</sup> Raudhah al-Afkar, Jil. 2, hlm.134

<sup>11</sup> Arabia, hlm.34, 39

menyahut seruan Ibn Saud beliau akan kehilangan kekuasaan. Dalam konteks ini al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz al-Husin mendesak Ghalib supaya mengadakan pertemuan serta dialog antara beliau dengan ulama' Mekah. Namun golongan ini menolak untuk diadakan pertemuan.<sup>12</sup> Suatu yang menghairankan apabila Ibn Bisyr tidak menyebutkan peristiwa penting ini.

### **Delegasi Ketiga Najd**

Apabila delegasi kedua mengalami kegagalan, maka berlaku pertembungan antara kedua pihak (Hijaz serta Najd. Dalam tempoh ini tentera Najd berjaya meluaskan pengaruh serta kekuasaan di seluruh Semenanjung Tanah Arab. Ini sehinggakan mereka berjaya menakluki wilayah al-'Ama'ir berdekatan al-Ahsa' pada 1211H serta memperolehi banyak harta rampasan.<sup>13</sup>

Melihat kekuatan penduduk Najd menyebabkan Ghalib bersedia mengadakan perundingan seterusnya. Beliau menghantar perutusan kepada al-Amir 'Abd. al-'Aziz agar mengutuskan seorang ilmuan yang dapat memperjelaskan hakikat dakwah al-Syeikh al-Imam kepada penduduk Mekah. Delegasi ketiga dihantar setelah al-Syeikh al-Imam meninggal dunia. 'Abd. al-'Aziz dengan segera mengabulkan permintaan Ghalib disebabkan di sisinya tidak ada yang lebih penting dari seruan dakwah kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Individu yang terpilih mengetuai delegasi ini ialah salah seorang murid terkemuka al-Syeikh al-Imam iaitu al-Syeikh Hamid bin Nasir bin 'Uthman bin Mu'ammarr.

Apabila selesai menunaikan tawaf di Mekah, tuan syeikh ini serta rombongannya menyerahkan hadiah yang dikirim 'Abd. al-'Aziz kepada penguasa Mekah. Perundingan dengan para ulama' Mekah yang berlangsung selama beberapa hari berjaya mencapai matlamat. Beberapa persoalan yang dikemukakan ulama' berjaya dijawab dengan kukuh oleh al-Syeikh Hamid bin Nasir bin 'Uthman bin Mu'ammarr. Jawapan ini akhirnya dicetak dengan tajuk al-Fawakih al-'Azab fi al-Radd 'ala Man Lam Yahkum al-Sunnah wa al-Kitab.<sup>14</sup> Perbincangan secara khusus berlegar mengenai persoalan syafaat, al-Istigoshah serta hukum kafir ke atas mereka yang meninggalkan solat. Dialog ini diadakan pada 1211H dalam sebuah perhimpunan yang dihadiri Ghalib, penguasa Mekah. Ibn Ghannam mengulas:

Para ulama' Mekah mengakui kekuatan hujjah al-Syeikh Hamid bin Nasir bin 'Uthman bin Mu'ammarr namun mereka tetap menyatakan penentangan...hingga akhir.

Ibn Ghannam menyatakan secara lengkap peristiwa ini<sup>15</sup>, begitu juga Philip<sup>16</sup>. Namun agak menghairankan Ibn Bisyr tidak menyatakannya.

Al-Syeikh Hamid bin Nasir bin 'Uthman bin Mu'ammarr dikurniakan kelebihan menuntut ilmu dengan al-Syeikh al-Imam sebagaimana ketua delegasi pertama serta kedua iaitu al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz al-Husin. Beliau turut menuntut ilmu kepada saudara al-Syeikh al-Imam iaitu

---

<sup>12</sup> Raudhah al-Afkar, Jil. 2, hlm.163

<sup>13</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.110

<sup>14</sup> Majmu'ah al-Hidayah al-Saniyyah, hlm.90-95

<sup>15</sup> Raudhah al-Afkar, Jil. 2, hlm.226

<sup>16</sup> Arabia, hlm.71-72

Sulaiman bin 'Abd. al-Wahhab. Tuan syeikh ini dilantik sebagai hakim di al-Dar'iyah dalam tempoh yang panjang. Al-Amir 'Abd. al-'Aziz mengutuskan beliau ke Mekah untuk mengajar serta memberi fatwa. Beliau meninggal dunia di Mekah pada pertengahan bulan Zulhijjah 1225H / Januari 1811M.<sup>17</sup>

### **Perdamaian Setelah Peperangan**

Penguasaan golongan Wahabi semakin pesat menyebabkan penguasa Mekah mengutus delegasi kepada Sulaiman Basya, penguasa Iraq.<sup>18</sup> Sulaiman menghantar pasukan tentera yang dipimpin Suwaini diikuti oleh Ali Basha.<sup>19</sup> Namun tentera Iraq mengalami kekalahan sehinggakan tentera Najd berjaya melakukan serangan berterusan ke atas sempadan Iraq. Al-Amir 'Abd. al-'Aziz berjaya menakluki Bahrain, Oman serta wilayah sekitarnya. Kesan peristiwa ini menyebabkan penduduk Najd dilarang sama sekali menunaikan haji. Tentera Najd berterusan melancarkan serangan terhadap Iraq sehingga menimbulkan kebimbangan kepada penguasa Mekah. Sekali lagi mereka terpaksa menarik kembali larangan mengerjakan haji serta mengadakan kerjasama. Peperangan akhirnya diteruskan pada 1205H / 1790M, 1210H / 1795M dan 1212H / 1798M. Tentera Najd berjaya mencapai kemenangan dalam kesemua peperangan ini.<sup>20</sup>

Peperangan yang berlaku pada 1212H / 1798M di tempat bernama al-Kirmah dianggap peperangan paling dahsyat.<sup>21</sup> Ghalib mengalami kekalahan besar dengan beribu-ribu tenteranya terkorban. Genjatan senjata diadakan pada 1213H / Disember 1798M. Penduduk Najd serta rombongan dari Iraq berpeluang menunaikan haji dengan aman pada 1213H hingga 1215H.

### **Ibadat Haji Pada 1213H**

Setelah tamat peperangan al-Kirmah, Ghalib menghantar perutusan kepada 'Abd. al-'Aziz bagi memohon mengadakan perjanjian damai. 'Abd. al-'Aziz bersetuju dengan perkara ini lantas Ghalib membenarkan penduduk Najd menunaikan haji. Antara individu yang menyertainya ialah 'Ali bin Muhammad serta Ibrahim bin Muhammad.<sup>22</sup> Keduanya merupakan anak kepada al-Syeikh al-Imam. Dahlan mengulas:

Ikatan perjanjian damai berlaku antara mereka sehingga terhenti peperangan. Golongan Wahabi mula mengerjakan haji dengan selamat. Ini ketika mana penduduk Mekah ditegah dari menyatakan penentangan terhadap mereka sama ada menerusi lisan mahupun tangan.<sup>23</sup>

---

<sup>17</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.152

<sup>18</sup> Pada 1212H Ghalib yang memberitahu kerajaan Uthmaniyyah mengenai bahaya gerakan Wahabi dan mengesyorkan kerajaan Turki supaya menyekat pengaruh mereka. Namun kerajaan Turki tidak memberi perhatian terhadap isu ini. Berdasarkan kajian penulis, ternyata penguasa Baghdad Ibrahim Basha merupakan individu yang berusaha memerangi penduduk Najd sebelum 1212H dan selepas tarikh ini. [Khulasoh al-Kalam, 266. 268]

<sup>19</sup> Pasukan tentera dihantar pada 1211H/1797M serta 1213H/1799M. Secara lengkap sila rujuk 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.107, 109, 118 dan kenyataan Philip, hlm.68. 70.

<sup>20</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.86, 67, 103, 107, 112 dan Philip, hlm.51, 54, 73-74

<sup>21</sup> Peperangan ini dikenali dengan peperangan al-Kirmah. Setelah mengalami kekalahan Ghalib kembali ke Mekah pada 3 Zulkaedah/19April 1798M. [Khulasoh al-Kalam, hlm.267]

<sup>22</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.120

<sup>23</sup> Khulasoh al-Kalam, hlm.268

Al-'Amir 'Abd. al-'Aziz serta anaknya Saud tidak berpeluang mengerjakan haji pada tahun tersebut. Ini disebabkan timbalan penguasa Iraq Ali Basya menghantar pasukan tentera bagi melancarkan serangan ke atas al-Dar'iyah sehinggakan keduanya sibuk menyiapkan pertahanan. Peristiwa ini berlaku pada 1213H / 1799M.

### **Ibadat Haji Pada 1214H**

Perlaksanaan haji pada tahun ini disertai al-Amir 'Abd. al-'Aziz. Rombongan beliau disertai sebilangan besar penduduk Najd, al-Ahsa', wilayah sekitarnya, golongan Badwi serta selainnya. Ia terdiri dari pasukan tentera berkuda, golongan wanita serta kanak-kanak. Mereka berjaya melaksanakan haji dengan sempurna serta mengelakkan diri dari melakukan perkara yang menyalahi syariat.<sup>24</sup> Rombongan ini pulang dengan selamat setelah selesai menunaikan haji pada 28 Zulhijjah / 1800M.<sup>25</sup>

### **Ibadat Haji Pada 1215H**

Perlaksanaan haji pada tahun ini turut disertai al-Amir 'Abd. al-'Aziz serta anaknya Saud. Rombongan beliau disertai penduduk Najd, golongan Badwi, kaum wanita dan kanak-kanak. Setelah berlalunya hari ke tujuh, 'Abd. al-'Aziz ditimpa sakit tenat sehingga terpaksa diusung pulang ke al-Dar'iyah. Kedudukannya sebagai ketua rombongan haji digantikan anaknya Saud. Beliau melaksanakan tugas dengan baik serta dengan sifat kemuliaan yang wujud pada dirinya beliau banyak memberikan sedekah serta pemberian kepada golongan yang memerlukan.<sup>26</sup> Saud bin 'Abd. al-'Aziz turut memberikan penghormatan ke atas rombongan haji yang datang dari negara luar seperti Oman yang diketuai penguasanya.<sup>27</sup>

Penulis mengemukakan peristiwa berdasarkan susunan yang betul setelah merujuk kepada sumber yang diperakui. Ternyata sebahagian ilmuan seperti al-Amir Syakib Arsalan melakukan kesalahan dari aspek penyusunan peristiwa. Ini berkemungkinan besar disebabkan rujukan kepada penulisan Eropah.<sup>28</sup>

### **Serangan Terhadap Karbala Pada 1216H/1802M**

Wujud beberapa periwayatan mengenai serangan tentera Najd terhadap Karbala, Najaf serta kawasan sekitarnya. Philip mengulas:

Serangan bertubi-tubi Ibrahim Basya serta penguasa Basrah dengan dibantu tentera bersekutu ke atas golongan Wahabi di tanah air mereka pada 1798M mengalami kegagalan. Genjatan senjata selama 6 tahun diadakan antara 'Abd. al-'Aziz dengan Ibrahim Basya. Namun ia

---

<sup>24</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.20

<sup>25</sup> Khulasoh al-Kalam, hlm.268

<sup>26</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.121

<sup>27</sup> Philip, hlm.81

<sup>28</sup> Hadhar al-'Alam al-Islami, Jil. 4, hlm.162-163

tidak kekal lama apabila golongan Syi'ah di kalangan puak Khuza'il melancarkan serangan hebat ke atas rombongan Wahabi. Tindakan jahat ini menyebabkan Saud bin 'Abd. al-'Aziz melakukan serangan balas dengan menyerang Karbala pada 18 Zulhijjah 1216H / 21 April 1802M.<sup>29</sup>

Ibn Bisyr mengulas:

Saud dengan tentera berkuda serta unta yang berasal dari Najd, Hijaz, Tihamah dan selainnya mara ke bumi Karbala pada bulan Zulkaedah.<sup>30</sup> Apabila tiba di sana mereka memasuki Karbala dengan memanjat dinding. Majoriti penduduknya di kalangan lelaki dewasa dibunuh sama ada di pasar mahupun tempat kediaman. Selepas itu mereka memusnahkan kubah yang terletak di atas kubur yang diyakini golongan Syi'ah milik Husin radiyallahu 'anh. Mereka mengambil apa sahaja yang terdapat di sisi kubah, sekitarnya dan di tempat lainnya seperti senjata, pakaian, tikar, emas, perak, naskah al-Qur'an yang bernilai dan sebagainya. Tentera ini meninggalkan Karbala menjelang pagi keesokan harinya dengan membawa keseluruhan harta rampasan setelah membunuh sekitar 2000 lelaki.<sup>31</sup>

Penduduk Najd merasa gembira mendengar peristiwa ini. Sebaliknya kaum muslimin secara umum serta golongan Syi'ah secara khusus menyatakan kemarahan mereka. Fath Ali Qajar (1212-1250H/1798-1834M) Syah Iran ketika itu berazam melancarkan serangan balas terhadap Najd dengan kekuatan 100,000 tentera. Sulaiman Basha penguasa Baghdad turut menyediakan kelengkapan ketenteraan. Namun hasrat Syah Iran terpaksa dibatalkan apabila penduduk Iran terlibat dalam pertelingkahan serta peperangan sesama sendiri. Sementara Ibrahim Basha sibuk mengatasi revolusi yang dilancarkan puak Kurdi terhadap dirinya.<sup>32</sup>

Sehubungan ini kemarahan Syah Iran dapat difahami. Namun kenyataan penulisan sejarah mengenai hasrat beliau melancarkan serangan ke atas Najd tidak dapat dibuktikan. Dalam konteks ini ini penulis menemui sebuah manuskrip di perpustakaan al-Syarqiyah di Batnah yang menyatakan perkara ini. Antara isi kandungannya ialah sebuah risalah yang diutus al-'Amir Saud bin 'Abd. al-'Aziz kepada Syah Iran Fath Ali Qajar.

Beliau berazam melancarkan serangan balas terhadap penduduk Najaf serta menghapuskan perbuatan syirik yang dilakukan golongan Syi'ah di sana. Sekiranya Syah Iran tidak berusaha membasmi kekejian ini penguasa Najd akan mengambil tindakan drastik. Risalah ini turut mengungkapkan jawapan Fath Ali Qajar terhadap al-'Amir Saud. Beliau memberi amaran supaya penguasa Najd tidak meneruskan hasratnya. Di permulaan risalah dinyatakan penjelasan serta keutamaan perjuangan dakwah al-Syeikh al-Imam secara ringkas.

Manuskrip ini ditulis pada 1219H / 1804M selepas berlakunya peristiwa serangan ke atas Karbala. Namun dari sudut lain, penulis merujuk kenyataan Philip<sup>33</sup> yang mengulas bahawa wujud persefahaman serta hubungan baik antara Syah Iran dengan al-'Amir Saud pada 1808M. Dengan

---

<sup>29</sup> hlm.81, rencana Mordtmane dalam Da'irah al-Ma'arif al-Islamiyyah (bahasa Arab), Jil. 1, hlm.191-192

<sup>30</sup> Zulkaedah 1216H/March 1802M.Ini berkemungkinan merujuk tarikh keluar. Mordtmane menetapkan tarikh serangan pada 18 Zulhijjah 1216H/April 1802M.Ini merupakan tarikh yang lebih tepat.

<sup>31</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.121-122

<sup>32</sup> Hadar al-'Alam al-Islami, Jil. 4, hlm.163

<sup>33</sup> Arabia, hlm.90



itu hasrat Syah Iran untuk menyerang Najd tidak dapat dibuktikan. Mengenai hasrat Ibrahim Basha diketahui umum beliau meninggal dunia pada 1217H sejurus selepas berlakunya peristiwa Karbala.<sup>34</sup>

### **Perjanjian Damai Tamat Pada 1217H**

Hakikatnya perjanjian damai antara Najd serta Mekah setelah tamat peperangan al-Kirmah tidak berpanjangan. Ghalib penguasa Mekah menuduh tentera Najd mencabuli syarat perjanjian. Apabila perkara ini tidak dapat diselesaikan melalui perutusan surat Ghalib, menghantar menterinya Uthman al-Mudoifi untuk mengadakan perundingan. Namun apabila tiba di Najd, Uthman membuat keputusan menyertai golongan Wahabi.

Di sudut yang lain, hubungan antara Ghalib dengan saudaranya 'Abd. al-Mu'in semakin buruk. Sehubungan ini 'Abd. al-Mu'in memohon bantuan Saud sehingga berlaku pertempuran berdekatan bandar Taif. Walaupun mengalami kecederaan teruk, Ghalib berjaya menyelamatkan diri dengan berlindung di kubu Taif. Tentera Najd berjaya menawan Taif serta melantik Uthman al-Mudoifi sebagai gabenor Hijaz.<sup>35</sup> Dalam konteks ini golongan Wahabi berjaya meluaskan pengaruh serta wilayah kekuasaan sehingga bersiap sedia ke Mekah.

Musim haji semakin hampir. Rombongan berkuda Syam dalam perjalanan menunaikan haji dengan berpakaian ihram diketuai 'Abd. Allah Basha. Beliau berjaya mengadakan perjanjian damai dengan Saud. Syarat perjanjian ialah rombongan Syam dikehendaki kembali ke negeri mereka setelah 3 hari tamat menunaikan haji. Ghalib memohon kepada 'Abd. Allah Basha supaya menjadi pengantara antara dirinya dengan Saud. Namun ketua rombongan Syam dengan segera berangkat kembali dengan mematuhi syarat perjanjian lantas tidak mepedulikan saranan Ghalib.<sup>36</sup>

### **Memasuki Mekah**

Setelah selesai musim haji, Ghalib penguasa Mekah melarikan diri ke Jeddah. Sehubungan ini Saud bin 'Abd. al-'Aziz berjaya memasuki Mekah dengan aman tanpa sebarang penentangan. Peristiwa ini berlaku pada hari Sabtu 8 Muharram 1218H/ 30 April 1803M.<sup>37</sup> Saud melantik 'Abd. al-Mu'in saudara Ghalib sebagai amir Mekah serta melaksanakan pembaikan (al-Islah). Ibn Bisyr mengulas:

Saud memasuki Mekah dengan memberikan keamanan serta pemberian yang banyak kepada penduduknya. Apabila selesai menunaikan tawaf serta sai'e Saud serta kaum muslimin mula menjalankan proses meruntuhkan kubah yang dibina di atas kubur serta makam. Ia

---

<sup>34</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.122, 203

<sup>35</sup> Pada akhir 1218H/1803M

<sup>36</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.122, Philip hlm.83

<sup>37</sup> Menurut penulis Qamus al-Islam, hlm.660, tarikh memasuki Mekah ialah 27 April namun kenyataan ini tidak benar. Zwemmer, hlm.94 turut menyatakan tarikh yang salah apabila mengambilnya dari penulis Qamus al-Islam..

mengambil masa lebih 20 hari disebabkan kedudukan berselerak di merata tempat. Dengan itu Mekah berjaya membebaskan dirinya dari unsur syirik yang berkait dengan tanah perkuburan.<sup>38</sup>

Philip pula berkata:

Ketika memasuki Mekah, Saud berusaha membersihkan kota ini dari kekotoran berhala. Beliau membahagikan permata serta perhiasan lain yang terdapat di Ka'bah, meruntuhkan kubah serta membunuh sebahagian penjaga Ka'bah.<sup>39</sup>

Apa yang menarik Ibn Bisyr tidak menyebut peristiwa pembahagian permata serta pembunuhan sebahagian penjaga Ka'bah. Kenyataan ini disokong Hughes seorang rahib serta sejarawan terkenal:

Pembersihan kota suci umat Islam dilakukan tanpa sebarang kecederaan atau kematian ke atas penduduknya. Ketika penguasa Najd menguasai kota ini, Masjid al-Haram dimakmurkan sehingga terserlah ketaatan serta kezuhudan yang pupus sejak sekian lama.<sup>40</sup>

Barrack Hart, seorang penulis kontemporari mengulas:

Sehingga kini nama Saud sentiasa meniti dibibir penduduk Mekah. Ia disertakan dengan ucapan syukur serta ridha. Pujian turut diperuntukkan kepada tentera Najd di atas sikap beretika ketika memasuki Mekah.<sup>41</sup>

Dalam al-Hidyah al-Saniyyah:

Paksaan dilakukan ke atas masyarakat supaya menunaikan solat secara berjemaah. Golongan Wahabi menghapuskan peralatan tembakau, pemakaian sutera serta ukiran. Mereka berpandangan ia menyalahi peraturan syariat.<sup>42</sup>

Dalam al-Khulasoh al-Kalam:

Golongan Wahabi menghukum individu yang tidak menunaikan solat berjemaah sehingga masyarakat mulai menunaikan solat di belakang seorang imam. Ulama' pelbagai madzhab akan mengimamkan solat dalam waktu yang berbeza. Risalah yang ditulis al-Syeikh 'Abd. Allah bin Syeikh al-Islam yang menjelaskan pegangan serta perjuangan Wahabi disebarkan kepada umum. Di dalamnya mengandungi hukum meruntuhkan kubah, zawiyah serta persoalan lain.<sup>43</sup>

Ghalib sebagaimana penjelasan terdahulu menyembunyikan diri di Jeddah. Saud cuba menangkapnya setelah menetap di Mekah selama 14 hari (22 Muharram 1218H). Namun usaha ini menemui kegagalan disebabkan tentera beliau diserang penyakit taun. Dengan itu Saud

---

<sup>38</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.122, 203

<sup>39</sup> hlm.83

<sup>40</sup> Qamus al-Islam, hlm.660

<sup>41</sup> Barrack Hart, Jil. 2, hlm.149

<sup>42</sup> hlm.43

<sup>43</sup> hlm.278-279

terpaksa membatalkan hasrat menguasai Hijaz. Namun 200 tenteranya kekal di Mekah melakukan ibadat korban.<sup>44</sup>

### **Al-Amir 'Abd. Al-'Aziz Mati Syahid**

Pada 18 Rejab 1218H/4 November 1803M, ketika sedang mengimamkan solat Asar seperti biasa, penguasa Najd ini ditikam dengan sebuah belati ketika sujud sehingga membawa kepada kematian. Individu yang melakukan perbuatan ini ialah seorang penganut Syi'ah al-Rafidhoh berbangsa Iran ataupun Kurdi<sup>45</sup> yang menetap di al-Dar'iyyah. Beliau bertindak demikian sebagai balasan terbunuh sebahagian keluarganya di Karbala di tangan tentera Najd. Beliau berpura-pura menjadi seorang yang salih sehingga 'Abd. al-'Aziz memperlakukannya. Ini memberikan ruang kepadanya melaksanakan perancangan jahat setelah menunggu selama setahun.

Al-Amir 'Abd. al-'Aziz bin Saud memerintah Najd selama 37 tahun (1179H / 1765-1218H / 1803M). Sebahagian besar pentadbirannya di bawah pengawasan al-Syeikh al-Islam. Beliau memegang tampuk pemerintahan setelah ayahnya meninggal dunia pada 1159H / 1744M. Keseluruhan peperangan yang berlaku antara 1159H / 1744 - 1179H / 1765M, di bawah pimpinan beliau. Manakala peperangan selepas tarikh ini diserahkan kepada timbalan penguasa yang juga anaknya Saud bin 'Abd. al-'Aziz.

Al-Amir 'Abd. al-'Aziz memperolehi manfaat besar kerana berpeluang menjadi murid al-Syeikh al-Imam sehingga kecintaan kepada dakwah tertanam kukuh di dalam sanubarinya. Sehubungan ini setelah sempurna penguasaan ke atas beberapa wilayah, langkah pertama yang dilakukan beliau ialah usaha pembaikan (al-Islah). Menurut Ibn Bisyr, al-Amir 'Abd. al-'Aziz terkenal di kalangan rakyat dengan sifat kelembutan serta kasih sayang. Mencukupi bagi penulis menyatakan penyaksian Imam Muhammad bin Ali al-Syaukani (1173H / 1760M - 1250H / 1832M) yang hidup sezaman dengan beliau. Imam al-Syaukani mengulas:

Sesiapa sahaja yang berada di bawah pengawasan al-Amir 'Abd. al-'Aziz akan mendirikan solat, menunaikan zakat serta melaksanakan keseluruhan tuntutan syariat. Mereka melakukan perkara ini setelah berada dalam suasana kejahilan. Ketika itu kalimah syahadah diucapkan di bibir tanpa mengetahui maksudnya. Namun setelah menjalani perubahan mereka mula mendirikan solat pada waktunya serta melaksanakan rukun Islam dengan tatacara sebenar.<sup>46</sup>

### **Pemerintah Ketiga: Saud Bin 'Abd. Al-'Aziz (1218H/1803M-1229H/1814M)**

Setelah mengambil alih tampuk pemerintahan, Saud mula meluaskan skop dakwah serta pentadbiran menurut panduan ayahnya. Beliau menyerahkan kepimpinan ketenteraan kepada anaknya 'Abd. Allah. Dalam konteks ini Khaibar di Hijaz, Bahrain, Oman dan Ras al-Khimah berjaya ditawan. Menyedari kedudukan mereka dalam bahaya, kerajaan Turki mengarahkan Ali Basha

---

<sup>44</sup> Hadhar al-'Alam al-Islami, Jil. 4, hlm.162, Philip, hlm.83.

<sup>45</sup> Sejarahwan secara umum menyatakan pembunuhnya ialah seorang Rafidhoh yang berasal dari Iran. (Philip, hlm.84, Hadhar al-'Alam al-Islami, Jil. 4, hlm.163. Namun Ibn Bisyr (Jil. 1, hlm.123) menyatakan pembunuhnya seorang Syiah yang berbangsa Kurdi.

<sup>46</sup> al-Badr al-Toli'

penguasa Iraq, 'Abd. Allah Basha penguasa Damsyik serta Syarif Basha penguasa Jeddah bersedia melancarkan serangan.

Persiapan ketenteraan dilakukan di Iraq yang terdiri kalangan bangsa Arab serta Kurdi. Namun persiapan ketenteraan tidak dapat dilaksanakan pada waktunya. Sehubungan ini Saud mengambil peluang menyerang Basrah sehingga Ali Basha terpaksa berkubu di al-Hilah. Tentera Najd seterusnya mara ke al-Zubir dan berjaya meruntuhkan kubah serta makam. Setelah selesai melaksanakan tugas mereka kembali ke Najd. Saud memperolehi banyak harta rampasan sementara Ali Basha sibuk mematahkan revolusi yang dilakukan puak Kurdi ke atasnya.<sup>47</sup>

### **Memasuki Mekah Kali Kedua**

Ketenangan dirasai Saud melihat apa yang berlaku di Oman serta bandar persisiran pantai yang mengiktiraf kepimpinannya. Setelah selesai urusan Iraq beliau berfikir untuk menguasai Hijaz semula.<sup>48</sup> Sehubungan ini Uthman al-Mudoifi berjaya menawan Taif tanpa sebarang penentangan. Tentera Najd seterusnya memasuki Madinah dalam keadaan aman pada 1220H / 1805M. Kubah serta makam yang wujud di kota suci ini berjaya diruntuhkan.<sup>49</sup> Dalam tempoh ini, tentera Najd yang berjaya menguasai bandar berdekatan bersiap sedia menuju ke Mekah.

Musim haji semakin hampir. Rombongan berkuda Syam yang dalam perjalanan menunaikan haji terpaksa menunda perjalanan disebabkan sekatan serta kekacauan yang berlaku di Mekah. Keadaan ini memaksa Ghalib memohon keamanan serta berjanji untuk mentaati Saud.<sup>50</sup> Dengan itu rombongan Syam diizinkan menunaikan haji. Sehubungan ini Ghalib menghantar hadiah kepada Saud dengan menyatakan ketaatan menerusi perjanjian damai yang dilaksanakan antara wakilnya 'Abd. al-Wahhab Abi Nuqtah dengan 'Uthman al-Mudoifi. Unwan al-Majd mengulas:

Suasana di Mekah serta jalan perhubungan kembali aman. Masyarakat berpusu-pusu ke Mekah dari seluruh wilayah sementara harga barangan kembali stabil.<sup>51</sup>

Kenyataan ini diperkukuhkan menerusi penyaksian sejarawan Eropah seperti Hart dan Bridges. Namun mereka menyatakan gambaran serta tempat yang berbeza seperti berikut:

Kota Madinah berjaya ditawan pada 1804M. Sebelum peristiwa ini terdapat seorang lelaki bernama Hassan Qal'ie yang menguasai Madinah. Beliau mengambil keseluruhan khazanah yang

---

<sup>47</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.130, Philip, hlm.86-87

<sup>48</sup> Zulkaedah 1219H/Februari 1805M

<sup>49</sup> Sebahagian sejarawan seperti pengarang Hadhar al-'Alam al-Islami serta Hughes dalam Qamus al-Islamnya, hlm.660 mendakwa golongan Wahabi meruntuhkan kubah yang dibina di atas kubur Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Namun ini merupakan kenyataan yang tidak benar. [Akan dibincangkan secara lengkap dalam bab akan datang].

<sup>50</sup> Akhir 1220H/Februari 1806H

<sup>51</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.132-134. Musim kemarau melanda seluruh wilayah semenanjung tanah Arab dari Zulhijjah 1219H hingga Zulkaedah 1220H (Khulasah al-Kalam, hlm.285). Ia turut memberi kesan kepada wilayah Najd serta Yaman. Namun keadaan paling teruk berlaku di kota Mekah kerana penduduknya selain menghadapi kemarau turut berhadapan dengan suasana perang serta sekatan sehingga hampir binasa. Philip mendakwa penderitaan penduduk Mekah berlaku setelah Mekah di tawan. Namun kenyataannya ini tidak benar kerana Dahlan yang diketahui umum sangat memusuhi golongan Wahabi sendiri tidak menyebutkan hal ini di dalam penulisannya. Sila rujuk Khulasah al-Kalam, hlm.292

wujud di bilik Nabi (al-hujrah al-syarifah) serta dibahagikan kepada pengikutnya. Setelah berlalu beberapa masa penawanan kota ini, Saud turut memasuki bilik Nabi serta mengambil sisa khazanah yang ada di dalamnya.<sup>52</sup>

### **Haji Ketiga Saud**

Setelah berjaya menguasai Mekah Saud berpeluang menunaikan haji serta menziarahi Baitullah kali ketiga pada 21 Zulkaedah 1221H/1807M. Apabila tiba di Mekah beliau memberikan hadiah serta pemberian yang banyak kepada penduduknya. Apabila selesai menunaikan haji beliau menuju ke Madinah pada akhir Zulhijjah dan setelah menetapkan urusan pentadbiran Saud kembali ke al-Dar'iyah. Ahmad Zaini Dahlan menyebut bahawa Saud mengeluarkan emas serta permata yang terdapat di bilik Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam.<sup>53</sup> Ibn Bisyr tidak menyatakan perkara ini. Dalam konteks ini kenyataan Dahlan tidak dapat disahkan disebabkan tiada bukti serta ia tidak dikemukakan Ibn Bisyr. Sekiranya Saud mengambil khazanah yang terdapat di bilik Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam serta membahagikan kepada tenteranya sudah pasti Ibn Bisyr menyatakannya. Ini sebagaimana ulasan beliau terhadap apa yang Saud lakukan di Karbala. Al-Jabarti, sejarawan terkenal Mesir turut mengulas peristiwa ini dengan mengatakan 'Abd. Allah bin Saud mengambil khazanah dari bilik Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam namun al-Jabarti kemudian membatalkan kenyataannya.<sup>54</sup>

Penting dinyatakan di sini bahawa rombongan berkuda Syam terpaksa berpatah balik kerana tidak mematuhi syarat yang ditetapkan. Syarat yang dimaksudkan ialah tidak membawa sebarang peralatan muzik serta para penyanyi.<sup>55</sup> Sehubungan ini Saud turut mengarahkan tentera Turki meninggalkan Mekah kerana tidak mematuhi syarat yang ditetapkan.<sup>56</sup>

### **Pembaikan (Al-Islah) Lain**

Saud menunaikan haji ketiga pada 1221H. Beliau berterusan mengerjakan haji selepas itu iaitu pada 1222-1227H. Urusan hajinya sentiasa sibuk dengan menyeru manusia kepada jalan Allah serta melaksanakan pembaikan kepada masyarakat. Ibn Bisyr mengulas:

Ketika berada di Mekah Saud sentiasa menyeru kepada kebaikan serta mencegah kemungkaran. Sehubungan ini peralatan tembakau tidak dibenarkan dijual di pasar. Beliau melantik petugas yang berperanan menyeru kepada penunaian solat ketika masuk waktu dengan ucapan: Solat! Solat!<sup>57</sup>

Ibn Bisyr berpeluang menziarahi Mekah serta menunaikan haji pada 1225H. Beliau menyatakan apa yang dilihatnya:

---

<sup>52</sup> Brockhardt, Jil. 2, hlm.198-199, Bridges, hlm.33-34

<sup>53</sup> Khulasoh al-Kalam, hlm.214

<sup>54</sup> 'Ajaib al-Athar, Jil. 4, hlm.299

<sup>55</sup> Khulasoh al-Kalam, hlm.294

<sup>56</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.138

<sup>57</sup> 1222H/1809M, 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.141

Saud dengan khusyuk memakai pakaian ihram. Ketika itu kami sedang berkumpul untuk menunaikan solat zohor. Beliau menyampaikan khutbah, memberi nasihat, mengajar masyarakat tatacara mengerjakan haji, menyatakan kepentingan kalimah tauhid serta memupuk perpaduan tanpa mengira darjat atau keturunan.

Saud menyeru sambil duduk di atas untanya. Beliau tidak membenarkan senjata dihunus di kota Mekah, melarang wanita memakai perhiasan serta mengancam sesiapa yang melakukan demikian. Beliau melantik petugas untuk menyeru kepada penunaian solat pada waktunya sehingga jarang dilihat golongan yang tidak hadir menunaikan solat. Di pasar tidak lagi terdapat sesiapa yang menghisap tembakau atau benda mengkhayalkan lainnya.<sup>58</sup>

Ketika menunaikan haji tahun berikutnya Ibn Bisyr berkata:

Mekah bebas daripada kemungkaran seperti menghisap tembakau, meninggalkan solat serta bersumpah selain nama Allah...hingga akhir.

Al-Jabarti banyak menyatakan pembaikan yang dilakukan Saud. Ketika mengulas perjanjian damai antara Ghalib dengan Saud pada bulan Muharram 1221H, beliau berkata:

Saud melarang perbuatan mungkar seperti meminum arak serta menghisap tembakau. Beliau menyeru kepada melazimi melakukan solat secara berjemaah, pengeluaran zakat, meninggalkan pemakaian sutera serta perhiasan mewah. Beliau membatalkan cukai yang membebaskan serta menghapuskan bayaran pengurusan jenazah sehingga taraf hidup rakyat bertambah baik.

Saud mengarahkan masyarakat supaya mematuhi perintah Allah sebagaimana termaktub dalam al-Qur'an, mengikhlaskan tauhid kepada-Nya, mengikuti sunnah Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam, khulafa al-Rasyidin, para sahabat, tabi'in serta imam empat madzhab dan meninggalkan pergantungan kepada selain Allah di kalangan makhluk-Nya. Mereka diperintahkan supaya meninggalkan syirik yang menyalahi Tauhid Uluhiyyah serta keseluruhan perlakuan bid'ah.

Dalam konteks ini Saud mengadakan dialog dengan para ulama' sambil mengemukakan hujah yang qat'ie berlandaskan al-Qur'an serta al-Sunnah sehingga mereka bersetuju dengan tindakannya. Kesan dari usaha pembaikan ini terserlah keamanan dan kemakmuran sehingga di jalan perhubungan yang menghubungkan Mekah, Jeddah serta Taif.<sup>59</sup>

### **Penaklukan Serta Peperangan Lain**

Pergerakan tentera Saud tidak dihentikan setelah Hijaz berjaya dikuasai. Pada 1223H/1808M Saud melancarkan serangan terhadap Najaf di Iraq namun gagal menguasainya.<sup>60</sup> Sebaliknya dalam perjalanan pulang ke al-Dar'iyah pasukannya diserang musuh di al-Samawah serta al-Zubir. Pada Rabiulakhir 1225H/1810M, Saud dan tenteranya menuju ke Syam. Setelah mencapai

---

<sup>58</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.151

<sup>59</sup> 'Ajaib al-Athar, Jil. 4, hlm.5, 6, Jil. 6, hlm.278-279 cetakan Lujnah al-Bayan al-'Arabi

<sup>60</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.135

kejayaan dalam beberapa siri pertempuran, belau pulang dengan membawa sejumlah besar harta rampasan. Ibn Bisyr mengulas:

Pertempuran di Syam berjaya menimbulkan ketakutan besar di kalangan penduduk Damsyik serta kawasan sekitarnya.<sup>61</sup>

Peperangan turut berlaku di Basrah serta wilayah berhampiran namun tidak membawa keputusan sepertimana yang diharapkan.

### **Ras Al-Khimah**

Selain peperangan di atas, berlaku pertempuran antara tentera Najd dengan Syarikat Hindia Timur (East Indies Company)<sup>62</sup>. Hakikatnya kerajaan Inggeris di India merasa bimbang terhadap kegiatan penduduk teluk di kalangan puak Jawazim. Golongan ini berterusan melancarkan serangan terhadap kapal yang melalui perairan teluk sehingga mendatangkan kerugian besar. Kerajaan Inggeris berusaha mengatasi perkara ini sejak permulaan kurun ke 19. Namun sejak beberapa tahun kebelakangan, Saud menguasai perairan teluk dan berjaya meletakkan puak Jawazim di bawah kekuasaannya. Sehubungan ini kerajaan Bombay menyerang Ras al-Khimah dengan kapal perangnya sehingga bandar tersebut musnah terbakar dan penduduknya terpaksa melarikan diri.

Kemusnahan bandar ini tidak memberi kesan kepada pergerakan tentera Najd. Aktiviti ketenteraan masih dikekalkan di wilayah pendalaman Oman. Namun sebagaimana kenyataan Zwemmer:

Serangan Britain merupakan malapetaka besar pertama yang dihadapi Najd sebelum ketibaan tentera Mesir. Angkatan perang dihantar dari Bombay pada 1809M bertujuan secara khusus menghancurkan pusat kegiatan golongan Wahabi di Ras al-Khimah serta penduduk tempatan. Bedilan meriam kapal bertalu-talu sehingga bandar tersebut terbakar menjadi abu.<sup>63</sup>

Bridges memetik kenyataan Kolonel Smith<sup>64</sup> yang menganggap kejatuhan Ras al-Khimah sebagai kekalahan moral pertama kepada golongan Wahabi.

### **Peperangan Dengan Mesir**

Secara realiti kekuatan Najd terbentang luas ke timur bandar Halib<sup>65</sup> hingga sempadan Hindi di selatan, dari perairan teluk di timur sehingga kawasan laut mati di sebelah barat. Keluasan pengaruh menyebabkan serangan ke atas Ras al-Khimah tidak mendatangkan kesan kepada

---

<sup>61</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.148-149

<sup>62</sup> Syarikat Hindia Timur (East Indies Company) diasaskan dengan objektif perniagaan. Namun ia kemudian bermatlamatkan penjajahan sehingga berjaya menguasai negara India pada 1857M. Ia mentadbir negara tersebut sehingga India mencapai kemerdekaan pada 1947M (penterjemah).

<sup>63</sup> Arabia, the Cradle of Islam

<sup>64</sup> Bridges, hlm.35, 44 dan Brockhardt, hlm.208

<sup>65</sup> Hakikatnya pengaruh kerajaan Wahabi tidak meliputi bandar Halib tetapi di selatan Syam sahaja (penterjemah).



mereka. Sebaliknya kekuatan ini mendatangkan kebimbangan kepada kerajaan Turki. Ini disebabkan penguasa Baghdad, Damsyik serta Jeddah gagal dalam usaha menghalang kemaraan golongan Wahabi.

Sehubungan ini kerajaan Turki melantik Mohammad Ali al-Khidwi al-Misri, penguasa Mesir supaya menyekat kekuatan Najd.<sup>66</sup> Dikatakan kerajaan Turki tidak melantik penguasa Mesir pada 1840M melainkan dengan syarat ini. Ungkapan kiasan yang disampaikan kepada penguasa Mesir yang dilantik: “Bunuhlah si ular! Namun jangan patahkan tongkatmu.”

Namun kekuatan Muhammad Ali meningkat dari masa ke semasa sehingga turut membimbangkan kerajaan Turki. Peluang diambil dengan membiarkan perselisihan berlaku antara keluarga Saud dengan penguasa Mesir. Peperangan pertama Mesir berlaku pada akhir 1226H/1811M. Tusun bin Muhammad Ali (m.1231H/1816M) menuju ke pantai barat dengan kekuatan 10,000 tentera. Beliau berjaya menawan Yanbu' tanpa sebarang penentangan.<sup>67</sup> Tusun meneruskan perjalanan ke Madinah namun apabila tiba di sebuah jalan berhampiran selat yang sempit beliau bertembung dengan tentera Najd yang dipimpin 'Abd. Allah dan Faisal, anak kepada Saud. Tusun mengalami kekalahan sehingga sekitar 1200 tenteranya terbunuh.<sup>68</sup> Beliau terpaksa berundur ke Yanbu'.

### **Tusun Dan Peperangan**

Tusun bin Muhammad Ali menetap seketika di Yanbu' sebelum mara ke Madinah sehingga berjaya menguasainya. Ini dilakukan setelah kota suci ini mengalami sekatan selama sebulan.<sup>69</sup> Beliau kemudian dengan segera menuju ke Jeddah sehingga 'Abd. Allah bin Saud yang mengetuai tentera Najd terpaksa meninggalkan Mekah. Akhirnya tentera Mesir berjaya menawan Mekah tanpa sebarang penentangan. Setelah beberapa hari, mereka berjaya menawan Taif. Ahmad Zaini Dahlan mengulas:

Wajah kegembiraan terpancar di setiap daerah Mesir. Sambutan diadakan selama 15 hari bersempena kemenangan ini. Namun berlaku sesuatu yang tidak diduga di mana terjadi pertempuran 'Anifah berdekatan tanah perkuburan Turbah sehingga Mesir menerima kekalahan.<sup>70</sup>

Uthman al-Mudoifi panglima tentera Saud semakin berani setelah berlakunya peperangan Turbah. Beliau mara ke Taif buat kali kedua namun pasukannya mengalami kekalahan dan beliau sendiri ditangkap dalam keadaan mengalami kecederaan. Majoriti tenteranya terbunuh.<sup>71</sup> Ghalib menghantar beliau kepada Muhammad Ali di Mesir namun tidak dapat menemuinya disebabkan beliau dalam perjalanan ke Hijaz. 'Uthman diarak mengelilingi

---

<sup>66</sup> Muhammad Ali Basha merupakan nenek-moyang kepada raja-raja Mesir moden (iaitu ketika penulisan ini dihasilkan –penterjemah). Beliau berasal dari Albania namun sebagaimana kenyataan anaknya Ibrahim: bahasa serta ketamadunan Arab menyebabkan kami menjadi Arab. Muhammad Ali lahir pada 1768M, meninggal dunia pada 1849M.

<sup>67</sup> 1226H/1811M

<sup>68</sup> Brockhardt, hlm.232

<sup>69</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.158, Philip, hlm.94

<sup>70</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.160

<sup>71</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.162, Philip, hlm.96, Dahlan, hlm.296, Ibn Bisyr, hlm.162 dan Bridges, hlm.61

bandar Kaherah kemudian dihantar ke Istanbul di mana maut menantinya.<sup>72</sup> Ahmad Zaini Dahlan dalam kritikan secara terang<sup>73</sup> terhadap Uthman tetap berasa kasihan ke atas nasibnya dengan berkata:

Ketika Uthman al-Mudoifi berada di Mesir sebilangan pegawai kerajaan Muhammad Ali Basha menemuinya serta menyoal siasat sekitar sejam. Mereka mendapati dia dengan lancar serta sebaik-baik ungkapan menjawab pertanyaan yang dikemukakan sehingga mereka berkata sesama sendiri: “Betapa malang si Uthman ini apabila dia pergi ke istana mereka pasti membunuhnya.”<sup>74</sup>[74]

Muhammad Ali merasa bimbang terhadap keadaan peperangan sehingga secara bersendirian menuju ke Hijaz serta tiba di Jeddah pada akhir Syawal.<sup>75</sup> Beliau melucutkan jawatan Ghalib sebagai penguasa Mekah serta menahan kemudian menghantarnya ke Mesir sebagai tahanan. Ghalib kemudian dipindahkan ke Salonika dan akhirnya meninggal dunia setelah 2 tahun berlalu.<sup>76</sup> Muhammad Ali melantik Yahya bin Suror anak saudara Ghalib sebagai penguasa baru Mekah. Namun pemerintahannya hanya pada nama sahaja. Kekuasaan sebenar terletak di tangan Ahmad Basha, gabenor baru Hijaz. Dalam konteks ini Hijaz membebaskan dirinya dari penguasaan golongan Wahabi lantas menjadi sebahagian dari wilayah Mesir.<sup>77</sup> Muhammad Ali menganggap segala usaha yang dilakukan Ghalib di Mekah sia-sia sahaja. Al-Rihlah al-Hijaziyah berkata:

Ghalib dengan kedudukannya sebagai penguasa Mekah meneruskan aktiviti golongan Wahabi. Dia mengarahkan agar sisa-sia kubah golongan salihin di Mekah, Jeddah serta selainnya diruntuhkan.<sup>78</sup>

Hakikatnya Ghalib bertindak sedemikian kerana takut Saud akan melucutkan jawatannya sebagai penguasa Mekah. Namun Saud seorang pemimpin yang berperibadi mulia. Beliau membiarkan Ghalib mengekalkan jawatan. Sebaliknya Muhammad Ali merupakan individu yang mementingkan kebendaan. Tindakan pertama yang dilakukan setelah berjaya menguatkan kedudukan ialah menghukum Ghalib. Sekiranya pembaca ingin mengetahui secara lengkap konspirasi Muhammad Ali sehingga membawa kepada penangkapan Ghalib sila rujuk kepada kitab Khulasoh al-Kalam.<sup>79</sup> Bridges turut menyebutkan kisah penahanan Ghalib.<sup>80</sup> Ia menyamai kenyataan yang terdapat dalam Khulasoh al-Kalam. Burckhardt beberapa kali menyingkapkan sikap buruk serta tipudaya Muhammad Ali dalam penulisannya. Sebaliknya beliau menyatakan

---

<sup>72</sup> Akhir 1228H/Disember 1813M

<sup>73</sup> Khulasoh al-Kalam, hlm.271-272

<sup>74</sup> Khulasoh al-Kalam, hlm.296

<sup>75</sup> 14 Syawal 1228H/Ogos 1813M.Khulasoh al-Kalam, hlm.296.

<sup>76</sup> Akhir ramadan 1231H/Julai 1816M, 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.185, Brockhardt, hlm.262

<sup>77</sup> Hijaz menjadi sebahagian wilayah Mesir dalam tempoh singkat. Hubungan antara Mesir dengan kerajaan Turki Uthmaniyyah menjadi tegang dalam tempoh Hijaz di bawah penguasaan Mesir sehingga berlaku peperangan Damiyah yang menyebabkan Muhammad Ali menguasai Syam. Namun apabila Sultan 'Abd. al-Hamid menjadi khalifah pada 1255H Hijaz diletakkan semula di bawah penguasaan kerajaan Uthmaniyyah. Khulasoh al-Kalam, hlm.308

<sup>78</sup> hlm.89

<sup>79</sup> Muhammad Ali menjemput Ghalib supaya menghadiri jamuan yang diadakannya. Dalam majlis tersebut pengawal keselamatan siap menunggu dan apabila mereka mendapati Ghalib datang tanpa persiapan senjata serta tidak dekelilingi pengiring beliau ditangkap serta ditahan.

<sup>80</sup> hlm.68-69

pujian terhadap Ghalib. Beliau berada di Mesir ketika Ghalib tiba sebagai seorang tahanan serta menyatakan pandangan ini setelah menemuinya.<sup>81</sup>

Namun pengaruh Muhammad Ali serta pemerintah Mesir lainnya tidak kekal lama. Walaupun Hijaz, 'Asir serta Yaman berada di bawah kekuasaannya, tentera Najd berjaya melebarkan pengaruh di wilayah pendalaman. Mesir menghantar Mustafa Bek untuk memerangi golongan Wahabi namun beliau berjaya dikalahkan.<sup>82</sup> Apa yang menarik tentera Najd dipimpin seorang wanita bernama "Ghaliyah". Burckhardt menyifatkan wanita ini sebagai serikandi yang memiliki sifat keberanian.<sup>83</sup>

Pada bulan Muharram 1229H/1814M, bantuan ketenteraan Mesir tiba menerusi jalan laut. Berlaku pertempuran antara mereka dengan tentera Najd berhampiran tanah perkuburan al-Qanzafah. Namun Mesir tetap menerima kekalahan.<sup>84</sup>

### **Saud Meninggal Dunia**

Apabila kemenangan hampir berpihak kepada tentera Najd, 'al-Amir Saud bin 'Abd. al-'Aziz bin Muhammad bin Saud meninggal dunia pada malam Isnin 11 Jamadilawal 1229H/1814M. Kesannya menyebabkan kedudukan Muhammad Ali bertambah kuat sehingga harapan penduduk Najd untuk melebarkan pengaruh kekuasaan berkecai.

### **Kehidupan Sehari-hari Saud**

Saud memiliki keperibadian yang jarang dapat ditandingi individu pada zamannya. Beliau mendapat pendidikan dari al-Syeikh al-Imam secara berterusan sehingga dirinya merupakan contoh dalam lapangan ilmu serta pengamalan. Kepakarannya dalam bidang ilmu fekah, hadith serta pidato.

Menjadi kebiasaan kepada Saud ketika suasana peperangan setelah menunaikan solat Maghrib beliau akan berdiri sambil menasihati tenteranya supaya bersikap sabar serta mentaati perintah. Beliau sentiasa mengungkapkan teladan dari sirah Nabi sallallahu 'alayhi wa sallam serta para sahabat. Sehubungan ini tentera Najd dikenali dengan sifat keberanian serta disiplin yang tinggi. Mereka sentiasa berhati-hati ketika peperangan supaya senjata tidak digunakan terhadap kanak-kanak, kaum wanita serta golongan tua. Tidak dinafikan mereka menginginkan harta rampasan perang namun ia dibahagikan kepada golongan berhak berdasarkan tatacara hukum syariat.

Ketika suasana damai, penduduk al-Dar'iyah akan berhimpun di hadapan istana setiap hari selesai menunaikan solat subuh. Saud serta keluarganya akan keluar serta duduk bersama

---

<sup>81</sup> hlm.209, 262

<sup>82</sup> Akhir Zulhijjah 1228H/Disember 1813M, 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.163-164

<sup>83</sup> hlm.364, 369, Philip, hlm.96, Dahlan, hlm.300

<sup>84</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.194

mereka. Dalam perhimpunan ini seorang ulama' di kalangan keluarga al-Syeikh al-Imam akan menyampaikan kuliah agama. Kebiasaannya 'Abd. Allah bin al-Syeikh al-Islam yang ditugaskan melaksanakan perkara ini. Perbincangan berlegar sekitar Tafsir Ibn Jarir atau Ibn Kathir. Setelah selesai pengajian Saud akan memasuki istana sambil menunggu sehingga tengahari sekiranya ada di kalangan rakyat yang ingin menemuinya untuk mengadu atau memohon sesuatu.

Selepas solat zohor, pengajian ilmu diadakan di dalam istana. Keluarga al-Syeikh al-Imam tidak menghadiri majlis ini kerana sibuk mengendalikan pengajian ilmu di tempat lain. Di istana, Saud sendiri yang menyampaikan ilmu kepada pendengar. Pengajian meliputi pembacaan Tafsir Ibn Kathir atau Riyad al-Solihin. Saud akan menghuraikan isi kandungannya. Setelah selesai pengajian beliau menemui rakyat dalam tempoh 2 jam sehingga hampir waktu asar. Setelah selesai menunaikan solat Asar suatu perhimpunan umum diadakan dalam istana. Sulaiman bin 'Abd. Allah bin al-Syeikh al-Islam (mati dibunuh 1233H) akan menyampaikan kuliah Sahih al-Bukhari. Ibn Bisyr penulis Unwan al-Majd berpeluang menghadiri majlis ini. Beliau memuji al-Syeikh Sulaiman di atas keluasan ilmu yang ada pada dirinya.

Ini merupakan perjalanan hidup al-Amir Saud bin 'Abd. al-'Aziz secara ringkas. Bagi mengetahui secara mendalam, pembaca boleh merujuk kenyataan Unwan al-Majd,<sup>85</sup> Bridges<sup>86</sup> dan Burckhardt. Dalam konteks ini Burckhardt mengulas:

Buat pertama kali suasana kestabilan dan keamanan tercapai selepas era Nabi Muhammad. Golongan Badwi berpeluang melupakan mata dengan lena di malam hari tanpa berasa susah hati kehilangan harta serta binatang ternakan.<sup>87</sup>

#### **Pemerintah Keempat: 'Abd. Allah Bin Saud Bin 'Abd. Al-'Aziz (1229H/1814M-1233H/1818M)**

'Abd. Allah memiliki sifat keberanian serta ketangkasan seperti Saud. Namun beliau belum mencapai tahap membuat keputusan serta kepimpinan seperti ayahnya. Apabila mendapati dirinya dalam bahaya, beliau memilih untuk berbaik-baik dengan musuh. Sebaliknya pihak musuh yang sememangnya bersumpah ke atas diri mereka untuk menghancurkan Najd mengambil sikap sambil lewa untuk berdamai. Sekiranya perdamaian dilakukan mereka akan mengkhianati perjanjian.

Merujuk suasana peperangan yang berlaku, tentera Najd berjaya menguasai al-Qanzafah yang terletak di laut merah dari tangan Mesir. Namun Muhammad Ali menghantar pasukan tentera yang diketuai 'Abidin Bek menuju ke Zahran untuk menguasai semula al-Qanzafah. Walaubagaimanapun tentera Najd berjaya merampasnya kembali.<sup>88</sup>

Mesir mengalami nasib malang apabila mengalami kekalahan dalam peperangan Zahran. Faisal bin Saud berjuang bermati-matian menghadapi musuh berdekatan tanah perkuburan Taif.

---

<sup>85</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.165-176

<sup>86</sup> hlm.80

<sup>87</sup> hlm.170

<sup>88</sup> JamadilAwal 1229H/March 1814M

Setelah mencapai kejayaan beliau berhasrat menyerang Taif. Di sudut lain, Tusun bin Muhammad Ali menghadapi kesukaran. Namun Muhammad Ali tiba dengan segera menyalurkan bantuan sehingga Faisal terpaksa berundur. Berlaku peperangan hebat di Basl berhampiran Taif dengan kemenangan berada di pihak Mesir. Brockhardt mengulas:

Pertempuran menyebabkan lebih 5000 tentera Wahabi terbunuh. Di mana nilai setiap kepala sekitar 6 dolar. Mayat tentera dilonggokkan di hadapan Muhammad Ali. Tentera Wahabi melakukan kesilapan strategi apabila bertempur di tempat terbuka. Mereka tidak mematuhi pesanan Saud supaya tidak bertembung dengan tentera Mesir atau Turki di tempat terbuka.<sup>89</sup>

Muhammad Ali melakukan kekejaman setelah tamat peperangan. Brockhardt menyaksikan sendiri tindakan beliau membiarkan sahaja tentera Wahabi yang terbunuh untuk menjadi santapan anjing liar.<sup>90</sup>

Muhammad Ali seterusnya mara sehingga berjaya menawan Turbah.<sup>91</sup> Beliau tiba di 'Asir dan berjaya menawan beberapa puak berdekatan kemudian pulang ke Mekah melalui al-Qanzafah. Beliau terpaksa kembali ke Mesir atas sesuatu sebab yang tidak dijangka.<sup>92</sup> Anaknya Tusun bersiap sedia di Madinah untuk melancarkan serangan ke atas Najd. Dalam perjalanan menuju ke destinasi beberapa bandar terkenal di daerah al-Qasim seperti al-Ras berjaya ditawan. Namun sebahagian penduduk Najd berjaya menyekat jalan perhubungan di Madinah sehingga Tusun tidak menerima berita mengenai ayahnya yang berangkat ke Mesir. 'Abd. Allah bin Saud mengadakan sekatan selama sebulan sehingga tentera Mesir terpaksa mengadakan rundingan damai. Berikut merupakan butiran perjanjian damai sebagaimana dinyatakan Ibn Bisyr serta sejarawan lainnya.

### **Perjanjian Damai Serta Pengkhianatan**

Ibn Bisyr mengulas:

Perjanjian damai diadakan antara Tusun dengan 'Abd. Allah. Ia berkait peperangan antara kedua pihak, serangan terhadap Najd dihentikan, keselamatan jalan perhubungan kedua pihak yang melibatkan Turki, Syam, Mesir serta keseluruhan wilayah berdekatan hingga ke Najd. Selain itu urusan haji hendaklah dipastikan dalam keadaan selamat. 'Abd. Allah mengutuskan delegasi yang diketuai penguasa al-Dar'iyyah 'Abd. Allah bin Muhammad bin Bunyan dan al-Qadi 'Abd. al-'Aziz bin Muhammad bin Ibrahim ke Mesir dengan membawa surat perjanjian untuk diserahkan kepada Muhammad Ali penguasa Mesir. Delegasi ini tiba dan kembali dengan selamat.<sup>93</sup>

Secara realiti, 'Abd. Allah bin Saud berada di pihak yang kuat ketika itu. Beliau menerima bantuan dari keseluruhan bandar bahagian selatan. Sekiranya dilihat kepada kepentingan

---

<sup>89</sup> Brockhardt, hlm.317-318

<sup>90</sup> hlm.323, Bridges, hlm.92

<sup>91</sup> 3 Safar 1230H/15 Januari 1815M. Ini merupakan kenyataan Mordtmann sementara Ibn Bisyr tidak menetapkan tarikh. al-Jabarti Jil. 4, hlm.218 menyatakan berita kemenangan di Turbah sampai ke Mesir pada 9 Rabiulawal 1230H. Brockhardt menyatakan Muhammad Ali keluar dari Mekah pada 26 Muharram 1230H/7 Januari 1815M

<sup>92</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.181

<sup>93</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.183

kedudukan, dengan mudah pengaruh Mesir di Semenanjung Tanah Arab dapat disekat. Namun beliau tidak mengambil peluang ini dengan menerima perjanjian damai. Sehubungan ini Tusun kembali ke Madinah dengan selamat.<sup>94</sup> Menurut Ibn Bisyr, Philip serta selainnya, perjanjian damai terlaksana dengan sempurna antara Tusun dengan 'Abd. Allah. Ini berdasarkan kenyataan Ibn Bisyr bahawa delegasi 'Abd. Allah kembali dari Mesir dengan kejayaan.<sup>95</sup>

Namun Philip menambah dengan mengatakan Muhammad Ali tidak berpuashati dengan perjanjian damai serta menuntut 'Abd. Allah bin Saud supaya datang segera ke Istanbul. Sekiranya beliau menolak serangan akan dilakukan terhadap al-Dar'iyah. Sudah semestinya 'Abd. Allah menolak tuntutan untuk pergi bersendirian ke ibukota kerajaan Turki. Sebaliknya beliau mempertingkatkan penyusunan kabilah yang menyokongnya serta memperkuat pertahanan ibu negerinya (al-Dar'iyah).<sup>96</sup>

### **Delegasi 'Abd. Allah Di Mesir**

Berdasarkan kenyataan al-Jabarti serta sejarawan lainnya selain Ibn Bisyr dan Philip, ternyata perjanjian damai bergantung kepada persetujuan Muhammad Ali. Oleh itu setelah perjanjian damai ditandatangani, 'Abd. Allah mengutuskan perwakilan kepada Muhammad Ali di Mesir pada 1230H/1815M.<sup>97</sup> al-Jabarti mengulas:

Muhammad Ali tidak berpuashati dengan perjanjian damai. Beliau tidak menyambut baik kedatangan perwakilan dari Najd. Ketika kedua perwakilan menemuinya beliau menyampaikan ucapan mempertikaikan syarat-syarat perjanjian serta memohon diri untuk beredar.<sup>98</sup>

Al-Jabarti serta Brockhardt mensifatkan 'Abd. Allah bin Muhammad bin Bunyan dan al-Qadi 'Abd. al-'Aziz bin Muhammad bin Ibrahim sebagai individu berilmu serta berakhlak mulia. Menurut Brockhardt para ulama' Mesir merasa gembira serta berpuashati mendengar penjelasan setelah mengadakan pertemuan dengan kedua perwakilan Najd ini.<sup>99</sup> al-Jabarti yang berpeluang mengadakan pertemuan dengan 'Abd. Allah bin Muhammad bin Bunyan dan al-Qadi 'Abd. al-'Aziz bin Muhammad bin Ibrahim mengulas:

Perwakilan Najd menziarahi Universiti al-Azhar ketika pelajarannya bersiap sedia memulakan pembelajaran. Mereka ditanya mengenai ulama' yang pakar dalam madzhab Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah. Para pelajar menjawab di Mesir tidak ada lagi individu yang pakar tentang madzhab tersebut. 'Abd. Allah bin Muhammad bin Bunyan dan al-Qadi 'Abd. al-'Aziz bin Muhammad bin Ibrahim seterusnya membeli beberapa kitab tafsir serta hadith seperti al-Khazin, al-Kasyaf, al-Baghawi serta keseluruhan Kutub al-Sittah. Daku berpeluang menemui

---

<sup>94</sup> Brockhardt, hlm.347. Peristiwa ini berlaku pada akhir Julai 1815M

<sup>95</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.183

<sup>96</sup> hlm.97

<sup>97</sup> al-Jabarti, Jil. 4, hlm.229

<sup>98</sup> al-Jabarti, Jil. 4, hlm.229

<sup>99</sup> hlm.113

keduanya sebanyak dua kali. Daku dapati keduanya sangat peramah, baik dalam percakapan serta mahir dalam ilmu syariat terutama permasalahan fekah serta perbezaan empat madzhab.<sup>100</sup>

Penulis menyatakan pertemuan serta sikap Muhammad Ali terhadap kedua perwakilan Najd berdasarkan kenyataan sejarawan Mesir yang berpeluang menemui mereka. Hakikatnya Muhammad Ali menolak perjanjian damai disebabkan beberapa faktor. Para sejarawan berbeza pendapat dalam menentukan faktor tersebut.<sup>101</sup>

Ibn Bisyr menyebutkan 'Abd. Allah turut menghantar perwakilan kedua menemui Muhammad Ali pada tahun berikutnya. Ia diketuai Hassan bin Mazru' dan 'Abd. Allah bin 'Aun dengan disertakan hadiah serta sumbangan.<sup>102</sup> Jelas kepada kedua perwakilan bahawa mereka telah diperdayakan. Walaupun Muhammad Ali tetap tidak menerima perjanjian damai pada bila-bila masa sekalipun namun beliau tidak menyatakannya kepada perwakilan kedua Najd. Sehubungan ini Ibn Bisyr serta penduduk Najd lainnya mula menyedari secara realiti perjanjian damai tidak berjaya.<sup>103</sup>

Setelah meneliti perutusan yang dihantar 'Abd. Allah kepada Muhammad Ali, Brockhardt memuji 'Abd. Allah di atas keikhlasan niat serta kejernihan hatinya.<sup>104</sup> Sebaliknya beliau serta Bridges merasa sangsi terhadap Muhammad Ali kerana meletakkan tuntutan terhadap sumber pendapatan wilayah al-Ahsa' yang subur sebagai syarat kepada penerimaan perjanjian damai.

### **Ibrahim Basha**

Secara hakiki Muhammad Ali tidak merasa senang terhadap perjanjian damai yang dilakukan 'Abd. Allah bin Saud dengan anaknya Tusun. Dengan itu beliau memilih Ibrahim Basha<sup>105</sup> saudara kepada Tusun untuk menguruskan persoalan Najd. Sehubungan ini Ibrahim Basha beserta pasukan tentera yang besar dihantar ke Yanbu' pada 8 Zulkaedah 1231H/28 September 1816M. Tentera beliau berhenti selama sebulan di kawasan sumber air al-Hinakiyah serta berjaya mengumpulkan puak Matir, 'Utaibah serta Unzah di kalangan badwi berdekatan untuk digabungkan ke dalam pasukannya.<sup>106</sup> Namun Ibrahim Basha akhirnya menyedari puak Badwi ini cuba mengambil kesempatan dengan melakukan rompakan ke atas tenteranya.

Menyedari situasi yang berlaku, 'Abd. Allah bin Saud dengan segera mara sehingga berlaku pertempuran antara kedua pasukan ini. Namun tentera Najd tidak berupaya berhadapan dengan pertahanan tentera Mesir lantas terpaksa berundur ke bandar al-Ras di wilayah al-Qasim dengan dikejar Ibrahim Basha serta pasukannya. Tentera Mesir mengepung al-Ras selama 3 bulan sehingga penduduknya terpaksa meminta perdamaian. Dalam tempoh pengepungan ini berlaku pertempuran kecil secara berterusan yang mengorbankan sekitar 900 tentera Mesir manakala hanya 7 di kalangan penduduk al-Ras yang terkorban.

---

<sup>100</sup> al-Jabarti, Jil. 4, hlm.229

<sup>101</sup> Ibn Bisyr Jil 1, hlm.185, Mordtmane, hlm.97, Philip, hlm.97 dan al-Hadhar al-'Alam al-Islami, Jil. 4, hlm.166

<sup>102</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.185

<sup>103</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.183

<sup>104</sup> hlm.202

<sup>105</sup> Dikatakan bahawa Ibrahim Basha bukan anak sebenar Muhammad Ali tetapi anak tirinya sahaja. 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.185

<sup>106</sup> Akhir 1231H/November 1816M



Penawanan al-Ras membuka ruang seluas-luasnya kepada Ibrahim Basha untuk mara ke hadapan. Setelah melakukan serangan ke atas al-Ras beliau berjaya menawan bandar 'Unaizah, al-Khubara' serta Buraidah pada 1232H. Namun di al-Syuqra' tentera Najd menunjukkan sifat keberanian yang luarbiasa namun tidak berupaya menghadapi taktik tentera Mesir yang dibantu jurutera perancis Vaissiere<sup>107</sup> sehingga akhirnya penduduk al-Syaqra terpaksa menyerah diri.<sup>108</sup> Setelah kejatuhan al-Syaqra berlaku peperangan penentuan yang dikenali sebagai Hasimah berdekatan tanah perkuburan bandar Darma yang merupakan bandar kubu penduduk Najd setelah al-Dar'iyah.

Penduduk Darma berjuang dengan gagah berani serta menolak untuk menyerah diri sehingga tidak mungkin sebagaimana kenyataan Anne Blunt<sup>109</sup> bagi Ibrahim Basha mencapai kemenangan melainkan di atas darah serta timbunan mayat. Akhirnya tentera Mesir berjaya menguasai Darma pada 18 Rabi' al-Thani 1232H/24 Februari 1818M. Sementara itu 'Abd. Allah serta sebahagian tenteranya berlindung di kubu Darma. Akhirnya mereka terpaksa berundur dengan segera ke al-Dar'iyah bersama 3000 pengikutnya di kalangan kanak-kanak, kaum wanita dan selainnya.

### **Penguasaan Bandar Al-Dar'iyah**

Setelah berjaya menawan Darma, Ibrahim Basha meneruskan kemaraan sehingga tiba di pintu bandar al-Dar'iyah. Beliau mengepung bandar ini selama 6 bulan. Walaupun semasa pengepungan sebahagian besar tenteranya terbunuh namun bantuan tiba setiap hari dari Mesir. Sebaliknya penduduk al-Dar'iyah semakin berkurangan dari masa ke semasa. Mereka yang masih bertahan terpaksa menanggung penderitaan disebabkan kekurangan bekalan makanan serta persenjataan. Al-Amir 'Abd. Allah bin Saud dan seluruh keluarganya serta keluarga al-Syeikh al-Imam berjuang dengan penuh semangat serta keberanian namun akhirnya terpaksa memohon perdamaian.<sup>110</sup> Pada mulanya 'Abd. Allah bin Saud menolak untuk menyerah diri lalu berlindung di kubu keluarganya di Tarif yang terletak di dalam bandar al-Dar'iyah. Namun apabila merasakan tidak dapat bertahan dengan serangan bertubi-tubi beliau akhirnya menyerah diri kepada Ibrahim Basha.<sup>111</sup>

Dengan berlakunya peristiwa ini maka tamat pemerintahan kerajaan Saudi Pertama atau sebagaimana yang digelar Philip "Empayar Wahabi Pertama" yang diasaskan al-Syeikh al-Islam serta pengikutnya.

---

<sup>107</sup> Tentera Ibrahim Basha dilengkapi dengan pasukan perubatan Itali serta jurutera Perancis. Antara mereka ialah Socio, Todeshini, Gentili dan Scotts (Hogarth, hlm 101). Scotts merupakan doktor khas kepada Ibrahim Basha. Para pegawai Eropah ini membantu tentera Mesir menghadapi peperangan 'Asir dan Yaman (Hogarth, hlm.101). Brockhardt memuji keberanian seorang pegawai Inggeris yang menyertai tentera Tusun. Beliau akhirnya memeluk Islam serta dikenali sebagai Ibrahim Agha. 'Abd. Allah turut mengiktiraf keberanian pegawai Inggeris ini.

<sup>108</sup> Anne Blunt, Jil. 2. hlm.26

<sup>109</sup> Jil. 2, hlm.260

<sup>110</sup> Zulkaidah 1233H/8 Disember 1818M, 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.206. Menurut Mordtmann kejatuhan al-Dar'iyah pada 7 September 1818M

<sup>111</sup> 9 September 1818M, Mordtmann, hlm.103

### **Kesudahan Menanti 'Abd. Allah Bin Saud**

Setelah dua hari menyerah diri, Ibrahim Basha memerintahkan 'Abd. Allah bin Saud di bawa ke Mesir dengan ditemani 4 orang di kalangan pembantunya. Rombongan ini tiba pada Muharram 1234H/November 1818M dengan menerima ejekan serta cemuhan penduduknya. Setelah menemui Muhammad Ali pada 19 Muharram, 'Abd. Allah di hantar ke Istanbul di mana maut menantinya. Beliau serta pembantunya disalib pada 18 Safar 1234H/18 Disember 1818M di lapangan Hagia Sophia dalam keadaan kepalanya dipusing ke bawah.

Dengan kematian 'Abd. Allah bin Saud maka terhenti salasilah penguasa Najd yang mendapat pendidikan dari al-Syeikh al-Imam. 'Abd. al-'Aziz bin Muhammad bin Saud serta Saud bin 'Abd. al-'Aziz merupakan murid kepada al-Syeikh al-Imam secara langsung. 'Abd. Allah bin Saud tidak dianggap sebagai murid secara hakiki kerana masih kecil ketika al-Syeikh al-Islam meninggal dunia.

'Abd. Allah tidak berpeluang memerintah dalam suasana aman namun beliau sentiasa mengikuti langkah yang dilaksanakan ayah serta datuknya dalam lapangan ilmu, dakwah serta pentadbiran.

### **Kesudahan Lain**

Dalam tempoh 6 bulan, pertempuran berlaku berterusan di dalam mahupun luar al-Dar'iyah. Penulisan ini tidak mampu menyatakan secara lengkap keseluruhannya sebagaimana yang termaktub dalam penulisan Ibn Bisyr yang menyaksikan pertempuran tersebut.<sup>112</sup>

### **Senarai Nama Syuhada' Di Kalangan Keluarga Saud**

Bilangan yang terlibat ialah 21 orang, iaitu Faisal bin Saud, Ibrahim bin Saud, Fahd bin 'Abd. Allah bin 'Abd. al-'Aziz, Fahd bin Turki bin 'Abd. Allah bin Muhammad bin Saud, Muhammad bin Hassan bin Masyari bin Saud, Ibrahim bin Hassan bin Masyari, 'Abd. Allah bin Hassan bin Masyari, 'Abd. al-Rahman bin Hassan bin Masyari, Ibrahim bin 'Abd. Allah bin Farhan, 'Abd. Allah bin Ibrahim bin Hassan bin Masyari, 'Abd. Allah bin Nasir bin Masyari, Muhammad bin 'Abd. Allah bin Muhammad bin Saud, Saud bin 'Abd. Allah bin Muhammad bin Saud dan Muhammad bin Saud bin 'Abd. Allah bin Muhammad bin Saud.

### **Senarai Nama Syuhada' Di Kalangan Keluarga Al-Syeikh Al-Imam**

Sulaiman bin 'Abd. Allah bin al-Syeikh, Ali bin 'Abd. Allah bin al-Syeikh dan Muhammad bin 'Abd. al-Rahman bin Hassan bin al-Syeikh. Suatu yang menyedihkan perlakuan tentera Mesir terhadap jenazah al-Syeikh Sulaiman bin 'Abd. Allah yang dipotong serta dikoyakkan satu persatu.<sup>113</sup>

---

<sup>112</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.194-208

<sup>113</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.194-208

Selain keluarga Saud serta al-Syeikh al-Imam termasuk yang terkorban ialah ulama' serta pembesar Najd. Antaranya ialah Ali bin Muhammad bin Rasyid al-'Arini kadi daerah Kharaj, Salih bin Rasyid al-Harbi, 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. Allah bin Sulaim, Hamad bin Isa bin Sulaim dan Muhammad bin Ibrahim bin Sadhan.<sup>114</sup>

Selain yang terkorban, wujud kalangan ulama yang diperlakukan Ibrahim Basha seperti binatang buas. Sebagai contoh apa yang berlaku kepada al-Syeikh al-Qadi Ahmad bin Rasyid al-Hanbali. Beliau merupakan ulama' terkemuka Madinah yang menyertai pergerakan al-Syeikh al-Imam. Tuan syeikh ini dipukul serta ditikam mulutnya sehingga berjatuhan giginya satu persatu.<sup>115</sup>

Al-Qadi Ahmad bin Rasyid berasal dari al-Ahsa'. Terkenal dengan keluasan ilmu dalam mazhab Hanbali sehingga digelar sebagai "al-Hanbali". Pada peringkat permulaan beliau menentang dakwah al-Syeikh al-Imam namun menyokongnya apabila mengetahui kedudukan sebenar. Beliau menetap serta meninggal dunia di Madinah ketika lanjut usia.<sup>116</sup>

Al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz al-Husein al-Nasiri (m.1237H) turut diperlakukan secara yang tidak sepatutnya. Beliau menetap di al-Syaqra' ketika bandar itu ditawan tentera Mesir. Ibrahim Basha memanggil beliau menemuinya dengan di pimpin pengikutnya disebabkan beliau sakit sehingga tidak berupaya berjalan. Apabila tiba di hadapannya al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz ini memberi salam dengan ucapan: "Salam 'alaika ya Ibrahim!" Ibrahim merasa terkejut dengan salam secara demikian sehingga al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz diejek serta dipersendakan. Dengan tidak memperdulikan apa yang akan terjadi beliau dengan tegas menasihati Ibrahim berlandaskan al-Qur'an sehingga Ibrahim berkata: "Ampunkan kami wahai tuan syeikh, ampunkan kami wahai tuan syeikh!"

Al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz al-Husein al-Nasiri termasuk kalangan murid al-Syeikh al-Imam yang terkemuka. Beliau pernah dilantik sebagai utusan ke Hijaz sebanyak dua kali ketika al-Syeikh al-Imam masih hidup.

Selain yang terkorban terdapat kalangan mereka yang berjaya melepaskan diri dari diperlakukan secara zalim. Antaranya Turki bin 'Abd. Allah bin Muhammad bin Saud yang banyak membantu menegakkan kekuasaan Najd dan al-Syeikh Ali bin Hassan bin al-Syeikh al-Islam.

### **Pemusnahan Bandar Al-Dar'iyah**

Al-Dar'iyah ditawan pada awal Zulkaedah 1232H. Namun usaha memusnahkan bandar ini berterusan selama setahun sehingga ia dibakar dan mengalami kerosakan teruk. Ibn Bisyr menjelaskan seperti berikut:

---

<sup>114</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.210

<sup>115</sup> 'Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.210

<sup>116</sup> Meninggal dunia pada 1249H

Ibrahim Basha mengarahkan tenteranya supaya merobohkan sama sekali tempat kediaman, istana, pohon kurma serta pohon lainnya dan menghalau penghuninya tanpa sebarang belas kasihan. Seolah-olah al-Dar'iyah seperti bumi yang ditinggalkan.<sup>117</sup>

Nasib malang menimpa al-Dar'iyah. Sebelum pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam ia hanya sebuah perkampungan kecil. Namun kemudian bertukar menjadi pusat pergerakan al-Salafiyah sehingga menjadi bandar perdagangan yang makmur serta simbol kepada kekuatan keluarga Saud.<sup>118</sup>

### **Kerajaan Britian Mengutuskan Ucapan Tahniah**

Setelah sempurna pemusnahan al-Dar'iyah, Ibrahim Basha membuat keputusan meninggalkan bandar yang telah menjadi sama rata dengan bumi. Kerajaan Britain mengutuskan satu perwakilan khas yang diketuai Kapten George Forster Saddler bagi menyampaikan ucapan tahniah di atas kejayaan Ibrahim Basha. Dalam konteks ini kerajaan Britain menerusi Syarikat Hindia Timur (British East India Company) dengan penuh kesungguhan berusaha melebarkan pengaruh di Semenanjung Tanah Arab. Ini di saat kekuatan Najd berjaya menguasai perairan teluk sehingga melancarkan serangan serta menenggelamkan kapal miliknya. Oleh itu kerajaan Inggeris di Bombay berusaha mengatasi perkara ini dengan melancarkan serangan terhadap Ras al-Khimah sehingga mengalami kemusnahan sebagaimana yang diperjelaskan terdahulu.

Apabila Syarikat Hindia Timur mengetahui kemenangan Mesir ke atas penduduk Najd, mereka merasa takut kehilangan kepentingan disebabkan kejayaan Mesir itu. Ini berpunca dari timbulnya beberapa permasalahan setelah al-Dar'iyah berjaya ditawan. Ternyata pasukan tentera Mesir mula berkeliaran di kawasan perairan teluk serta tidak menghormati pengaruh Inggeris. Sehubungan ini walaupun pemimpin Britain merasa sukacita dengan kehancuran kekuatan Najd mereka tetap tidak menerima keburukan sikap Mesir.<sup>119</sup>

Dengan itu mereka mengutuskan George Forster Saddler menemui Ibrahim Basha di al-Dar'iyah. Namun pihak Inggeris tersalah dalam membaca niat Mesir. Hakikatnya Mesir tidak menghendaki kewujudan kerajaan yang berkekalan sama ada di Najd mahupun di perairan teluk. Faktor ini menyebabkan Ibrahim Basha berangkat ke Mesir selepas berjaya menghancurkan al-Dar'iyah serta membiarkan Najd dalam kucar kacir (anarki). Bagi mengetahui peristiwa penghantaran George Forster Saddler penulis merujuk kenyataan David George Hogarth seorang sejarawan yang berpengalaman:

Pada musim panas 1234H/1819M pihak Inggeris menghantar kapal perang dari Bombay ke perairan teluk diketuai Kapten George Forster Saddler. Beliau merupakan utusan khas Inggeris kepada Ibrahim Basha bagi menyampaikan ucapan tahniah Inggeris di atas kejayaan

---

<sup>117</sup> Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.213, al-Alusi, Tarikh Najd, hlm.24-26

<sup>118</sup> Unwan al-Majd, Jil. 1, hlm.214

<sup>119</sup> Philip, hlm.103

membebaskan al-Dar'iyah serta saling bekerjasama mengambil langkah perlu dalam usaha menghancurkan kekuatan golongan Wahabi.<sup>120</sup>

Sejarawan Barat kurun ke 19 beranggapan tiada pengharapan bagi penduduk Najd mengembalikan kekuatan setelah al-Dar'iyah berjaya dihancurkan. Daughy ketika memetik pandangan sejarawan barat pada 1880 berkata:

“Umum berpandangan bahawa kerajaan Wahabi tidak akan muncul semula.”<sup>121</sup>

Zwemmer, seorang pendita yang memusuhi Islam mengulas:

“Pergerakan Wahabi mengalami kekalahan teruk. Kini kedudukan mereka dari sudut politik hanya omong kosong sahaja.”<sup>122</sup>

Beliau menambah:

“Kita semestinya mengakui bahawa di sisi masyarakat Arab pengaruh kerajaan Saud merupakan sesuatu yang sudah berlalu.”<sup>123</sup>

Namun hakikatnya kenyataan sebahagian sejarawan barat ini merupakan suatu pendustaan. Penduduk Najd akhirnya berjaya bangkit buat kali kedua sehingga kekuatan baru mengatasi yang terdahulu. Walaupun al-Dar'iyah tidak berupaya untuk dibangunkan semula namun kini al-Riyadh merupakan ibukota golongan Wahabi.

### **Peperangan Mesir**

Peperangan antara Mesir dengan Najd berterusan dalam tempoh yang panjang. Di peringkat permulaan, tentera Mesir mengalami kerugian besar disebabkan kemenangan berada di pihak Najd. Walaupun mencapai kemenangan tentera Najd tidak melencung walau sedikitpun dari peraturan yang ditetapkan Islam mengenai peperangan. Sebaliknya Muhammad Ali, Ibrahim Basha serta pembesar mereka melakukan tindakan seolah-olah mereka bukan lagi beragama Islam. Sehubungan ini mencukupi bagi penulis menyatakan ulasan 'Abd. al-Rahman al-Jabarti, sejarawan terkenal Mesir terhadap keperibadian tentera Mesir berdasarkan pengakuan pegawai tentera mereka. Ia seperti berikut:

Sebahagian pegawai tinggi tentera Mesir yang dianggap baik peribadi berkata kepadaku: “Bagaimana mungkin kita akan mencapai kemenangan? Kebanyakan tentera kita tidak mempunyai pegangan. Malahan sebahagiannya tidak meyakini sesuatu apa pun. Mereka membawa peti yang penuh dengan minuman memabukkan. Azan pula tidak pernah dikumandangkan di kem. Selain itu kewajipan syariat tidak dipraktikkan atau tidak diketahui.

---

<sup>120</sup> Bagi mengetahui secara mendalam sila rujuk penulisan beliau bertajuk Penetration of Arabia, hlm.104-111

<sup>121</sup> Daughy, Jil. 2, hlm.425

<sup>122</sup> Zwemmer, hlm.191

<sup>123</sup> Philip, hlm.102

Sebaliknya musuh kita (di kalangan golongan Wahabi) apabila azan berkumandang mereka akan bersegera mengambil wuduk serta berbaris menunaikan solat dibelakang seorang imam. Apabila tiba waktu solat sedangkan peperangan sedang berlaku mereka akan melaksanakan solat al-Khauf – di mana sebahagian pasukan akan berjaga-jaga mengawasi musuh sementara sebahagian lain akan menunaikan solat. Tentera kita merasa hairan terhadap perlakuan tersebut. Hakikatnya mereka tidak pernah mendengar perkara ini apatah lagi melihat dengan mata.”<sup>124</sup>

Ini merupakan kenyataan pegawai tinggi tentera Mesir kepada al-Jabarti. Sehubungan ini al-Jabarti turut melihat sendiri perlakuan tentera Mesir menerusi peristiwa lain. Ia merujuk kejadian pada bulan Ramadan 1233H:

Sebahagian besar tentera berangkat menjalankan tugas. Mereka makan di waktu pagi bulan Ramadan dengan alasan bertugas ketika perjalanan (musafir). Kebanyakan mereka duduk di pasar, makan dan minum sambil di tangan memegang puntung rokok sehingga langsung tidak menghormati bulan Ramadan.<sup>125</sup>

Sekiranya ini merupakan nilai penghormatan mereka terhadap hukum Islam betapa ajaib perlakuan Ibrahim Basha setelah menghancurkan al-Dar’iyyah serta menguasai Najd sehingga al-Jabarti secara jujur mengulas seperti berikut:

Ibrahim Basha apabila didatangi ulama’ dengan memberi salam dia tidak membalas ucapan mereka walau dengan isyarat tangan sekalipun. Sebaliknya dia berterusan berbual dengan seorang pemabuk yang duduk di sisinya.<sup>126</sup>

### **Pengkhianatan Serta Kezaliman Muhammad Ali**

Burkhardt merupakan sejarawan Barat yang menziarahi Hijaz serta Semenanjung Tanah Arab semasa pemerintahan Muhammad Ali. Beliau berkata:

“Hakikatnya amalan rasuah berjaya menundukkan golongan badwi di bawah telapak kaki Mesir.”

Beliau menambah:

Di sisi Muhammad Ali peranan wang lebih berpengaruh dari kekuatan ketenteraan dalam meluaskan kedudukannya ke atas masyarakat Arab.<sup>127</sup>

---

<sup>124</sup> al-Jabarti, Jil. 4, hlm.140

<sup>125</sup> al-Jabarti, Jil. 4, hlm.289

<sup>126</sup> al-Jabarti, Jil. 4, hlm.306

<sup>127</sup> hlm.202, 206

# Bab Ketiga

---

## Hasil Penulisan Al-Syeikh Al- Imam Muhammad Ain 'Abd. Al- Wahhab



### Bab Ketiga

#### **Hasil Penulisan Al-Syeikh Al-Imam Muhammad Ain 'Abd. Al-Wahhab**

Al-Amir Syakib Arsalan seorang mujahid serta penguasa Arab yang terkenal. Ketika mengulas mengenai tokoh pemikir serta politik abad ke 19 iaitu al-Sayyid Jamal al-Din al-Afghani, beliau berkata:

“Secara umum beliau bukan seorang yang menyusun kitab-kitab tetapi menyusun bangsa serta negara.”<sup>128</sup>

Berdasarkan kenyataan al-Amir Syakib Arsalan adakah berkemungkinan disandarkan ungkapan ini kepada al-Syeikh al-Imam (yang dituduh perjuangannya bermotif politik bangsa dan negara)? Hakikatnya keseluruhan hasil penulisan beliau dalam bidang dakwah serta pendidikan Islam bukan sedikit. Namun apa yang membezakan penulisannya dengan sebahagian penulis lain ialah tidak terdapat kecanggihan ungkapan ilmu kalam. Sebaliknya ia berasaskan pendekatan para muhadditsin (ulama' hadith). Penulisan beliau menggunakan ungkapan yang jelas serta amat mudah difahami kerana berpandukan kepada al-Qur'an serta al-Sunnah. Dalam konteks ini kebenaran tidak memerlukan kepada sebarang perhiasan serta kepalsuan.

Penulisan beliau tidak mengandungi istilah kesufian yang dikenali di kalangan umat Islam sebagai ilmu tasawuf yang merosakkan asas al-Din Islam.<sup>129</sup> Hakikatnya sebahagian tokoh pembaharuan (al-Mujaddidun) di India melakukan kesilapan apabila berterusan mengemukakan perkara ini kepada umat sehingga membahayakan jiwa serta jasad mereka.<sup>130</sup> Kesan dari ilmu tasawuf menyebabkan umat Islam di India sehingga kini tidak berupaya membebaskan diri mereka dari belenggu permasalahan akidah.

Merujuk kepada pendekatan bahasa, al-Syeikh al-Imam tidak menggunakan susunan bahasa yang kompleks sebagaimana yang didapati dalam penulisan Syeikh al-Islam Ibn Taymiyyah (m.728H), Ibn al-Qayyim (m.756H) dan al-Syah Wali Allah al-Dahlawi (m.1176H).

Keutamaan yang terdapat pada penulisan beliau sehingga jarang didapati menerusi kitab induk Islam (al-Turath al-Islami) selepas kurun ke 8 hijrah di mana penulisan al-Syeikh al-Imam mampu menghidupkan kembali jiwa (al-ruh) serta memberi pengaruh kepada pembacanya. Iqbal, seorang pujangga Islam terkenal ketika mengulas hasil penulisan al-Syeikh al-Imam berkata:

“Keseluruhan penulisannya penuh dengan pengaruh serta kesan. Keadaan ini berpunca dari jiwa keagamaan yang wujud pada dirinya.”

---

<sup>128</sup> Hadhar al-'Alam al-Islami, Jil. 2, hlm.301

<sup>129</sup> Sebahagian rakan mengesyorkan supaya penulis tidak menentang tasawuf secara umum. Menurut mereka yang seharusnya ditenang ialah sufiah al-su atau sufi atau tasawuf yang menyeleweng. Ini sebagaimana ungkapan ulama al-Su disandarkan kepada ulama jahat. Namun penulis tidak bersetuju dengan pandangan mereka. Ini disebabkan banyak keburukan serta kejahatan yang terhasil di atas nama tasawuf. Namun penulis akan menyokong golongan yang menyeru kepada al-Ihsan atau al-Tazkiyah iaitu pembersihan jiwa yang bersumberkan kepada al-Qur'an serta al-Sunnah.

<sup>130</sup> Bagi mendalami kerosakan yang ditimbulkan ilmu tasawuf sila rujuk kitab al-Tasawuf bayn al-Haq wa al-Khalq karangan Ustaz Muhammad Fahir Syafaqah dan kitab Hazihhi Hiya al-Sufiyyah karangan Ustaz 'Abd. al-Rahman al-Wakil. (penterjemah)

Hasil penulisan al-Syeikh al-Imam ialah seperti berikut:

1. Kitab al-Tauhid

Kitab ini merupakan hasil penulisan beliau paling terkemuka sebagaimana kitab Taqwiyah al-Iman di sisi al-Syeikh Ismail al-Syahid (m.1246H).<sup>131</sup> Nama penuh penulisan ialah Kitab al-Tauhid allazi Huwa Haqqullah 'ala al-'Abid. Menerusinya al-Syeikh al-Imam menyatakan hakikat tauhid serta sempadannya dan persoalan syirik serta keburukannya. Majoriti isi kandungan kitab meliputi permasalahan al-Isti'azah (memohon perlindungan selain Allah), al-Istigoshah (memohon hajat kepada selain Allah), al-Tawassul, berdoa kepada Allah dengan perantaraan makhluk, persoalan Nazar, sembelihan kepada selain Allah, sihir, tukang ramal dan sebagainya. Beliau tidak mengemukakan ulasan kecuali sedikit.<sup>132</sup> Dalam konteks ini mencukupi baginya menyatakan pembuktian berdasarkan al-Qur'an serta al-Sunnah.

Penulisan ini mendapat sambutan masyarakat Islam sehingga diulang cetak beberapa kali serta diterjemah ke dalam pelbagai bahasa. Ulama' Najd menghasilkan beberapa kitab sebagai penjelasan atau syarahan kepada kitab ini. Brockleman menyatakan dua daripadanya seperti berikut:

1. Al-Dur al-Nadhid karangan Ahmad bin Hassan al-Najdi
2. Fath Allah al-Hamid al-Majid karangan Hamid bin Muhammad bin Hassan. Ia dicetak pada 1897M

Merujuk kitab pertama yang dinyatakan Brockleman, penulis tidak mempunyai maklumat mengenainya. Dalam konteks ini Brockleman lupa menyatakan syarahan kepada kitab al-Tauhid yang terkemuka iaitu Taisir al-'Aziz al-Hamid yang ditulis al-Syeikh Sulaiman bin 'Abd. Allah bin al-Syeikh al-Islam. Kitab ini tidak sempat disiapkan namun dilengkapkan kemudian oleh al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan bin al-Syeikh al-Imam dengan tajuk Fath al-Majid.<sup>133</sup>

Beliau meletakkan beberapa penambahan sehingga berbeza dengan kitab yang ditulis al-Syeikh Sulaiman. Kitab al-Syeikh 'Abd. al-Rahman disusun mengikut bab permasalahan dengan penambahan penjelasan berdasarkan kepada penulisan Syeikh al-Islam Ibn Taymiyyah serta muridnya Ibn al-Qayyim. Ini menyebabkan penulisan ini berperanan sebagai suatu himpunan maklumat yang amat bernilai. Ia dicetak pertama kali menerusi percetakan al-Ansari, Delhi pada 1311H. Ia dicetak kali kedua menerusi percetakan al-Salafiyah di Mesir pada 1347H dengan bantuan seorang ahli perniagaan Bahrain bernama al-Syeikh 'Abd. al-Rahman al-Qusaibi. Cetakan

---

<sup>131</sup> Beliau ialah Muhammad Ismail bin 'Abd. al-Ghani bin Wali Allah al-Dahlawi. Terhimpun pada dirinya keluasan ilmu, kewarakan serta keperwiraan sehingga memimpin pergerakan dakwah Islam di benua India ketika umat Islam dilanda penjajahan. Beliau berjuang dengan gigih menentang penjajahan Inggeris bersama temannya al-Sayyid Ahmad bin 'Urfan sehingga berjaya menegakkan kerajaan Islam. Namun kerajaan ini tidak bertahan lama. Beliau menghadapi musibah serta tribulasi dalam usahanya membersihkan pegangan umat Islam dari kekotoran berhalwa serta perbuatan syirik. Amat menyedihkan apabila dunia Arab melupai perjuangan tokoh ini sehingga sukar untuk mendapati hasil penulisan mengenai dirinya melainkan sekadar rencana kecil sahaja. Beliau dilahirkan pada 1193 H dan mati syahid dalam peperangan menentang Inggeris pada 1246H. (penterjemah)

<sup>132</sup> al-Syeikh al-Imam mengambil sikap sebegini bagi menolak persepsi golongan yang menentang dakwahnya bahawa beliau mengasaskan madzhab baru dalam Islam, membawa ajaran sesat ataupun beliau serta pengikutnya merupakan golongan khawarij. Ini sebagaimana dakwaan Dahlan, al-Nabhani serta selainnya.

<sup>133</sup> Hakikatnya Fath al-Majid merupakan kitab syarahan bebas yang ditulis al-Syeikh 'Abd. al-Rahman bin Hassan. Manakala kitab al-Syeikh Sulaiman bin 'Abd. Allah dicetak menggunakan tajuk Taisir al-'Aziz al-Hamid.

ketiga dilakukan menerusi percetakan Ansar al-Sunnah al-Muhammadiyah di Kaherah pada 1357H di bawah penyeliaan al-Syeikh Muhammad Hamid al-Faqi.

## 2. Kasyf al-Syubuhat

Penulisan ini merupakan pelengkap kepada Kitab al-Tauhid. Namun secara realiti keseluruhan penulisan al-Syeikh al-Imam mempunyai hubungkait dengan persoalan tauhid. Isi kandungan Kasyf al-Syubuhat mengenai kekeliruan yang menimpa umat disebabkan tidak mengabdikan diri kepada Allah dalam ruang lingkup Tauhid al-Uluhiyyah. Ternyata sebahagian umat Islam memohon kepada wali atau al-Ghauth sementara sebahagian lain melakukan kesalahan dari sudut al-Tawassul, al-Istigoshah serta persoalan syafaat.

Penulisan ini merupakan sebuah risalah kecil walaupun dipenuhi dengan maklumat. Ia dicetak beberapa kali. Penulis menyimpan naskah Kasyf al-Syubuhat yang dicetak serta disisipkan ke dalam kitab Majmu'ah 'Isa bin Ramih al-Najdi, hlm.56-72.

## 3. Al-Usul al-Thalathah wa Adillatuha

Penulisan ini berkisar mengenai pengenalan (ma'rifah) kepada Tuhan, Din Islam serta terhadap Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Ia merupakan sebuah risalah kecil.

## 4. Syurut al-Solah wa Arkanuha

Penulisan ini berkisar syarat-syarat menunaikan solat iaitu: Islam, berakal, sampai umur, mengangkat hadath, bebas dari najis, menutup aurat, masuk waktu solat, mengadap kiblat dan niat. Selain itu dinyatakan rukun serta syarat wajib menunaikan solat.

## 5. Al-Qawaid al-Arba'

Penulisan ini berkisar permasalahan ilmu tauhid dengan penjelasan yang amat mudah serta senang difahami. Perkara yang diperbincangkan seperti berikut:

1. Masyarakat Arab jahiliyyah beriman kepada Allah sebagai Pencipta serta Pemberi rezeki. Namun ini tidak menjadikan mereka seorang muslim.
2. Masyarakat Arab jahiliyyah memohon kepada awliya' bagi mendekatkan diri kepada Allah serta bagi memperolehi syafaat. Mereka berkata mengenai pemberi syafaat: "Golongan ini merupakan pemberi syafaat kami di sisi Allah!"
3. Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam memerangi penyembah para malaikat, anbiya' serta salihin, penyembah pokok, batu, matahari dan bulan tanpa membezakan antara mereka.
4. Golongan musyrikin zaman mutakhir lebih dahsyat kemusyrikin mereka berbanding golongan musyrikin masa lampau. Ini kerana golongan musyrikin terdahulu memohon kepada Allah ketika ditimpa musibah sementara golongan musyrikin mutakhir memohon kepada para awliya' dalam segala keadaan.

6. Usul al-Iman

Penulisan ini berkisar pelbagai persoalan iman bersumberkan kepada hadith-hadith Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Sebahagian keluarga al-Syeikh al-Imam menambah beberapa penjelasan yang berguna di dalamnya. Ia dicetak pertama kali di Delhi. Ia turut disisipkan ke dalam kitab Majmu'ah al-Hadith al-Najdiyyah yang dicetak menerusi percetakan al-Manar pada 1342H, hlm.209-240.

7. Kitab Fadl al-Islam

Penulisan ini mengenai keburukan melakukan perbuatan bid'ah serta syirik dan juga syarat menjadi seorang muslim. Ia disisipkan ke dalam kitab Majmu'ah al-Hadith al-Najdiyyah, hlm.242-255.

8. Kitab al-Kabair

Ini mengenai pembahagian dosa-dosa besar. Ia diperjelaskan satu persatu berdasarkan kepada bab dengan berlandaskan keterangan al-Qur'an serta al-Sunnah. Ia disisipkan ke dalam kitab Majmu'ah al-Hadith al-Najdiyyah, hlm.258-310.

9. Nasihah al-Muslimin<sup>134</sup>

Penulisan ini berkisar mengenai hadith-hadith yang berhubung dengan pendidikan Islam. Ia disisipkan ke dalam kitab Majmu'ah al-Hadith al-Najdiyyah, hlm.213-444.

10. Sittah Mawadhi' min al-Sirah

Penulisan ini merupakan risalah ringkas mengenai 6 persoalan yang berkait dengan sirah Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Ia seperti berikut:

1. Permulaan penurunan wahyu
2. Pendidikan tauhid serta penolakan terhadap golongan kafir
3. Kisah al-Gharaniq al-'Ula<sup>135</sup>
4. Kisah mengenai Abu Talib
5. Peristiwa hijrah
6. Kisah golongan murtad selepas kewafatan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam

11. Tafsir al-Fatihah

---

<sup>134</sup> Menurut al-Syeikh Ismail bin Muhammad al-Ansari risalah himpunan hadith yang berjudul Nasihah al-Muslimin yang disisipkan dalam kitab Majmu'ah al-Hadith al-Najdiyyah bukan merupakan karangan al-Syeikh al-Imam. Sebaliknya diambil dari kitab Misykat al-Masobih karangan al-Khatib al-Syirazi. Sebahagian dari pengikut al-Syeikh al-Imam memasukkannya ke dalam kitab Majmu'ah al-Hadith al-Najdiyyah dengan tujuan menambahkan ilmu pengetahuan mengenai hadith. Kenyataan ini disokong oleh al-Syeikh 'Abd. al-'Aziz bin Baz. (penterjemah)

<sup>135</sup> Bagi mengetahui dengan mendalam kisah ini sila rujuk kitab Nasb al-Maja'iq li Nisfi Qissah al-Gharaniq karangan al-Syeikh Muhammad Nasir al-Din Albani. (penterjemah)

Penulisan ini merupakan risalah ringkas mengenai tafsir kepada surah al-Fatihah. Ia disisipkan ke dalam kitab Majmu'ah al-Kitab al-Mufid, hlm.18-19.

12. Masa'il al-Jahiliyyah

Penulisan ini menerangkan 131 permasalahan jahiliyyah yang ditentang Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Al-Syeikh Mahmud Syukri al-Alusi menulis penjelasan (syarahan) terhadap kitab ini. al-Zahra', hlm.44-52

13. Tafsir al-Syhadah

Penulisan ini berkisar mengenai tafsir kalimah Lailahailallah. Selain itu terkandung di dalamnya kepentingan ilmu tauhid.

14. Tafsir Liba' Sur al-Qur'an<sup>136</sup>

Ini mengenai tafsiran terhadap beberapa ayat al-Qur'an. Menerusinya al-Syeikh al-Imam mengistinbat(mengeluarkan) beberapa hukum yang berkait dengan ayat yang diulas.

15. Kitab al-Sirah

Ini merupakan ringkasan kepada kitab Sirah Ibn Hisyam. Naskah tua kitab ini terdapat di perpustakaan Batnah.

16. al-Hadyi al-Nabawi

Ini ialah ringkasan kitab Zad al-Ma'ad karangan Imam Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah. Manuskrip kitab ini terdapat di perpustakaan Batnah. Selain penulisan yang dinyatakan di atas, al-Syeikh al-Imam turut menghasilkan beberapa penulisan kecil lainnya. Sebahagiannya dinyatakan dalam kitab Raudhah al-Afkar.<sup>137</sup>[10]

---

<sup>136</sup> al-Fuhrus al-Mashruh, Perpustakaan Oriental (al-Maktabah al-Syarqiyyah) di Batnah, no. 1477

<sup>137</sup> Jilid pertama: bab ketiga dan keempat

# Bab Keempat

---

## Hakikat Dakwah

## **Bab Keempat** **Hakikat Dakwah**

### **Keburukan Politik**

Al-Syeikh Muhammad Abduh (m.1323H) seorang tokoh pembaharu di Mesir serta murid kepada al-Sayyid Jamal al-Din al-Afghani. Beliau pernah meminta perlindungan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala daripada politik keburukannya. Ungkapan terkenal Muhammad Abduh mengenai perkara ini berbunyi: "Apabila dan politik memasuki sesuatu maka rosaklah sesuatu itu."

Kenyataan beliau mempunyai kebenaran. Ini kerana pemimpin politik tidak membezakan antara halal dan haram dalam mencapai matlamat perjuangan. Dalam konteks ini pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam yang dilabelkan sebagai "gerakan Wahabi" bukan pergerakan yang membawa perkara baru. Ia hanya memperjuangkan pendidikan yang sahih bersumberkan al-Qur'an serta al-Sunnah. Namun disebabkan angkara politik, gerakan ini diperuntukkan gelaran sedemikian sehingga ia dianggap terkeluar dari agama Islam.

Sesuatu yang malang apabila tiga kerajaan yang berpengaruh turut bekerjasama menyatakan penentangan terhadap penduduk Najd. Sehubungan ini berlaku peperangan melibatkan kerajaan Turki, Mesir dan India dengan golongan Wahabi. Para penguasa (Ashraf) Mekah serta penyokongnya turut menyatakan kemarahan mereka ke atas golongan Wahabi disebabkan sumber pendapatan dari hasil pemberian serta nazar disekat.<sup>1</sup> Penjelajah Barat sama ada berbangsa Inggeris serta lainnya turut mengambil sikap tidak meredhai pergerakan keagamaan yang sahih ini.

Secara ringkas boleh dikatakan negara serta pertubuhan yang pelbagai jenis itu sentiasa berusaha melancarkan serangan ke atas perjuangan dakwah al-Syeikh al-Imam bagi mencapai matlamat yang berbeza. Ini menyebabkan Wahabi dianggap sebagai pergerakan yang amat menakutkan. Sehubungan ini pergerakan pembaharuan (tajdid) serta kepimpinan yang diasaskan al-Sayyid Ahmad al-Syahid al-Barawelli serta al-Syeikh Ismail al-Syahid al-Dahlawi turut dilabelkan sebagai gerakan Wahabi.

Kemaafan mungkin boleh diberikan kepada golongan yang menerima pembohongan palsu ini pada masa lampau. Ini disebabkan hasil penulisan penduduk Najd tidak banyak disebarkan. Sebaliknya kemaafan tidak boleh diberi kepada golongan mutakhir di saat hasil penulisan al-Syeikh al-Imam serta pengikutnya tersebar luas di segenap lapangan dan tempat.

---

<sup>1</sup> Majoriti penduduk Mekah dan Madinah ketika itu hidup dengan berdasarkan sumber pendapatan yang diperolehi dari penjagaan kubur dan makam. Namun sumber pendapatan ini dihentikan apabila golongan Wahabi menawan Mekah pada 1218H. Kesannya golongan ini menyatakan penentangan dengan menyebarkan segala bentuk pendustaan ke atas golongan Wahabi di setiap lapangan dan tempat. Al-Jabarti menyebut peristiwa yang berlaku pada bulan Safar 1218H: "Majoriti penduduk Mekah menemui jemaah haji dengan menasihati mereka supaya melarikan diri dari golongan Wahabi. Sebahagian mereka menyatakan kepada jemaah haji bahawa golongan Wahabi merupakan kaum khawarij atau golongan kafir." (Jil. 2, hlm.558)



### **Madzhab Fekah Al-Syeikh Al-Imam**

Secara ringkas al-Syeikh al-Imam merupakan tokoh yang berittiba' (mengikuti) al-Salaf al-Solih dalam pegangan mahupun pengamalan. Beliau mengikuti madzhab Imam Ahmad bin Hanbal (m.246H) dalam urusan berkaitan ilmu fekah. Namun apabila mendapati sesuatu hadith yang menyalahi madzhab Hanbali maka beliau berpegang teguh dengan hadith tersebut. Al-Syeikh al-Imam berkata:

Dalam perkara cabang, madzhab kami ialah madzhab Imam Ahmad bin Hanbal, imam ahl-al-Sunnah. Namun apabila ternyata kepada kami sunnah yang sahih dari Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam kami beramal dengannya. Kami tidak meletakkan kenyataan sesiapa pun di atas sabdanya.<sup>2</sup>

Al-Syeikh al-Imam kerap kali mengambil kenyataan Imam Ibn Taymiyyah atau Imam Ibn al-Qayyim. Beliau tidak bertaklid dengan membuta-tuli. Beliau hanya mengikuti kenyataan keduanya yang tidak bercanggah dengan al-Qur'an serta al-Sunnah. Al-Syeikh al-Imam mengulas:

Imam Ibn al-Qayyim serta gurunya merupakan imam ahl al-Sunnah yang hak. Hasil penulisan mereka berdua di sisi kami merupakan hasil karya yang amat bernilai. Namun kami tidak bertaklid kepada mereka dalam semua permasalahan.<sup>3</sup>

Kesimpulannya al-Syeikh al-Imam mengikuti madzhab Hanbali dalam bidang fekah. Walaubagaimanapun beliau tidak memaksa sesiapa pun untuk mengikuti tindakannya. Di sisinya seorang yang bermadzhab al-Syafie dibenarkan kekal dengan madzhab al-Syafie, begitu juga pengikut madzhab ahl al-Sunnah lainnya. Namun perbuatan bid'ah serta taklid yang melampau bukan merupakan pegangan imam empat madzhab. Beliau berkata:

Kami mengikuti madzhab Imam Ahmad bin Hanbal dalam perkara cabang. Kami tidak mengingkari sesiapa yang bertaklid kepada salah satu dari madzhab imam empat madzhab....hingga akhir.

Beliau menambah:

Kami tidak berhak melakukan ijtihad secara mutlak serta tidak menyeru kepada perkara sedemikian. Namun merujuk kepada beberapa permasalahan, sekiranya kami memperoleh keterangan yang kuat berdasarkan al-Qur'an serta al-Sunnah yang sahih kami akan mengikutinya serta meninggalkan pandangan madzhab Hanbali berkait permasalahan itu.<sup>4</sup>

---

<sup>2</sup> al-Hidayah al-Saniyyah, hlm.99

<sup>3</sup> al-Hidayah al-Saniyyah, hlm.53

<sup>4</sup> Margoliouth menulis satu rencana mengenai perselisihan antara Imam Ahmad bin Hanbal dengan al-Syeikh al-Imam. Ini tidak lain berpunca dari kebodohan si Margoliouth. Antara perkara karut yang beliau nyatakan: "Solat berjemaah wajib di sisi al-Syeikh namun tidak wajib di sisi Imam Ahmad." (rencana al-Wahabiyyah, Dai'rah al-Maa'rif al-Islamiyyah)

## **Akidah Beliau**

Dalam perkara akidah al-Syeikh al-Imam berpegang kepada madzhab salaf. Beliau menetapkan sifat-sifat ketuhanan sebagaimana termaktub dalam al-Qur'an serta hadith. Beliau beriman dengan zahir sifat tanpa membicarakan bagaimana ciri-ciri sifat itu. Ini merupakan pegangan madzhab salaf.

Hakikatnya permasalahan sifat merupakan perkara yang menyebabkan wujud pertelingkahan di kalangan ulama'. Satu golongan menjauhkan diri dari tasybih (menyerupakan) serta takyif (menyatakan bagaimana) manakala golongan lain mentasybih serta mentakyifkan sifat. Selain itu golongan Asy'airah mentakwilkan ayat al-Qur'an serta hadith kerana takut mentasybihkan sifat Tuhan. Mereka mengatakan apa yang dikehendaki dengan "al-Istiwa" ialah menguasai, Yadullah (tangan Allah) dengan "kekuasaan" serta "pemberian" manakala 'Ain (mata) dengan "penjagaan" dan sebagainya.

Sebaliknya madzhab salaf serta pengikut mereka tidak meredhai pentakwilan sebegini. Daripada mana kamu mengetahui apa yang kamu kehendaki dari pentakwilan itu merupakan perkara yang dikehendaki Allah? Selain itu golongan takwil ini kadangkala melakukan pentakwilan yang sangat jauh dari kebenaran sehingga pembaca akan ketawa dengan perbuatan mereka. Sekiranya diteliti kitab Musykil al-Hadith penulisan Ibn Faurak akan didapati perkara bodoh seperti ini. Dalam konteks ini Imam Ibn Taymiyyah berkata:

"Madzhab salaf serta imam empat madzhab mensifatkan Allah Subhanahu Wa Ta'ala dengan apa yang disifatkan Allah terhadap diri-Nya serta apa yang disifatkan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam serta para sahabat radiyallahu 'anhum. Mereka mensifatkan perkara ini tanpa tahrif (mengubah), ta'thil (merosakkan maksud), takyif (menyatakan bagaimana) serta tamthil (memberikan contoh). Tidak diharuskan menafikan sifat Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang disifati oleh diri-Nya. Selain itu tidak diharuskan membuat perbandingan sifat Allah Subhanahu Wa Ta'ala dengan menyerupakannya dengan sifat makhluk. Hakikatnya Dia tidak menyerupai makhluk sama ada dari sudut dzat, sifat mahupun perbuatan."

Madzhab salaf merupakan madzhab di atas dua persimpangan. Ia merupakan madzhab petunjuk di atas kesesatan: iaitu menetapkan sifat dengan menafikan penyerupaan dengan makhluk.<sup>5</sup>

Ini merupakan pegangan madzhab salaf iaitu antara al-ithbat serta al-nafi. Mereka tidak mentakwilkan al-yad(tangan) serta al-'ain (mata) serta selainnya di kalangan sifat. Sebaliknya mereka beriman dengan zahir ayat dengan menafikan tamsilan yang menyerupakan sifat Tuhan dengan makhluk-Nya. Allah Subhanahu Wa Ta'ala sahaja yang Maha Mengetahui bagaimana serta hakikat. Kita wajib beriman tanpa melakukan penambahan, pengurangan serta penolakan. Sebaik-baik kenyataan mengenai persoalan ini ialah ungkapan Imam Malik bin Anas, Imam Dar al-Hijrah yang berbunyi:

---

<sup>5</sup> Sodiq Hassan Khan, al-Intiqod al-Rajih 'ala Hasyiah Jala' al-'Ainain, hlm.403

Al-Istiwa' ghair majhul (al-istiwa bukanlah sesuatu yang tidak diketahui), wa al-kaif ghair ma'qul (sedangkan bagaimana tidak boleh difikir dengan akal), wa al-iman bihi wajib (beriman kepadanya wajib), wa al-sual 'anhu bid'ah (bertanya mengenainya bid'ah).<sup>6</sup>

Dalam konteks ini madzhab salaf bukan madzhab Hanbali sahaja atau Ibn Taymiyyah atau al-Syeikh al-Imam tetapi madzhab para pemimpin Islam. Mereka mengelakkan diri dari melakukan takwil serta menafikan tasybih. Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafie, Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Muhammad bin Hassan, Imam Sa'ad bin Mu'az al-Mawarzi, Imam 'Abd. Allah bin al-Mubarak, Imam Sufyan al-Thauri, Imam al-Bukhari, Imam al-Tirmidzi, Imam Abu Daud al-Sijistani serta selainnya berpegang teguh kepada jalan ini.<sup>7</sup>

Apa yang menarik, Imam Abu Hassan al-Asy'ari sendiri kembali berpegang teguh kepada madzhab salaf sebagaimana Imam al-Haramain. Madzhab salaf merupakan madzhab keseluruhan para sahabat serta tabi'in. Pentakwilan wujud apabila manusia menyibukkan diri menggunakan akal fikiran.

Golongan al-Asya'irah terkemudian serta para ulama' terkemudian, madzhab mereka adalah madzhab pentakwilan. Oleh itu pengajaran akidah di institusi keagamaan pada zaman mutakhir berasaskan madzhab pentakwilan. Sepatutnya kita berpegang teguh serta beriman dengan kenyataan al-Qur'an serta Ahadith tanpa ta'thil serta takyif sebagaimana yang dilakukan golongan salaf. Pegangan salaf merupakan pegangan golongan al-tawhidserta al-sunnah yang ikhlas. Al-Syeikh al-Imam serta pengikutnya berpegang teguh dengan landasan ini.

Madzhab salaf dalam perkara sifat merupakan madzhab yang terkenal sehingga menjadi pegangan keseluruhan imam empat madzhab serta tokoh ulama' terdahulu seperti Ibn Taymiyyah. Namun pemikiran al-Asya'irah menyebabkan umat Islam melihat jalan kebenaran ini sebagai jalan golongan jahil yang membekukan akal pemikiran. Sebaliknya al-Syeikh al-Imam Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab berpegang teguh dengan madzhab salaf sebagaimana Imam Ibn Taymiyyah. Bagi memahami perkara ini dengan mendalam pembaca boleh merujuk kitab Jala' al-'Aynain fi Mahakimah al-Ahmadain yang ditulis al-Alusi. Ternyata di dalamnya ulama' terdahulu seperti al-Syeikh 'Abd. al-Qadir al-Jailani (m.565H) serta Imam Abu al-Hassan al-Asy'ari (m.334H) berpegang teguh kepada madzhab salaf.

### **Tauhid Serta Syarat-Syaratnya**

Al-Syeikh al-Imam sangat memberikan perhatian persoalan tauhid dalam penulisannya.<sup>8</sup> Ini kerana dakwah beliau merupakan dakwah kepada mentauhidkan Allah Subhanahu Wa Ta'ala sehingga simbol kepada perjuangannya ialah: Lailahaillallah. Sehubungan ini pengikutnya di segala lapangan dan tempat dikenali sebagai golongan al-Muwahhidin. Apa yang dimaksudkan dengan tauhid?

---

<sup>6</sup> al-Intiqod al-Rajih 'ala Hasyiah Jala' al-'Ainain, hlm.212

<sup>7</sup> al-Intiqod al-Rajih 'ala Hasyiah Jala' al-'Ainain, hlm.229

<sup>8</sup> Tidak ada sebarang keraguan bahawa al-Syeikh al-Imam amat memberi perhatian persoalan akidah melebihi persoalan lain. Namun beliau tetap menulis persoalan lain seperti fekah, sirah serta hadith. (penterjemah)

Al-Tauhid ialah mengikhlaskan peribadatan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala sahaja. Perkara ini amat jelas namun tali atau belitan syaitan (haba'il al-syaitan) amat luas juga. Menjadi suatu kewajiban kepada umat Islam mengikhlaskan tauhid dengan mengelakkan diri dari melakukan perkara syirik sama ada dari sudut pengamalan atau pengucapan. Al-Syeikh al-Imam dengan penuh kesungguhan berusaha memelihara perkara tauhid dari dicemari kerosakan.

Namun para pemimpin yang menyaksikan risalah tauhid yang diperjuangkannya di setiap lapangan dan tempat berterusan bergelumang dengan peribadatan terhadap kubur, makam dan sebagainya. Sekiranya dikemukakan kepada mereka ayat al-Qur'an serta al-Sunnah yang sahih mereka akan mentafsirkannya pula. Pemimpin dakwah al-Salafiyah serta pengikutnya akan dilabelkan sebagai golongan Wahabi, musyrik, khawarij, terkeluar dari empat madzhab dan sebagainya. Di sisi mereka perbuatan jenayah yang dilakukan al-Syeikh al-Imam ialah apabila beliau menyeru kepada dakwah tauhid serta menolak perbuatan syirik dengan segala kekotorannya. Ia meliputi permasalahan seperti pengabdian kepada makhluk selain Allah, bersumpah serta bernazar selain kepada Allah serta peribadatan kepada kubur dan makam.

Berikut dinyatakan peribadatan yang menyalahi tauhid sehingga mendekati diri kepada syirik di sisi al-Syeikh al-Imam serta ahl al-Sunnah wa al-Jamaah:

**Pertama:** Memohon kepada selain Allah ketika musibah atau memohon selain-Nya disamping memohon kepada-Nya.

Golongan penentang serta golongan jahil membenarkan permohonan dilakukan seperti berikut: "Wahai Rifa'ie, wahai Badawi, wahai 'Abd. al-Qadir ataupun permohonan yang biasa dilakukan masyarakat di India: wahai Rana Bir Bahur, wahai Makhdum atau wahai Makhdum Munhajin" dan seumpamanya.

Ternyata ungkapan mereka suatu bentuk peribadatan. Ini walaupun tidak diperbahaskan niat si penyeru. Hakikatnya apabila golongan ini menyeru dengan pengucapan sedemikian apa yang mereka inginkan ialah permohonan bagi menghilangkan musibah, penjagaan atau memohon sesuatu manfaat serta menolak kemudaratan. Ini merupakan perbuatan yang menyalahi tauhid secara hakiki. Al-Din Islam yang lengkap serta sempurna tidak merangkumi pengucapan sebegini. Sehubungan ini sesiapa yang menyeru kepada selain Allah apabila menghadapi musibah akan termasuk ke dalam dua keadaan:

1. Seseorang yang jahil yang tidak mengetahui hukum berasaskan al-Qur'an serta al-Sunnah. Dalam konteks ini pengikut al-Syeikh al-Imam serta pendokongnya akan memperjelaskan kepada mereka jalan kebenaran serta mengarahkan supaya perbuatan ini dijauhi.
2. Sekiranya seseorang itu masih melakukan perbuatan tersebut setelah mengetahui hukum syariat mengenainya maka dia dikategorikan sebagai seorang musyrik. Ini sebagaimana firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang berbunyi:

وَالَّذِينَ تَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ مَا يَمْلِكُونَ مِنْ قِطْمِيرٍ  
إِنْ تَدْعُوهُمْ لَا يَسْمَعُوا دُعَاءَكُمْ وَلَوْ سَمِعُوا مَا اسْتَجَابُوا لَكُمْ  
وَيَوْمَ الْقِيَامَةِ يَكْفُرُونَ بَشِرْكُمْ  
وَلَا يُبْنِيكَ مِثْلُ حَبِيرٍ

Sedangkan mereka yang kamu sembah - yang lain dari Allah - tidak mempunyai sesuatu pun walau senipis selaput biji kurma. Kalau kamu memohon kepada mereka (yang kamu sembah itu): mereka tidak mendengar permohonan kamu, dan kalaulah mereka mendengar pun, mereka tidak dapat memberikan apa yang kamu pohonkan itu; dan pada hari kiamat pula mereka mengingkari perbuatan syirik kamu. Dan (ingatlah) tidak ada yang dapat memberi tahu kepadamu (wahai Muhammad, akan hakikat yang sebenarnya) seperti yang diberikan Allah Yang Maha Mendalam Pengetahuannya. (Surah Fathir: 13-14)

**Kedua:** al-Istigoshah.

Ia merupakan permohonan kepada al-Ghauth (pembantu) selain Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Hukum mengenai ini menyamai hukum memohon kepada selain Allah. Abu Yazid al-Bustami berkata:

“Al-Istigoshah makhluk kepada makhluk umpama al-Istigoshah seorang tahanan kepada tahanan yang lain.”<sup>9</sup>

Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam bersabda yang diriwayatkan oleh al-Tabrani yang bermaksud:

“Janganlah bermohon kepadaku tetapi bermohonlah kepada Allah Subhanahu WaTa'ala.”<sup>10</sup>

**Ketiga:** al-Tawassul.

Al-Tawassul dibahagikan kepada 3 bahagian seperti berikut:

1. Tawassul dengan mentaati Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Hukumnya wajib serta tidak sempurna iman melainkan dengannya.
2. Tawassul dengan bermohon kepada Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam serta syafaatnya. Ini dibolehkan ketika baginda hidup dan di akhirat kelak menerusi syafaatnya.
3. Tawassul kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala menerusi dzat para anbiya' 'alayhimussolatuwassalam serta golongan salihin.

<sup>9</sup> al-Intiqod al-Rajih 'ala Hasyiah Jala' al-'Ainain, hlm.303

<sup>10</sup> Dalam konteks ini diharuskan al-Istigoshah kepada orang yang hidup dalam perkara yang ia mampu lakukan. Yang ditegah ialah bermohon kepada orang yang sudah mati, kubur dan makam.

Tawassul bahagian ketiga tidak diamalkan para sahabat radiyallahu 'anhum sama ada ketika Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam masih hidup atau setelah wafat. Ia merangkumi perkara meminta hujan (al-istisqo') serta selainnya sama ada di sisi kubur baginda atau dari jarak jauh. Para sahabat tidak pernah bertawassul dengan dzat seorang Rasul atau wali Allah walau dalam keadaan apa sekalipun.

Ketiga perkara di atas merupakan gambaran kepada al-Tawassul. Bahagian pertama iaitu tawassul dengan beriman kepada Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam serta mentaati baginda merupakan tawassul yang disyariatkan buat selama-lamanya.

Bahagian kedua iaitu tawassul dengan bermohon kepada Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam ketika masih hidup (bukan dengan dzatnya setelah wafat) serta dengan syafaat baginda di akhirat kelak. Kedua perkara ini bermanfaat serta dituntut tanpa sebarang keraguan. Sesiapa yang mengingkari kedua bahagian tawassul ini maka dia menjadi kafir atau murtad sebagaimana yang diperjelaskan Syeikh al-Islam Imam Ibn Taymiyyah.

Dalam konteks ini wujud suatu permasalahan setelah kewafatan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam seperti dikatakan ketika menziarahi kubur: Assalamualaikum! Ini hanya pengucapan memberi salam kepada mereka. Perbuatan yang dilarang ialah memohon kepada penghuni kubur atau yang tidak hadir kerana ia merupakan perbuatan bid'ah.<sup>11</sup> Sehubungan ini 'Umar ibn al-Khattab radiyallahu 'anh pernah berkata:

“Ya Allah!, Kami dahulu bertawassul kepada-Mu dengan perantaraan Nabi kami maka engkau turunkan hujan kepada kami. Kini kami bertawassul kepada-Mu dengan ayah saudara Nabi kami, maka turunkanlah hujan.”<sup>12</sup>

Umar bertawassul kepada Abbas selepas kewafatan Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Apa yang dimaksudkan dengan tawassul di sini ialah doa atau memohon kepada Abbas supaya berdoa.

Merujuk kepada tawassul bahagian ketiga iaitu bertawassul kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala menerusi dzat para anbiya 'alayhimussolatuwassalam serta golongan salihin seperti ungkapan: “Daku bermohon kepada Ya Allah dengan jah (kedudukan) hamba-mu atau dengan keutamaannya” merupakan bentuk tawassul yang diperselisihkan ulama' hukumnya.

Ulama' Hanbali mengatakan hukumnya makruh yang tercela (makruh tahriman). Imam Abu Hanifah serta ulama' Hanafi lainnya turut berpandangan demikian. Mereka mengeluarkan hukum berdasarkan kepada pernyataan berikut: “Makhluk tidak mempunyai hak ke atas al-Khaliq.”

Imam Ibn Taymiyyah, al-Syeikh al-Imam serta pengikutnya turut mengikuti pandangan ini. Mereka tidak mengharuskan bertawassul dengan dzat Nabi atau wali. Dalam konteks ini mereka

---

<sup>11</sup> al-Intiqod al-Rajih 'ala Hasyiah Jala' al-'Ainain, hlm.284

<sup>12</sup> Misykat al-Masobih, bab al-Istisqo'

bukan membawa sesuatu yang baru tetapi mengikuti sesuatu yang disepakati ulama' madzhab Hanafi serta Hanbali.

Al-Syeikh 'Izz al-Din 'Abd. al-Salam bersendirian di kalangan ulama' terdahulu yang mengharuskan bertawassul dengan dzat seorang Nabi. Namun beliau mengharuskan bertawassul hanya kepada dzat Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam sahaja<sup>13</sup> seperti ungkapan: "Ya Allah, daku bertawassul kepada-Mu dengan Nabi serta kekasih-Mu Muhammad" atau "Ya Allah, daku bermohon kepada-Mu dengan Jah (kedudukan) Nabi-Mu Muhammad."

Di kalangan ulama' terkemudian yang mengharuskan bertawassul dengan dzat Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam ialah Imam al-Syaukani (m.1251H). Hakikatnya imam empat madzhab tidak pernah mengharuskan perbuatan ini. Cubaan sebahagian ulama' terkemudian mengharuskannya telah membuka pintu pelbagai jenis perbuatan bid'ah yang tidak memberi faedah kepada umat Islam.

Bagi mengetahui secara mendalam persoalan tawassul pembaca boleh merujuk kitab khusus seperti al-Tawassul wa al-Wasilah yang ditulis Imam Ibn Taymiyyah serta al-Intiqod al-Rajih 'ala Hasyiah Jala' al-'Ainain, hlm.269-315.

**Keempat:** al-Isti'azah.

Ilmu tauhid mewajibkan seseorang itu tidak meminta perlindungan (isti'azah) kepada makhluk. Seseorang itu semestinya meminta perlindungan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala serta menerusi al-Asma dan sifat-sifat-Nya. Sehubungan ini Imam Ahmad bin Hanbal rahimahullah mengatakan al-Qur'an merupakan kalam Allah bukan makhluk berdasarkan kepada hadith yang bermaksud: "Aku berlindung dengan kalimat Allah yang sempurna."

Sekiranya kalam Allah merupakan makhluk maka Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam memperlindungan diri kepada makhluk apabila mengungkapkan doa di atas. Al-Qur'an turut mengutuk golongan kafir kerana meminta perlindungan kepada selain Allah seperti kepada jin-jin. Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala yang berbunyi:

وَأَنَّهُ كَانَ رِجَالٌ مِّنَ الْإِنسِ يَعُوذُونَ بِرِجَالٍ مِّنَ الْجِنِّ فَزَادُوهُمْ رَهَقًا

Dan bahawa sesungguhnya adalah (amat salah perbuatan) beberapa orang dari manusia, menjaga dan melindungi dirinya dengan meminta pertolongan kepada ketua-ketua golongan jin, kerana dengan permintaan itu mereka menjadikan golongan jin bertambah sombong dan jahat. (Surah al-Jin: 6)

Dalam konteks ini syair terkenal yang dinamakan "al-Burdah" mengandungi ungkapan yang tidak berhak disandarkan melainkan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

---

<sup>13</sup> Namun beliau turut mengatakan: sekiranya sah hadith mengenainya. al-Durr al-Nadhid, hlm.6



*Wahai makhluk yang mulia (merujuk kepada Nabi),  
Tiadalah bagiku tempat berlindung selain engkau,  
Dikala bencana besar menimpaku.*

Ungkapan melampau al-Burdah menyebabkan Imam al-Syaukani walaupun mengharuskan bertawassul dengan dzat Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam turut menyatakan penentangan beliau terhadap syair yang terkenal ini.<sup>14</sup>

**Kelima:** Bersumpah kepada selain Allah.

Hakikatnya bersumpah kepada selain Allah Subhanahu Wa Ta'ala merupakan perbuatan yang menafikan kesempurnaan tauhid. Walaupun perkara ini disepakati ulama' masih wujud kalangan awam mahupun sebahagian golongan khusus yang melakukannya. Sehubungan ini di seluruh negara kaum muslimin terdapat individu yang bersumpah dengan para anbiya' 'alayhimussolatuwassam atau wali Allah. Sesiapa yang menentang perbuatan mereka akan dilabelkan sebagai Wahabi walaupun sipenentang ini tidak mengetahui apa itu Wahabi.

Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam bersabda yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidzi bermaksud: "Barangsiapa bersumpah selain kepada Allah maka dia melakukan perbuatan syirik."<sup>15</sup> Adakah tegahan yang lebih dahsyat dari sabda baginda ini? Imam Abu Hanifah berkata: "Tidak harus seseorang itu bermohon kepada Allah melainkan dengan Allah jua." Imam Abu Hanifah mengingkari sesiapa yang berkata: "Dengan kemegahan 'Arasy-Mu atau dengan Haq makhluk-Mu."

Tidak diharuskan bersumpah serta bermohon kepada selain Allah buat selama-lamanya. Imam Abu Yusuf mengizinkan ungkapan: Dengan kemegahan 'Arasy-Mu kerana yang memiliki serta beristiwa' di atas 'Arasy hakikatnya ialah Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Namun Imam Abu Hanifah mengingkarinya. Dalam konteks ini bermohon dengan hak makhluk hukumnya makruh yang tercela di sisi para ulama' sebagaimana perbincangan terdahulu.

**Keenam:** Menziarahi kubur.

Hukum syariat membenarkan menziarahi kubur dengan syarat tertentu.<sup>16</sup> Umat Islam diharuskan menziarahi kubur para anbiya' 'alayhimussolatuwassalam, golongan salihin, kaum muslimin dan kubur golongan kafir dengan tujuan mengingati mati. Menziarahi kubur kaum muslimin hukumnya sunat dengan syarat tidak melakukan perkara yang ditegah seperti bermohon kepada penghuni kubur.

Al-Syeikh al-Imam serta pengikutnya tidak mengingkari ziarah kubur. Mereka hanya menyatakan penentangan terhadap perbuatan bid'ah yang dilakukan ke atas kubur mahupun penghuninya seperti bermohon serta meminta syafaat.

---

<sup>14</sup> al-Durr al-Nadhid, hlm.29

<sup>15</sup> Tuhfah al-Ahwazi, Jil. 5, hlm.135. Hadith lain yang senada dengan hadith di atas bermaksud: "Sesiapa yang bersumpah selain kepada Allah maka dia seorang kufur atau syirik." Menurut Imam al-Tirmidzi hadith ini hadith hassan (penterjemah).

<sup>16</sup> Ziarah yang dimaksudkan di sini bukan melakukan perjalanan menziarahi kubur.

Ziarah kubur sebagaimana yang terdapat di zaman kita tidak termasuk ke dalam kategori “ziarah”. Ini disebabkan ia dipenuhi perbuatan bid’ah serta khurafat. Dalam konteks ini wujud pelbagai hadith Rasulullah sallallahu ‘alayhi wa sallam mengenai larangan pembinaan masjid di atas kubur.<sup>17</sup> Berpandukan hadith-hadith ini pengikut al-Syeikh al-Imam berusaha meruntuhkan binaan di atas kubur kerana ia menyalahi hukum syariat.

Hakikatnya peristiwa meruntuhkan binaan kubur ini dilakukan sejak zaman Imam al-Syafie (m.204H) lagi. Imam al-Syafie menyebutkan dalam kitab al-Umm para penguasa pada zamannya meruntuhkan binaan di atas kubur sedangkan para ulama’ tidak mengkritik perbuatan mereka. Imam al-Nawawi turut menyebutkan perkara ini dalam kitab Syarh Muslim.<sup>18</sup>

Berdasarkan perbincangan di atas jelas kepada kita bahawa al-Syeikh al-Imam tidak menyeru kepada agama baru atau madzhab baru. Beliau sendiri berpegang kepada madzhab Imam Ahmad bin Hanbal (hanbali). Seruan dakwah beliau merupakan seruan berpegang teguh kepada al-Qur’an serta al-Sunnah sahaja. Di sisinya biarlah seorang al-Syafie kekal dengan madzhab al-Syafienya, begitu juga penganut madzhab lain.

---

<sup>17</sup> Bagi mengetahui secara mendalam sila rujuk Tahdhir al-Sajid man Ittiqadh al-Qubur Masajid karangan al-Syeikh Muhammad Nasir al-Din al-AlBani. (penterjemah)

<sup>18</sup> al-Hidyah al-Saniyyah: Hasyiah al-‘Allamah al-Sayyid Rasyid Ridha, hlm.49

# Bab Kelima

---

## **Pertuduhan Serta Pembohongan Terhadap Al-Syeikh Muhammad 'Abd. Al-Wahhab Dan Pergerakan Dakwahnya**

## Bab Kelima

### **Pertuduhan Serta Pembohongan Terhadap Al-Syeikh Muhammad 'Abd. Al-Wahhab Dan Pergerakan Dakwahnya**

#### **Istilah Wahabi**

Secara realiti pendustaan nyata terhadap pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam ialah mengelarkan mereka sebagai “al-Wahabiyyah” atau Wahabi. Golongan penentang berusaha sedaya upaya merujuk gelaran ini sebagai “kumpulan yang terkeluar dari agama Islam” atau “kumpulan yang mewujudkan agama baru”. Dalam konteks ini pihak Inggeris, Turki dan Mesir mempromosikan gelaran ini seolah-olah ia sejenis “hantu yang menakutkan” (syabhan mukhifan). Ini tatkala pergerakan al-Syeikh al-Imam berdiri teguh di pelbagai lapangan dan tempat sebagai sebuah pergerakan dakwah Islam. Pihak Inggeris melihat pergerakan ini sebagai sesuatu yang membahayakan kepentingan politik serta ekonomi sehingga melabelkannya sebagai “al-Wahabiyyah al-Najdiyyah”.

Pergerakan al-Sanusiyah di Maghribi serta pergerakan pembaharuan (al-Tajdid) serta kepimpinan (al-Imamah) di India mempunyai pendekatan fekah serta perkara cabang lain yang berbeza dengan pergerakan dakwah penduduk Najd. Walaupun demikian kedua pergerakan ini tetap dilontarkan pertuduhan sebagai pergerakan Wahabidisebabkan usaha jihad mereka yang berterusan.

Merujuk percubaan memperkenalkan istilah Wahabi dengan gambaran madzhab baru serta kumpulan sesat, hakikatnya istilah yang digunakan ini dikritik dari segi sandaran. Sekiranya dinisbahkan kepada pengasasnya iaitu al-Syeikh Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab sudah semestinya pengikut beliau digelar sebagai “Muhammadiyyun”. Namun sudah tentu golongan penentang tidak menghendaki merealisasikan matlamat pertuduhan serta pembohongan dengan melabelkan pengikut al-Syeikh al-Imam sebagai “Muhammadiyyun”. Oleh itu mereka menisbahkan pergerakan ini ke atas ayah al-Syeikh al-Imam iaitu al-Syeikh 'Abd. al-Wahhab. Sehubungan ini gelaran “Wahabi” merupakan istilah yang sangat terkenal sehinggakan sejarawan serta penulis menisbahkan pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam kepada ayahnya 'Abd. al-Wahhab. Contoh yang jelas [penulisan Bridges (Jil. 2/hlm.134)].

Zwemmer, ketua missionari terkenal turut membawa kenyataan palsu apabila mengatakan golongan Wahabimerupakan agama serta madzhab baru. Beliau seterusnya mengatakan Imam Ibn al-Qayyim (m.751M) mempunyai persamaan pemikiran dengan al-Syeikh al-Imam oleh itu Ibn al-Qayyim merupakan seorang Wahabi. Kenyataan Zwemmer berbunyi: “Ibn al-Qayyim merupakan seorang Wahabi namun dia menamakan dirinya Hanbaliyan (pengikut madzhab hanbali).”<sup>1</sup> Betapa bodoh si Zwemmer sehingga tidak mengerti bahawa istilah Wahabi hanya wujud 4 abad setelah Ibn al-Qayyim meninggal dunia.

---

<sup>1</sup> al-Muqattaf, Jil. 27, hlm.295

Penulis tidak mempunyai maklumat kukuh mengenai individu yang mula menggunakan istilah Wahabi. Namun golongan penentang menggunakan istilah Wahabi terhadap pengikut al-Syeikh al-Imam ketika beliau masih hidup. Ini merupakan pandangan Margoliouth<sup>2</sup> serta selainnya.<sup>3</sup>

Neuber, seorang penjelajah Eropah yang hidup sezaman dengan al-Syeikh al-Islam tidak menggunakan istilah Wahabi. Jelas bahawa istilah ini tidak terkenal ketika itu (1764M). Sebaliknya beliau melabelkan pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam sebagai “agama baru” (New Religion).<sup>4</sup> Setelah beberapa tahun al-Syeikh al-Imam meninggal dunia, muncul beberapa penjelajah lain yang mengulas mengenai pergerakan penduduk Najd. Antaranya Ali Bek ‘Abbas Badia (m.1807M) dan Brockhardt (m.1814M). Badia berpeluang menziarahi Hijaz sebelum dikuasai tentera Mesir. Namun beliau tidak menyatakan sama ada istilah Wahabi digunakan ketika itu.

Brockhardt menziarahi Hijaz selepas ia dikuasai Muhammad Ali dan tenteranya pada 1229H/1814M. Beliau menghasilkan beberapa rencana mengenai golongan Wahabi pada 1816M. Penulisan beliau dikumpulkan sehingga menjadi 2 jilid bertajuk: Notes on the Bedouins and the Wahhabys. Dalam penulisan ini perkataan Wahabi digunakan secara meluas. ‘Abd. al-Rahman al-Jabarti (m.1238H) menerusi kitab sejarah yang ditulisnya turut menggunakan perkataan Wahabi secara meluas.<sup>5</sup> Mengulas peristiwa 1218H, al-Jabarti berkata: “Penduduk Mekah mendatangi jemaah haji serta menasihati mereka supaya melarikan diri dari “al-Wahabi”.”<sup>6</sup>

Ternyata menerusi kenyataan di atas istilah Wahabi tersebar luas ketika berlaku peperangan antara penduduk Najd dengan Mesir.

### **Penentang Pertama Al-Syeikh Al-Imam**

Individu pertama yang menyatakan pembohongan terhadap al-Syeikh al-Imam ketika hayatnya ialah Sulaiman bin Muhammad bin Suhaim.<sup>7</sup>(m.1181H). Pertuduhan beliau yang tersebar di seluruh lapangan dan tempat<sup>8</sup> ialah seperti berikut:

1. Meruntuhkan kubah Zaid bin al-Khattab di Jubailah
2. Meruntuhkan masjid berhampiran kubur
3. Membakar kitab Dalail al-Khairat dan Raudh al-Rayyahin
4. Mengkafirkan Ibn al-Farid serta Ibn ‘Arabi.

Hakikatnya kubur Zaid bin al-Khattab radiyallahu ‘anh tidak diketahui secara pasti. Pembakaran kitab Dalail al-Khairat serta Raudh al-Rayyahin hanyalah suatu pembohongan. Ini

---

<sup>2</sup> Rencana “al-Wahabiyah”

<sup>3</sup> Margoliouth berdasarkan kepada kenyataan Daud al-Baghdadi (m.1882M) menerusi kitabnya Sulh al-Ikhwan [Margoliouth: Notes on Mahammedanism, hlm.219]

<sup>4</sup> Jil. 2, hlm.133-135

<sup>5</sup> Jil. 3, hlm.233, 235 dan 252

<sup>6</sup> ‘Ajaib al-Athar, Jil. 3, hlm.225

<sup>7</sup> Nama penuhnya Sulaiman bin Muhammad bin Ahmad bin Ali bin Suhaim. Ayahnya termasuk kalangan penentang dakwah. Raudhah al-Afkar Jil.1, hlm.38.

<sup>8</sup> Raudhah al-Afkar Jil.1, hlm.42-43, 37

walaupun al-Syeikh al-Imam menegah pengikutnya dari membaca kedua kitab ini. Pengkafiran terhadap Ibn al-Farid serta Ibn 'Arabi memang benar berlaku. Ibn Ghannam mengulas: "al-Syeikh al-Imam mengkafirkan Ibn 'Arabi, Ibn Farid dan individu yang seumpama dengan mereka."<sup>9</sup>

Dalam persoalan mengkafirkan kedua individu ini al-Syeikh al-Imam tidak bersendirian. Sikap beliau ini turut dilakukan tokoh ulama' ahl al-Sunnah wa al-Jamaah terdahulu. Al-Buqa'ie mengulas mengenai Ibn 'Arabi:

Jelas kufurnya lelaki ini serta sesiapa yang mengikutinya kerana mengeluarkan kenyataan yang menyesatkan menyalahi para ulama', ilmuwan serta pemuka (masyaikh) Islam.

Al-Buqa'ie mengulas mengenai Ibn Farid:

Beliau ini seorang zindik. Kenyataan ini disokong 40 ulama' terkemuka di zamannya serta zaman kita.

Al-Buqa'ie menyebutkan senarai ulama' yang mengkafirkan Ibn Farid antaranya: 'Izz al-Din bin 'Abd. al-Salam, Taqi al-Din Ibn al-Solah, al-Qastalani, Ibn Daqiq al-'Aid, Ibn Jama'ah, al-Subuki, al-Zahabi, Ibn Hajar, al-'Aini, Wali al-Din al-'Iraqi, 'Ila al-Din al-Bukhari dan sebagainya.<sup>10</sup>

### **Penentang Utama Lain Yang Sezaman Dengan Al-Syeikh Al-Imam**

Golongan ini bekerjasama dengan Ibn Suhaim serta membantunya dalam melancarkan serangan terhadap al-Syeikh al-Imam. Senarai mereka seperti berikut:

Peringkat pertama

1. Ahmad bin Ali al-Basri (m.1150H)
2. Muhammad bin 'Abd. al-Rahman bin 'Afaliq al-Hanbali (m.1756H)
3. 'Abd. Allah bin Isa bin Muwais (m.1175H)
4. Ibn Fairum (m.1216H)

Peringkat kedua

1. 'Afif al-Din 'Abd. Allah bin Daud al-Zubairi al-Hanbali (m.1225H)
2. Ahmad 'Abd. Allah al-Haddad al-Ba'lawi al-Tarimi al-Syafi'e
3. Ibn Fairuz (m.1216H)

Ibn Fairuz, salah seorang penentang di atas menghasilkan penulisan mencaci-maki al-Syeikh al-Imam sehingga mengeluarkan kenyataan seperti berikut:

---

<sup>9</sup> Raudhah al-Afkar Jil.1, hlm.154, 167, 198

<sup>10</sup> Bagi mengetahui isu ini dengan mendalam sila rujuk keseluruhan kitab Musarri al-Tasawwuf karangan al-Buqa'ie.

'Abd. al-Wahhab terlupa bahawa syaitan melakukan hubungan jenis dengan ibunya (iaitu ibu kepada al-Syeikh al-Imam). Ini sehinggakan syaitanlah bapa kepada si Marid ini (merujuk al-Syeikh al-Imam)...hingga akhir.<sup>11</sup>

## **Pelbagai Pembohongan Terhadap Al-Syeikh Al-Imam**

### **1. Mengakui menjadi Nabi**

Hakikatnya para penentang apabila tidak berupaya melancarkan serangan mereka akan berkata:

“Lelaki ini (merujuk al-Syeikh al-Imam) ingin menjadi seorang Nabi namun dia menyembunyikan di dalam dirinya.”<sup>12</sup>

Ahmad Zaini Dahlan menyatakan:

Secara zahir dari perlakuan Muhammad 'Abd. al-Wahhab beliau ingin menjadi seorang Nabi. Namun dia tidak berupaya menyatakan pada umum.<sup>13</sup>

Neuber turut terpengaruh dengan pertuduhan ini sambil berkata:

Muhammad 'Abd. al-Wahhab ingin menjadi seorang Nabi namun bukan melalui wahyu atau ilham yang disampaikan malaikat.<sup>14</sup>

Contoh buruk menyamai kenyataan Neuber di atas ialah kenyataan T. E Ravenshaw yang berbunyi:

Muhammad 'Abd. al-Wahhab tidak mempercayai ilham serta kitab yang diturunkan Tuhan kepada manusia. Selain itu dia tidak meyakini kewujudan agama yang berasaskan ketuhanan. Oleh yang demikian dia tidak menamakan pergerakannya sebagai al-Din Muhammadi (ajaran yang di bawa Muhammad).<sup>15</sup>

### **2. Menolak hadith**

Suatu yang menghairankan apabila tokoh yang berpegang teguh dengan Sunnah Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam dituduh sebagai mengingkari hadith. Individu pertama melemparkan tuduhan ini ialah al-Haddad al-Ba'lawi. Namun semakin ganjil apabila pertuduhan ini terkeluar dari mulut 'Abd. Allah Yusuf Ali, tokoh penterjemah al-Qur'an ke dalam bahasa Inggeris. Beliau berkata: “Karamat Ali beriman kepada hadith-hadith, namun golongan Wahabimenolaknya.”<sup>16</sup>

---

<sup>11</sup> Raudhah al-Afkar, Jil. 2, hlm.214

<sup>12</sup> Mishbah al-Anam, manuskrip, helaian 5, 6

<sup>13</sup> al-Durar al-Saniyyah, hlm.46.

<sup>14</sup> Rihlah Newber, Jil. 2, hlm.134

<sup>15</sup> Muzakkirat Ravenshaw, hlm.. 437, 445

<sup>16</sup> Inkrizi 'Ahd Mayan Hadustan Kai Tamadun Kai Tarikh (Urdu), hlm.192

Dalam konteks ini Thomas Patrick Hughes seorang missionari Kristian tidak menulis sepertimana kenyataan 'Abd. Allah Yusuf Ali. Ketika membandingkan gerakan Wahabi dengan gerakan protestant beliau berkata:

Gerakan Wahabi kadangkala dikatakan gerakan protestant dalam Islam. Namun terdapat perbezaan ketara antara keduanya. Gerakan protestant berpegang teguh kepada Bible dengan menolak tradisi gereja. Sebaliknya gerakan Wahabi berpegang teguh kepada al-Qur'an serta Ahadith.<sup>17</sup>

### 3. Mengkafirkan kaum muslimin serta memerangi mereka.

Al-Syeikh al-Imam menolak pertuduhan karut ini menerusi kenyataan yang amat jelas:

Sekiranya kami tidak mengkafirkan sesiapa yang mengabdikan diri kepada berhala yang terdapat di atas kubah 'Abd. al-Qadir, Ahmad al-Badawi serta seumpamanya disebabkan kejahilan serta tidak ada individu yang menyatakan kebenaran kepadanya, bagaimana mungkin kami mengkafirkan sesiapa yang tidak menyegutukan Allah atau sesiapa yang tidak berhijrah kepada kami?..Subhanaka Hadza Buhtanum 'Adhim.<sup>18</sup>

Walaupun perkara ini jelas namun pertuduhan mengkafirkan kaum muslimin ini berterusan disandarkan kepada golongan Wahabi. Ibn 'Abidin al-Hasyimi (m.1258H/1842M) dalam kitab Hasyiah terkenalanya Radd al-Mukhtar turut terpengaruh dengan pembbohongan ini ketika mengulas:

Sebagaimana yang terjadi di zaman kita menerusi pengikut 'Abd. al-Wahhab yang berasal dari Najd kemudian menguasai kota Mekah dan Madinah serta menganuti madzhab Hanbali. Namun mereka meyakini diri sebagai muslim sebenar manakala golongan yang menyalahi pandangan mereka sebagai musyrik. Oleh sebab itu golongan Wahabi menghalalkan pembunuhan ke atas ahl al-Sunnah serta ulama mereka.<sup>19</sup>

Ahmad Zaini Dahlan yang merasakan dirinya mendekati Allah dengan menentang pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam turut mempromosikan pertuduhan ini.<sup>20</sup>

Dalam konteks ini tokoh salafi terkenal di India iaitu Sodiq Hassan Khan (m.1307H) tidak dapat memberi kata putus atau hukuman secara pasti terhadap pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam. Namun kesemua kenyataan beliau merupakan pernyataan baik serta menghampiri kebenaran (contoh menerusi kitabnya Ithaf al-Nubala', hlm.413).<sup>21</sup>

---

<sup>17</sup> Dictionary of Islam, hlm.66

<sup>18</sup> Raudhah al-Afkar, hlm.479 yang ditahqiq oleh Dr Nasir al-Din al-Asad (penterjemah)

<sup>19</sup> al-Radd al-Mukhtar, Jil. 3, hlm.309

<sup>20</sup> al-Durr al-Saniyyah, hlm.45-46 dan Khulasoh al-Kalam, hlm.229, 230, 232.

<sup>21</sup> Sikap Sodiq Hassan dapat difahami disebabkan beberapa faktor seperti berikut:

1. Sodiq Hassan Khan hidup antara 1248-1307H. Dalam tempoh ini negeri Najd dikuasai musuh manakala golongan Wahabi dikalahkan serta ditindas. Dalam konteks ini segala jenis pertuduhan serta pembbohongan terhadap mereka disebarluaskan. Dengan itu agak sukar bagi seseorang mempertahankan perjuangan golongan Wahabi secara terang-terangan. Ini sehinggakan kitab Siyanah al-Insan 'an waswasah Syeikh Dahlan yang ditulis bagi menjawab pertuduhan serta pembbohongan Ahmad Zaini Dahlan tidak disertakan nama pengarang pada peringkat permulaan.



Imam al-Syaukani (m.1250H) turut terpengaruh dengan pertuduhan ini sebelum mendapat penjelasan sebenar hakikat perjuangan al-Syeikh al-Imam.<sup>22</sup> Beliau pernah mengulas:

Golongan Wahabi meyakini sesiapa yang diluar dari penguasaan penguasa Najd serta tidak mematuhi perintahnya maka dia seorang kafir.<sup>23</sup>

Hakikatnya pertuduhan golongan penentang penduduk Najd mengkafirkan umat Islam merupakan suatu kekeliruan. Madzhab penduduk Najd bukan madzhab baru tetapi madzhab Imam Ahmad bin Hanbal (Hanbali). Sehubungan ini al-Syeikh Hamid bin Nasir bin 'Uthman bin Mu'ammam al-Najdi (m.1225H) salah seorang murid al-Syeikh al-Imam mengemukakan tiga permasalahan kepada para ulama' Mekah pada 1211H. Permasalahan kedua secara ringkas seperti berikut:

Sesiapa mengatakan Lailahailallah Muhammad Rasulullah namun dia melakukan syirik seperti bermohon kepada orang yang sudah mati bagi memperkenankan hajat serta menghilangkan kesusahan maka dia kafir musyrik yang dihalalkan darah serta hartanya. Sesiapa mengatakan Lailahailallah Muhammad Rasulullah serta menunaikan solat dan berpuasa maka dia seorang muslim.

Menerusi risalah ini Ibn Mu'ammam al-Najdi mengharuskan memerangi sesiapa yang meninggalkan solat kerana malas. Ini merupakan perkara yang disepakati pemimpin empat madzhab kecuali al-Zuhri serta Abu Hanifah.<sup>24</sup> Tidak perlu kepada penjelasan lanjut kerana ia merupakan pandangan yang dikenali di kalangan ulama Hanbali. Penduduk Najd turut berpandangan sedemikian iaitu hukum kafir kepada sesiapa yang meninggalkan solat.

Merujuk persoalan penyembah atau pencinta kubur, Imam al-Son'ani al-Yamani (m.1182H) tidak membezakan antara mereka dengan penyembah berhala.<sup>25</sup> Al-Syeikh al-Imam turut berpandangan sedemikian. Namun hukum kafir hanya ke atas mereka yang ditegaskan

---

2. Kesan kekalahan golongan mujahidin dalam menghadapi Inggeris di Balakut pada 1246H masih dirasai. Masyarakat Islam dihukum kerana berpegang teguh dengan cara hidup al-Sunnah. Ini sehinggakan sekiranya seseorang itu mengucapkan "Amin" dengan suara kuat ketika menunaikan solat ia akan dihukum dengan hukuman berat.

3. Sodiq Hassan Khan merupakan tokoh yang berkedudukan sama ada dari sudut politik mahupun keilmuan. Sehubungan ini musuh-musuh beliau yang secara realiti bekerjasama dengan Inggeris hanya menunggu peluang untuk menyerangnya. Di sisi mereka, jenayah paling besar yang beliau dapat lakukan ialah menyebarkan fahaman Wahabi serta melancarkan gerakan jihad.

4. Oleh sebab itu Sodiq Hassan Khan tidak berupaya untuk mempertahankan pergerakan dakwah al-Syeikh al-Imam tidak sepertimana tokoh-tokoh yang lahir selepasnya. Namun matlamat utamanya ialah untuk mempertahankan serta memberi perlindungan kepada golongan tauhid di India sama ada dari sudut jiwa, kebendaan mahupun maruah yang secara hakiki dituduh sebagai pengikut Wahabi.

5. Oleh yang demikian Sodiq Hassan Khan serta ulama' hadith yang lain di India sibuk mempromosikan bahawa golongan tauhid di India tidak ada hubungkait dengan penduduk Najd. Kenyataan mereka ada kebenaran kerana golongan tauhid di India ini mendasari pegangan mereka terus dari al-Qur'an serta al-Sunnah dan bukan melalui para ilmuan Najd.

6. Namun Sodiq Hassan Khan masih mampu bersikap adil terhadap golongan Wahabi. Beliau menyebut perkara ini dalam banyak hasil penulisannya. Beliau akan menyatakan dakwaan para penentang diikuti dengan jawapan para pengikut al-Syeikh al-Imam. Pembelaannya terhadap golongan Wahabi terserlah apabila beliau melantik pengarang kitab Siyanah al-Insan 'an Waswasah Syeikh Dahlan menjadi pengarah bahagian keagamaan di negerinya. (penterjemah)

<sup>22</sup> Imam al-Syaukani menulis kitab al-Badr al-Toli' ketika peperangan berlaku antara 'Abd. al-'Aziz penguasa Najd dengan Ghalib penguasa Mekah. Dengan itu tidak menghairankan apabila segala sampah sarap pertuduhan serta pembohongan ke atas golongan Wahabi disebarluaskan sehingga sampai ke negeri Yaman serta diketahui Imam al-Syaukani walaupun ianya bukan suatu kebenaran. Namun apabila mengetahui hakikat sebenar perjuangan dakwah al-Syeikh al-Imam, beliau menyatakan pujian terhadapnya menerusi gubahan puisi.

<sup>23</sup> al-Badr al-Toli', Jil. 2, hlm.5

<sup>24</sup> Bagi mengetahui huraian lanjut sila rujuk al-Hidyah al-Saniyyah, hlm.69, 86.

<sup>25</sup> Tathir al-'Itiqod, hlm.12

hujah ke atasnya bukan kerana kejahilan. Penduduk Najd menyatakan pandangan al-Syeikh al-Imam:

Al-Syeikh al-Imam tidak mengkafirkan penyembah berhala yang menyeru para awliya' atau salihin yang sudah mati serta selainnya yang termasuk perbuatan syirik melainkan setelah ditegakkan hujah ke atas pelakunya. Sekiranya masih menolak setelah ditegakkan hujah maka diperangi, dibunuh serta dirampas harta mereka. Ini merupakan kenyataan al-Qur'an serta al-Sunnah dan persepakatan imam empat madzhab.<sup>26</sup>

Jelas di sini bahawa al-Syeikh al-Imam serta pengikutnya mensyaratkan supaya ditegakkan hujah sebelum menjatuhkan hukum kafir serta diperangi. Dalam konteks ini al-Syeikh al-Imam memiliki pembuktian kukuh di mana Abu Bakr al-Siddiq radiyallahu 'anh memerangi golongan yang menolak membayar zakat.<sup>27</sup> Dengan itu kami mendapati mereka sama sekali tidak mengkafirkan secara umum.

Memang benar, di sisi mereka (al-Muwahidun), para penyembah kubur serta golongan yang melakukan perbuatan syirik, ia merupakan perbuatan kufur bukan sahaja dari sudut tindakan (al'-Amali) sahaja tetapi keyakinan (akidah). Ini kerana di sisi mereka tauhid al-Rububiyah sahaja tidak mencukupi tanpa tauhid al-Uluhiyyah. Ini merupakan syarat asas menjadi muslim yang beriman. Tidak mencukupi beriman kepada Allah sebagai pencipta yang mengurus alam sahaja. Golongan jahiliyyah turut beriman kepada tauhid al-Rububiyah namun mereka menyekutukan Allah dari sudut tauhid al-Uluhiyyah.

Oleh sebab itu golongan jahiliyyah menamakan sembah mereka yang terdiri dari batu serta pokok sebagai (Ilahan). Sebaliknya golongan musyrikin serta jahil abad ini tidak melakukan demikian. Malah mereka melebihinya dengan memperuntukkan kepada makhluk keseluruhan hak al-Uluhiyyah seperti bernazar, memohon hajat, tawaf keliling kubur, melakukan sembelihan dan sebagainya di atas nama tawassul serta meminta syafaat.

Walaupun bagaimanapun hakikat sesuatu tidak akan berubah dengan berlaku perubahan nama. Bagi pembaca yang ingin memahami isu ini dengan mendalam sila rujuk kitab Tabri'ah al-Syaikhain al-Imamiyyin yang ditulis Sulaiman bin Sahman secara khusus dihalaman 82-125.

### **Pelbagai Pembohongan Lain**

Al-Syeikh 'Abd. Allah bin Muhammad bin 'Abd. al-Wahhab menjawab perkara ini menerusi risalahnya kepada penduduk Mekah pada 1218H/1803M seperti berikut:

Antara pembohongan ke atas kami yang menyalahi kebenaran ialah dakwaan kami mentafsirkan al-Qur'an dengan pemikiran, mengambil sesuatu hadith tanpa memahaminya... kononnya kami berkata: Nabi laksana tali reput di dalam kubur sementara tongkat kami lebih bermanfaat dari jasadnya, tidak wujud syafaat pada dirinya....menziarahi kuburnya tidak

---

<sup>26</sup> Tabri'ah al-Syaikhain, hlm.86

<sup>27</sup> al-Qawaid al-Arba'ah dalam Raudhah al-Afkar, Jil. 1, hlm.135, 137, Ji. 2, hlm.32

diharuskan...kami mengkafirkan kaum muslimin secara keseluruhan...di mana jawapan terhadap keseluruhan pembbohongan ini ialah Subhanaka Hadza Buhtanun 'Adhim.<sup>28</sup>

### **Meruntuhkan Kubah Yang Dibina Di Atas Kubur Rasulullah**

Golongan penentang mendakwa Saud bin 'Abd. al-'Aziz bin Muhammad bin Saud meruntuhkan kubah yang dibina di atas kubur Rasulullah sallallahu 'alayhi wa sallam. Sejarahwan Eropah turut merasa gembira menyatakan kenyataan dusta ini. Antara mereka: Stoddard (Hadhar, Jil. 11, hlm.64), Hughes (Dictionary of Islam, hlm.660), Zwemmer (hlm.195), Anne Blunt (Mustaqbal al-Islam, hlm.45), Margoliouth (Da'irah al-Ma'arif al-Adyan wa al-Akhlaq, Jil. 2, hlm.661) serta selainnya.

Hakikatnya penduduk Najd tidak pernah melihat dengan penglihatan yang tidak baik terhadap kubur baginda. Walaupun mereka bergembira dengan kejayaan meruntuhkan kubah lain serta pembahagian harta di sekelilingnya namun dakwaan meruntuhkan kubah di atas kubur baginda merupakan dakwaan palsu yang tidak mempunyai asas. Bridges yang menetap di Baghdad serta Basrah ketika penduduk Najd melebarkan pengaruh turut tidak bersetuju dengan pertuduhan ini.<sup>29</sup>

### **Penyaksian Tokoh Inggeris**

Bridges mengulas:

Turki Uthmaniyyah melancarkan serangan dengan mengatakan 'Abd. al-'Aziz melarang umat Islam dari menziarahi Madinah. Kenyataan ini tidak benar. Beliau hanya melarang melakukan perbuatan syirik di sisi Raudhoh al-Mutohharah sebagaimana larangan dilakukan di sisi kubur awliya' lainnya.

Sebahagian golongan jahil melemparkan tuduhan kafir terhadap golongan Wahabi. Sebaliknya mereka mengikuti sepenuhnya al-Qur'an serta al-Sunnah. Oleh itu pergerakan Wahabi merupakan pergerakan Islam yang sejati (Puritanism).<sup>30</sup>

Roussau, seorang Peranchis bodoh (Ahmaq) menulis pada 1808M bahawa Saud (penguasa Najd) mengasaskan madzhab baru serta memansuhkan ibadat haji. Roussau mendakwa memperolehi maklumat dari seorang lelaki yang rapat dengan penguasa Najd. Hakikatnya pertuduhan ini dusta semata-mata. Golongan Wahabi berpegang teguh kepada al-Qur'an serta al-Sunnah dengan itu bagaimana mungkin mereka memansuhkan ibadat haji? Untuk pengetahuan si Peranchis bodoh ini<sup>31</sup> Saud hanya melarang perbuatan buruk dilakukan ketika

---

<sup>28</sup> Tarikh Najd, hlm.45-49, Sodiq Hassan Khan, Ittihaf al-Nubala', hlm.414-416

<sup>29</sup> Bridges, Jil. 2, hlm.109-110

<sup>30</sup> Bridges, Jil. 2, hlm.109-110

<sup>31</sup> Roussau menghasilkan 2 penulisan yang mengandungi kenyataan golongan Wahabi menegah umat Islam menunaikan haji iaitu: Pasbalike de Baghded dan A Memoris in the Min de, Ioriont

musim haji. Selain itu antara tindakan awal yang dilakukan penguasa Najd ketika menguasai Mekah ialah beliau sendiri melakukan tawaf serta sa'ie (menunaikan haji).<sup>32</sup>

### **Pertudahan Ajaib**

Seorang syeikh Badwi meriwayatkan suatu kisah khayalan dalam kitab al-A'immah wa al-Saddah mengenai Emams and Sayads of Oman yang diperolehi dari penulisan Salil bin Raziq iaitu: "Golongan Wahabi memiliki satu juzuk (al-Qur'an) yang dibuang 'Uthman radiyallahu 'anh dari mushafnya."<sup>33</sup>

---

<sup>32</sup> Bridges, Jil. 2, hlm.102, 203

<sup>33</sup> Hasyiah, hlm.202-203